

Mabuk Sebelum Fajar Menyingsing

(Drunk Before Dawn)

Oleh

Shirley Lees

(Diterjemahkan Evelyn Tan Hwee Yong)

Upstream Publishing

Mabuk Sebelum Fajar Menyinsing

hakcipta@Tan Hwee Yong 2013

Penulis: Shirley Lees

Penterjemah: Tan Hwee Yong

Pelukis dan Pereka Kulit Buku: Tan Hwee Yong

Penterjemahan diizinkan daripada Overseas Missionary Fellowship

ISBN: 978-967-11065-7-0

Hakcipta terpelihara dan tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian bab, isi kandungan dalam jua bentuk apa pun tanpa izin bertulis daripada Upstream Publishing di hweeyong@yahoo.com.

Diterbitkan oleh:

Upstream Publishing

C70 Block C, Perdana Condo

PJU 8/1 Damansara Perdana

47820 Petaling Jaya

Facebook: Tan Hwee Yong

Facebook: Upstream

Email: hweeyong@yahoo.com

Dicetakkan

JESS CONCEPT

20-0-8 Jalan 1/108C Taman Sg. Besi

57100 Kuala Lumpur

Isi Kandungan

Halaman

Kata Pengantar Dr. Michael Griffiths

v

Pendahuluan

Bab 1 Tidak Ada Kes Untuk Diadili Lagi

1

Bahagian Pertama

Menjelang Fajar 1929-1939

Bab 2 Mendirikan Satu Misi Lagi!

9

Bab 3 Permulaan Yang Kecil

15

Bab 4 Terang Pertama

25

Bab 5 Berjalan Tertempang-Tempang

33

Bahagian Kedua

Fajar 1938-1950

Bab 6 Mukjizat Orang Lun Bawang

42

Bab 7 Maju Dan Dawai duri

51

Bab 8 Terang-Nya Tersebar

61

Bahagian Ketiga

Betapa Singkatnya Hari Itu (1950-1970)

Bab 9 Kemerdekaan

75

Bab 10 Telur Mentah Dan Kapal Terbang

87

Bab 11 Panduan Tertulis

101

Bab 12 Perkembangan Spontan

113

Bab 13 Kenapa Bukan Orang Iban?

127

Bahagian Keempat

Ufuk Baru 1970-1978

Bab 14 Pemikiran Semula Dan Pembaharuan

139

Bab 15 Kebangunan Rohani

149

Bab 16 Fajar Menyingsing, Ufuk Baru Menjelang

161

Tarikh-Tarikh Yang Penting

1 Sept.1928	Pertemuan Rasmi BEM
13 Nov. 1928	Ketibaan Di Kuching
Jun/Ogos	Kunjungan Pertama Ke Trusan
13 Nov. 1937	Hari Doa
21 Nov 1937	Izin Diberikan Untuk Ke Trusan
17 Dis 1941	Orang Jepun Tiba Di Miri
27 April 1945	Kematian Frank Davidson
Ogos/Sept 1946	Para Mubaligh Kembali
5 Mei 1947	Pembukaan Sekolah Alkitab Di Lawas
5 Jun 1947	Perubahan Di Long Tebangan
23 Jun 1950	Ketibaan Selamat Di Lawas
14-25 Ogos 1950	BEM Membentuk Matlamat Panduan Dasar Lima Belas Tahun
8 Jun 1950	Landasan Pertama Di Long Atip
7-12 Dis	Pembentukan SIB
6 Mei 1962	Perjanjian Baru Lun Bawang Dipersembahkan Kepada SIB
31 Ogos 1963	Pembentukan Malaysia
17 Jun 1969	BEM Ke Kuching
Ogos 1972	Pembangunan Sekolah Alkitab Miri
11-15 Dis 1972	Dr. Petrus Octavianius Di Persidangan SIB
Oktober 1973	Kebangunan Rohani Bario
Febuari 1974	Siaran Radio FEBC
17 Nov 1974	Gereja SIB Di Kota Kinabalu
28 Mac 1974	Gabungan BEM Dan OMF
Jan/Mac 1975	Pusat Administrasi Berpindah Ke Miri
6-10 Dis 1976	SIB Sabah Didirikan
Januari 1978	Orang Malaysia Timur Menjadi Kakitangan Pertama Di Sekolah Alkitab Miri Dan Sekolah Alkitab Atas Di Lawas

Kata Pengantar

Cerita ajaib ini pernah terjadi di sudut dunia yang paling indah yang pernah aku kunjungi. Perasaan isteriku dan aku tertakjub oleh segala yang kami alami dalam tiga minggu singkat ini. Sesungguhnya penulis buku ini, Shirley Lees, bukanlah tetamu asing lagi di Borneo, dia telah mencurahkan segala yang pernah dialaminya setelah melayani bersama suaminya yang bertugas sebagai seorang doktor di kalangan orang Tagal, di Sabah. Di Borneo juga, kedua-dua cahaya mata perempuan mereka dilahirkan.

Aku gembira kerana dapat menyaksikan bagaimana gereja bertumbuh semasa kehidupan aku. Sekalipun aku mengetahui sejarah ini, hatiku sungguh terharu apabila aku membaca cerita hebat ini. Kita bergembira apabila melihat seorang jiran atau teman kita mengenal Kristus, tetapi bayangkan, di Borneo seluruh penghuni rumah panjang berubah dan gaya kehidupan seluruh suku bangsa menjadi baru!

Sejak kebelakangan ini, orang Kristian di Barat begitu berminat terhadap kehidupan bermasyarakat. Wah, belum pernah aku melihat tiga ratus orang Kristian tinggal di bawah bumbung rumah panjang yang sama! Sesungguhnya, belum pernah aku alami sambutan mesra atau lihat kehidupan murni tanpa ternoda pengaruh dunia luar rimba. Aku dapat melihat perbezaan kehidupan mereka sebelum dan selepas Kristus memberi mereka kehidupan baru. Aku tersenyum sewaktu mendengar cerita ketua muzium yang pernah melihat keadaan suku ini sewaktu dia mengunjungi mereka. Dia telah menganggap mereka tiada berpengharapan namun kini dia begitu terkejut dengan perubahan mereka. "Apakah yang telah engkau lakukan kepada orang ini, Southwell?" tanya ketua muzium ini.

Buku ini memberi gambaran tentang pelayanan mubaligh di negara yang sedang membangun semasa belum terwujud jalanraya di pedalaman. Aku begitu terkagum dengan segala yang pernah dialami oleh para mubaligh ini. Mereka terpaksa mengharungi sungai-sungai deras yang mengalir dari pergunungan, menembusi pepaya, menerokai rerimba dan menyelami cabaran kehidupan kuno. Ular dan rimba akan menjadi tuan rumah anda jika anda membiarkan rumah anda terdampar kosong di sana. Surat yang terlambat sampai, kekurangan kewangan, dan penjajahan orang Jepun

adalah rintangan-rintangan mereka. Kadangkala, berita baik mereka disambut dengan motif yang berlainan oleh orang asli di sana. Kadangkala kerajaan juga tidak membenarkan mereka masuk ke dalam pedalaman kerana mereka lebih rela suku-suku bangsa ini terpusus akibat kemabukan arak dan penyakit. Selain itu, para mubaligh terpaksa mengatasi kesulitan berbahasa asing. Bayangkan, pada waktu itu masih tidak ada kamus bahasa asli, tidak ada guru, mahupun pelatih bahasa mereka.

Kita perlu mengenangi beberapa peristiwa penting. Winsome Southwell telah menyembunyikan senaskah Injil Markus yang bernilai pada tali gantungan sewaktu berada di kem penjajahan orang Jepun. Ray Cunningham yang sakit tenat akibat penyakit taun di pedalaman telah berusaha sedaya upaya meminta pertolongan dan telah diselamatkan oleh penerbang kapal terbang yang berani mempelopori penerbangan di Borneo. Frank Davidson meninggal dunia di kem pertahanan. Mengenangi Frank, Enid berkata, "Dia selalu duduk di samping meja pukul 5 pagi dan membaca di bawah sinaran lampu pemburu serta tekun berdoa sewaktu mencari kehendak Tuhan dalam kehidupan sehari-hari serta meminta kuasa-Nya untuk kekuatannya. Dia selalu mengikut teladan Tuhan Yesus yang bersabda, "Saya suka melakukan kehendak-Mu, O Tuhanku."

Terlebih-lebih lagi, kami mahu memuji Tuhan yang telah melakukan mukjizat tersebut. Dialah yang memberi kekuatan kepada para mubaligh dalam perjalanan dan penderitaan mereka. Kemuncaknya, Tuhan telah bekerja dengan ajaib sekali dalam hati pengayau sehingga mereka menjadi lelaki dan wanita yang dimiliki oleh Tuhan. Lebih menarik lagi, Tuhan memberi mereka keinginan mendirikan jemaah baru dan menyempurnakannya. Kami bersyukur kepada Tuhan khususnya atas karya Tuhan yang meyakini umat-Nya akan dosa sewaktu kebangunan rohani. Membaca buku ini banyak mencurahkan berkat kepada hati kami.

Baca cerita selanjutnya, anda akan menyukai cerita ini. Jangan lupa mendoakan gereja-gereja ini dan pemimpin-pemimpin mereka yang menghadapi masalah baru, khususnya apabila pemuda pemudi pergi ke bandar demi pekerjaan yang lebih lumayan. Doalah bagi orang Iban kerana masih ramai yang belum mempercayai Tuhan.

Michael Griffiths
Ketua Direktor, OMF

PENDAHULUAN

Menjelang pagi subuh, terlantar tubuh para pemabuk yang tidak bermaya di setiap sudut lantai rumah panjang. Yang lain asyik menelan tuak dari tajau besar. Perayaan ini akan berlanjutan sehingga beberapa hari. Masyarakat Lun Bawang terkenal dengan pesta kemabukan yang berporah-porah ini. Sedih, mereka dikenali umat Borneo yang dikasihani dan lama kelamaan mereka akan terpusus dari permukaan bumi ini.

Fajar baru menyinsing ke atas mereka pada tahun 1933 dan 1938 apabila Tuhan melangkah membangun gereja di tengah-tengah mereka. Perubahan ini telah mencetuskan keinginan jiran mereka, orang Kelabit serta suku-suku lain untuk mengetahui rahsia kehidupan baru mereka. Ajaibnya, sejak itu gereja berjamuran.

Dalam beberapa tahun ini, subuh baru menyinsing dalam gereja serta mengingatkan ramai orang akan peristiwa dalam bab kedua Kisah Para Rasul. "Bagaimana mungkin orang ini kemabukan pada jam 9 pagi?" Petrus tertanya-tanya apabila para pengikut mereka dicaci kemabukan pada hari pentakosta. "Aku akan mencurahkan Roh Aku ke atas semua orang, anak perempuan, dan anak lelaki anda akan bernubuat. Pemuda pemudi akan melihat penglihatan, dan orang tua akan bermimpi. Aku akan mencurahkan Roh Aku pada hari itu dan mereka akan bernubuat."

Tuhan telah bercampur tangan sekali lagi untuk membangun gereja-Nya di banyak tempat di Borneo. Ajaibnya, Dia memulakannya di tanah tinggi Suku Kelabit.

Sungguhpun Tuhan telah bekerja dengan cara ajaib dan perkasa, Dia tetap memanggil serombongan mubaligh untuk meletakkan rangka gereja-Nya seakan-akan mereka sedang meletakkan rangka sebuah bangunan. Tiga pemuda daripada "Borneo Evangelical Mission" telah tiba di Borneo pada tahun 1928. Sejak itu, Tuhan telah memanggil ramai manusia dari pelbagai negara dan latar belakang negara untuk melayani-Nya. Mereka telah digunakan oleh Tuhan untuk mendirikan Sidang Injil Borneo (Gereja Evangelikal Borneo). Tuhan telah menggunakan mereka untuk menolong para pastor dan guru-guru untuk membangun gereja ini.

Cerita ini menggambarkan bagaimana Tuhan membentuk gereja daripada suku bangsa pemabuk. Buku ini ditulis bukan untuk menggembar-gemburkan mereka yang meletakkan rangka atas bangunan-Nya, sebaliknya peri pentingnya kalau kita hanya memuliakan Pereka dan Pembangunnya.

BAB 1

TIDAK ADA KES UNTUK DIADILI LAGI

“Lain sekali,” disebut berulang kali ketika saya berbual-bual dengan Penghulu Kelabit sambil duduk di tikar indah di tanah tinggi Malaysia Timur.

“Sungguh berlainan keluarga saya sekarang!” katanya sambil menoleh kepada isterinya yang cantik walaupun sedikit berusia. Pembawaannya agak tenang. Dia tersenyum seraya menyetujui apa yang dikatakan oleh suaminya sambil berlutut diam-diam. Dia menuang kopi hitam tipis untuk tetamunya.

Tanah tinggi orang Kelabit agak jauh ke pedalaman yang terpencil. Sebelum landasan kapal terbang kecil dibina, tempat ini tidak pernah diinjili. Masyarakat ini hampir terdampar oleh semua orang kecuali pegawai kerajaan yang ditugaskan ke sana dan beberapa orang mubaligh yang terpaksa berjalan kaki, mendaki gunung dan mengharungi sungai deras untuk mengunjungi kampung mereka. Perubahan telah datang segera, contohnya perubahan tampak jelas dalam kehidupan penghulunya sekalipun beliau dilahirkan di masyarakat yang takut akan roh. Setelah tiga puluh tahun mendirikan sekolah rendah, dia berjaya menghasilkan dua puluh pemuda Kelabit yang berjaya ke menara gading di Universiti Malaya.

Guru Paulus, seorang pastor suku Timor Indonesia, telah mendirikan sekolah itu pada tahun 1946 dan mengajar imannya kepada orang Kelabit. Dia berkahwin dengan seorang wanita Kelabit. Anaknya, Elisha yang baru kembali dari kolej “All Nations College” di England sedang duduk di sampingnya. Dia akan menjadi anggota Sidang Injil Borneo pertama yang mengajar di Maktab Alkitab Miri.

Penghulu kampung ini pernah berkerja sebagai pegawai perubatan terlatih sebelum dia dipilih untuk memimpin masyarakatnya. Kadangkala dia masih tertanya-tanya sama ada pekerjaan sebagai penghulu baik baginya.

“Saya pernah ingin bekerja semula sebagai pegawai kesihatan. Sekalipun gaji sebagai pegawai kesihatan rendah namun pekerjaannya tidak

terlalu melelahkan. Pekerjaan sebagai penghulu sungguh sibuk, bertubi-tubi datang...inilah, itulah, ke sinilah, ke sanalah untuk mendamaikan pergaduhan. Sungguh memeraskan tenaga aku. Malam lepas malam saya tidak dapat melelapkan mata hingga subuh kerana pergaduhan antara penduduk tidak pernah berkesudahan," katanya kepada saya.

"Mengapakah keadaan sungguh berlainan sekarang?" tanya saya.

"Kebangunan rohani telah mengubah segala sesuatu. Kini saya tidak perlu lagi mengadili pergaduhan kerana apabila penduduk ada pergaduhan, mereka akan berkumpul, berbincang dan berdoa bersama-sama. Saya tidak perlu mengadili mereka lagi."

"Pegawai daerah di sini pernah menanyakan saya kenapa fail saya kosong. Dulu fail saya penuh dengan pelbagai kes pengadilan namun kini hanya satu kes pada tahun 1974, dua kes pada tahun 1975, dan tiga kes pada tahun yang lalu. Saya memberitahu pegawai daerah bahawa gejala ini disebabkan Roh Kudus telah memberkati kampung-kampung kami."

Saya mendapati suasana di gereja juga berubah termasuk kebaktian doa subuh yang begitu hangat, dan disambut baik oleh jemaah. Dengan tidak sabar lagi, saya mendesak penghulu melanjutkan ceritanya.

"Sewaktu kebangunan rohani bermula, kami tidak percaya ia datang daripada Tuhan. Ketika pemuda pemudi diberkati oleh Tuhan, kami menduga mereka sudah gila. Saya berusaha mengelakkan diri daripada mereka kerana saya takut ditegur sebagai yang jahat. Namun, saya melihat perubahan yang terjadi dalam kehidupan mereka. Alkitab bersabda, "Jika engkau mencari, engkau akan menemuinya." Walau bagaimanapun, saya begitu rindu mencari sumber yang telah membawa perubahan kepada pemuda pemudi ini.

Pengalaman teruja yang dialami oleh dimensi iman barunya menyebabkan dia menceritakan tanpa kekangan seakan-akan penduduk kampungnya tidak pernah mengalami perubahan sewaktu mereka menjadi Kristian dengan berkorbar-korbar.

"Gaya kehidupan kami berlainan sekarang. Lihat isteri dan anak-anak saya. Mereka memakai baju dan sarung yang kemas sekarang. Seandainya kami tetap menghisap dan minum seperti dahulu tentu kami akan menghambur

banyak wang. Lantas, isteri dan anak-anak kami akan kekurangan makanan lalu mereka akan mencuri," ujarnya.

Saya melayang pandangan ke sekeliling bilik yang sedang kami duduk. Sesungguhnya penghuni bilik ini telah diubah oleh kehidupan kekristianan mereka sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Luarbiasa, bilik itu besar, bersih serta kemas. Di luar bilik, saya perhatikan papan mereka dicat dan diukir oleh tangan sendiri. Tanah sekitarnya begitu bersih. Rumah panjang kini berbeza sekali dengan rumah panjang orang yang belum percaya kepada Tuhan yang pernah kami kunjungi di tempat lain pada tahun 1977.

Rumah panjang ini telah lama dibangunkan sebelum kebangunan rohani pada tahun 1960-an. Setelah itu kerajaan menggalakkan mereka berpindah ke tanah rata di Bario. Konfrontasi antara negara Indonesia dan Malaysia telah menjadikan kawasan perbatasan antara dua negara ini berbahaya. Mereka telah memilih sebuah tempat di bukit yang mempunyai pemandangan sawah padi yang terbentang luas biarpun mendaki ke bukit ini tidak mudah. Mereka hanya memiliki sebatang cangkul, dua atau tiga buah kereta penyorong dan dulang yang dibuat daripada tong minyak yang terbelah dua. Orang Kelabit memang serba mampu bahkan serpihan alat perang pun berguna bagi mereka.

Wah, mereka sungguh tekun dan bersemangat bekerja. Banyak tanah telah digunakan untuk bercucuk tanam tetapi masih ada tanah yang lapang bagi mereka untuk mendirikan rumah panjang yang lurus. Mereka sebulat suara mendirikan dalam bentuk L. Rumah panjang ini dibangun dengan baik dan perubahan jelas tampak apabila seluruh suku telah menganut agama Kristian pada tahun 1940-an.

Saya turun dari bukit dan melintasi sawah padi yang berhijauan ke Bario untuk mengunjungi rumah panjang yang dinamakan menurut nama-nama bekas penghulu.

Rumah panjang ini didirikan di tanah rata di mana orang Kelabit pernah membina landasan yang kecil bagi kapal terbang agar kampung mereka yang terpencil terbuka bagi orang lain. Kini, landasan yang dibangun ini tidak berguna lagi apabila kerajaan membina sebuah landasan kapal terbang yang lebih besar dan panjang di pinggir kampung mereka.

Saya dan teman saya menaiki tangga yang bertakik-takik untuk mengunjungi rumah bekas menantu penghulu, Ulit Matu. Suami saya dan saya pernah berkenalan dengan dia beberapa tahun yang lalu. Dia dan pelayan gerejanya telah berjalan berbatu-batu kerana mereka haus akan firman Tuhan. Kami telah disambut dengan begitu hangat dan gembira bagi menyambut sahabat yang lama tidak berjumpa.

“Ingat aku tak?” dia bersuara lantang sambil tertawa-tawa apabila saya mengakui bahawa saya sudah terlupa namanya. Dia dan isterinya membenteng tikar dekat dinding supaya kami boleh duduk. Mereka duduk tegak serta membelakangi dapur perapian selama satu atau dua jam kerana mereka sudah biasa duduk begitu.

“Siapakah yang berkata hanya pemuda-pemuda sahaja dapat berubah? Di sini orang tua pun berubah. Kalau dahulu kami memakai jubah Kristian sahaja tetapi sekarang kami sudah berubah dalam hati kami. Segala sesuatu sudah berubah sekarang.”

Perkataan “berubah” muncul lagi. Keyakinan bahawa kebangunan rohani telah mengubah kehidupan mereka begitu meluap-luap sehingga mereka tidak tahu apakah sebelum ini mereka pernah menjadi orang Kristian.

Ulit Matu daripada suku Kelabit telah mengambil langkah pertama untuk beriman sejak tiga puluh tahun yang lalu. Dia tidak takut akan roh yang jahat lagi. Kristus telah membebaskan mereka daripada kepercayaan animistik. Walaupun begitu ramai di kalangan mereka pernah memegang erat pada kepercayaan masa lampau mereka dan kebiasaan hidup yang terkenal di kawasan pedalaman, kini, kepercayaan Kristian mereka begitu menyerlah dalam gaya kehidupan mereka pada keseluruhannya. Robert Lian Saging, orang Kelabit pertama yang telah berkelulusan dengan ijazah menjelaskan kenyataan ini dalam tesisnya di Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

“Pertaubatan dan penganutan Kristianiti merupakan perkara terbesar dalam sejarah kehidupan orang Kelabit. Rancangan pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan juga berjaya kerana akibat Kristianiti dalam kehidupan orang Kelabit. Kristianiti sudah, masih, dan akan memainkan peranan utama dalam kehidupan dan perkembangan suku Kelabit.

Gereja Kelabit itu sumber kuasa dan kekuatan orang Kelabit. Perubahan masyarakat Kelabit daripada masyarakat kafir mundur menjadi masyarakat maju merupakan kesan pertama Kristianiti ke atas kehidupan mereka.”

Mereka semakin maju bahkan sesetengah mereka telah berjaya menjadi doktor. Ramai berjaya meraih menara gading dan dilatih dalam pelbagai kemahiran lalu bekerja di persisiran pantai. Tanah tinggi juga mengalami perubahan, setiap hari kapal terbang berulang alik membawa makanan dan penumpang dari Bario. Taraf kehidupan mereka sudah meningkat, keadaan buta huruf tidak lagi wujud di kalangan pemuda yang juga beragama Kristian.

Visi untuk membangun sebuah gereja pribumi teguh telah mendorong tiga penginjil berangkat ke sana. Impian mereka menjadi kenyataan bukan sahaja di kalangan orang Kelabit tetapi juga di kalangan suku-suku bangsa lain yang berada di dalam pedalaman. Sewaktu saya terbang dari Bario, saya menjenguk ke bawah untuk melihat gunung ganang yang berhijau permai yang pernah didaki oleh para pengasas ini.

“Alangkah indahnyanya seandainya mereka masih hidup untuk melihat gereja hari ini.”






Kehidupan suku-suku yang sering kemabukan dan diwarnai kepercayaan karut berubah apabila Tuhan melangkah membangun gerejanya.

BAHAGIAN PERTAMA

MENJELANG SUBUH
(1928-1938)

KAWASAN SUNGAI LIMBANG



BAB 2

MENDIRIKAN SATU MISI LAGI



Luarbiasa, mereka bagai ikan-ikan beraneka ragam dalam kolam! Tiga pemuda ini berasal daripada latar belakang dan denominasi berbeza. Seorang daripada mereka berasal dari England dan yang dua lagi rakyat Australia namun mereka bertekad sama untuk melayani Tuhan di mana sahaja yang diingini oleh Tuhan. Tempat panggilan mereka ialah Borneo.

Seandainya, Encik Hudson Southwell salah seorang daripada tiga pengasas masih hidup pada hari ini, beliau sudah lanjut usia. Sewaktu dia mengunjungi Borneo, dia masih bertenaga dan bersemangat seperti mula-mulanya. Segala pekerjaan dilakukannya dengan bulat hati. Apabila dia sedang menumpu perhatian pada sesuatu, dia sering lupa akan segala sesuatu di sekelilingnya. Aku masih teringat sifatnya pada minggu pertama ketika kami masih berada di Borneo.

Suatu hari, anak gadis Hudson ingin dia memperbaiki sesuatu tetapi dia asyik menyelami pekerjaannya sehingga anaknya tidak berjaya menarik perhatiannya. Isterinya yang berlemah lembut dan penuh dengan pengertian sudah belajar bagaimana hidup di tengah-tengah kesibukan. Dia berbisik kepada anak mereka, "Mina sayang, ayah masih sibuk." Sungguhpun Mina tidak memahami makna "sibuk," kelembutan nada suara emaknya sudah cukup menolong. Dia berlari ke tempat lain lalu kembali setelah ayahnya tidak begitu sibuk.

Encik Hudson berkelulusan dalam bidang Sains dari Universiti Melbourne. Sewaktu muda sebelum dia menjadi orang Kristian, dia bercita-cita mengembara ke pergunungan Himalaya, Tibet, dan beberapa kawasan pedalaman. Ibu bapanya telah menyerahkannya untuk melayani Tuhan sebelum dia dilahirkan. Sewaktu dia berumur 17 tahun, dia telah menyerahkan dirinya kepada Tuhan lalu menunggu sama ada Tuhan ingin menggunakan, “kakinya yang gatal.” Akan tetapi, dia diberikan biasiswa. Ini bererti dia harus diikat selama sembilan tahun; lima tahun menjalani latihan dan empat tahun menerima pendidikan teknikal. Teman-teman mubalighnya telah menasihati agar dia tidak memutuskan ikatan biasiswanya. Hanya setelah dia berumur 26 tahun, dia menuntut di Maktab Alkitab Melbourne untuk disiapkan bagi penggunaan Tuhan menurut rancangan-Nya.

Dia bertemu dengan Encik Frank Davidson dan Encik Carey Tolley di sana. Frank seperti Hudson berminat luas dalam pelbagai bidang. Dia dilahirkan di England dan anak kedua kepada seorang pengurus penerbitan Morgan dan Scott. Keluarganya sudah menetap di Australia sejak Frank masih berusia 16 tahun. Dia bertampan tinggi dan cergas, sesuai untuk pekerjaan penginjilan baru dan menurut pandangan orang Inggeris, dia gambaran jejak Australia sejati. Frank berpendidikan Inggeris di sekolah umum dan menganggap dirinya sebagai seorang Inggeris. Seorang teman akrab dari Australia berpendapat bahawa, “Dia bergaya seperti seorang Inggeris yang berpendidikan tinggi dan bersikap kritikal terhadap orang Australia yang tidak halus.”

Encik Frank berbakat melayani pemuda pemudi. Sewaktu menuntut di Maktab Alkitab Melbourne, dia banyak meluangkan waktu cutinya untuk penginjilan di Timur Gippsland, daerah Victoria. Dia selalu bersama dua pemuda yang tinggal berdekatan ladang Davidson. Emak saudaranya menjadi anggota pertama Ahli Jawatan Kuasa BEM dan kemudian adiknya menjadi Winsome Southwell.

Encik Hudson dan Frank bersikap terbuka dan ramah. Mereka asyik bersembang kerana mereka berdua mempunyai pelbagai minat yang sama. Mereka berpegang pada pendapat yang tegas sehingga Carey Tolley, seorang pendiam dan pemalu, tidak begitu diperhatikan orang lain telah menyertai mereka. Isterinya, Florence, pernah berkata, “Carey bagai pemuda janggal di tengah-tengah tiga sekawan ini dalam beberapa aspek.” Di luar dugaan, dia pelopor penginjilan yang paling hebat dan pengembara yang giat. Kejayaan beliau tidak dapat disangkal di tengah-tengah tiga sekawan gigih yang bersemangat dalam jiwa mereka.

Pengetua MBI, (Maktab Alkitab Melbourne) Rev. C.H. Nash telah menggambarkan Carey sebagai orang yang selalu berdoa. Encik Hudson menceritakan sebuah pondok kira-kira 60 ela dari rumah kecil mereka yang berukuran 6 kaki tinggi dan 6 kaki luas yang dibangun oleh Carey untuk diri sendiri. Di sana, mereka boleh bersenyal di hadirat Tuhan dan berdoa bagi suku-suku bangsa yang dijumpai mereka sewaktu berada dalam perjalanan mereka.

Ketiga-tiga pemuda yang dilatih di MBI telah dipanggil oleh Tuhan ke luar negeri. Encik Nash menggalakkan mahasiswanya untuk mempertimbang tanggungjawab mereka di Pasifik Selatan lalu mereka bertiga ini berkumpul mendoakan Borneo.

Walaupun pemikiran Hudson Southwell sudah lama dipengaruhi oleh "China Inland Mission" yang kini dinamai "Overseas Missionary Fellowship," dia tidak merancang ke Negara China. Nama dia dinamakan menurut pengasas hebat Misi itu, Hudson Taylor, yang dikenali oleh bapanya sewaktu dia mengunjungi Australia pada tahun 1890. Bagaimanapun pengaruh itu tidak sia-sia kerana misi yang dibentuk kemudiannya juga berdasarkan prinsip dan peraturan "China Inland Mission." Ini memudahkan penggabungan Misi dengan OMF lima puluh tahun kemudian.

Encik Hudson mencari buku-buku dan peta-peta Borneo sewaktu mereka bertemu untuk berdoa dengan berapi-api. Walaupun semua peta yang ditemuinya berukuran berlainan, Hudson memperkecil semuanya sehingga menjadi sama. Kemudian dia melukiskan peta ini pada kertas lukisan yang lebih besar lalu digantungnya pada dinding pejabat BEM. Beberapa tahun kemudian, Hudson menggantikannya dengan peta yang baru dilukiskannya. Peta baru ini dilukiskan berdasarkan kaedah had waktu dan berpanduan kompas sewaktu dia berada dalam perjalanan di sana.

Peta ini sangat terperinci dan tepat sebelum seni penggunaan foto udara diperkenalkan setelah Konfrontasi dengan Indonesia. Tidak hairanlah kalau Hudson selalu berminat terhadap peta.

Cik Winsome mengimbas, "Hudson sedang membawa peta Borneo ketika aku bertemu dengannya."

Minat terhadap peta telah menolong pemuda ini melukiskan sebuah peta negara yang begitu menarik kendatipun dia belum pasti akan panggilan Tuhan ke sana.

"Borneo menjadi begitu hidup!" kata Encik Hudson beberapa tahun kemudian.

Bagaimanakah mereka mengetahui Tuhan telah memanggil mereka ke sana? Bagaimanakah mereka pergi ke sana seandainya Tuhan memanggil mereka ke sana? Mereka meminta nasihat daripada pengetua mereka, Encik Nash. Encik Nash yang terlatih di Ridley Hall, Cambridge, telah mendirikan sebuah Maktab Alkitab di Melbourne pada tahun 1922. Beliau pernah menyangka bahawa dia terpanggil menjadi mubaligh namun atas kebijaksanaan Tuhan, dia dipanggil untuk melatih pemuda pemudi yang akan pergi kelak. Pada tahun 1926, beratusan penuntut telah mendaftar di MBI, maktab yang terbesar di Australia.

Pemuda pemudi ini berdoa dan berbincang dengan Encik Nash. Mereka baru mencapai kepastian dan mengetahui keinginan Tuhan dengan jelas dan sungguh-sungguh pada Mei 1928. Mereka merancang untuk meninjau tempat ini terlebih dahulu di bawah misi yang lain, akan tetapi misi ini mengatakan mereka tidak dapat memulakan pekerjaan baru di Sarawak. Sebaliknya, sesetengah pihak berpendapat waktu ini waktu yang terbaik untuk mengundur diri dari negara ini. Akhirnya, mereka mendekati China Inland Mission. Sempena gabungan baru-baru ini, Michael Griffiths, pengarah OMF, yang tersenyum ketika mengenangi bagaimana pengganti Hudson Taylor telah berkata, "Tuhan belum memimpin kami ke tempat lain selain China."

Patutkah mereka menanggung nafkah sendiri dengan bersusah payah seperti Paulus dan menjadi pembuat khemah serta mengalami ketidakpastian? Misi ini terpaksa bersifat antar denominasi kerana Hudson berlatar belakang gereja Baptis, Carey pula berasal daripada gereja Brethen, dan Frank daripada gereja Anglikan. Siapakah yang dapat menyokong mereka pada masa kemelesetan ekonomi jika mereka melayani tanpa bergaji?

Mereka masing-masing berdoa dan bersama-sama mempertimbangkan hal ini. Pada 17hb Mei, mereka bertemu lagi, masing-masing dengan suatu keyakinan daripada Tuhan.

"Tuhan telah memberi saya satu ayat dari Filipi 4. "Janganlah khuatir tentang apa pun, tetapi di dalam segala doamu mintalah kepada Tuhan untuk apa yang anda perlu, dan mintalah selalu dalam hati dengan penuh ucapan syukur. Kesejahteraan Tuhan yang jauh melampaui pengertian manusia akan memelihara hati dan fikiran anda kerana persekutuan dengan Yesus Kristus." Semua orang bersetuju bahawa ayat ini harus dijadikan pegangan mereka. Mereka semua akan melangkah dengan beriman serta mengarahkan pandangan mereka kepada Tuhan dengan penuh ucapan syukur dan mengalami kedamaian-Nya.

Sepucuk surat yang dikirimkan dua hari lebih awal dari Queensland telah menjadi tanda penentu bahawa misi ini harus dibentuk. Stafford Young, pedagang daripada keluarga kaya yang terlibat dalam misi ini telah memberi \$50 untuk mengutus satu orang ke Borneo. Pada zaman itu, jumlah ini besar dan dianggap sebagai meterai daripada Tuhan sewaktu mereka berkumpul pada tengah hari di MBI.

Tuhan memberi satu tanda lagi setelah Frank kembali dari penginjilan di Gippsland. Sewaktu Frank diminta berkhutbah di sebuah gereja, pastornya menjelaskan bahawa dia yakin Tuhan ingin Frank ke Borneo. Frank belum pernah bertemu dengan sesiapa yang pernah ke Borneo. Seorang wanita muda yang menghadiri jemaah ini pulang ke rumah dan memberitahu tuan rumahnya, Encik Henderson, akan hal ini.

Encik Henderson ialah seorang Kristian yang pernah berniaga selama tujuh tahun di Borneo mengenal Malaysia Timur. Tambahan pula, dia juga fasih dalam bahasa mereka. Pada 23hb, Juni, 1928, mereka bertemu dengan Encik Henderson yang berjanji akan menolong mereka. Kemudian mereka kembali ke Melbourne pada hujung minggu untuk berbincang lebih lanjut lagi. Encik Henderson bersetuju menyertai tiga pemuda ini ke Borneo untuk jangka waktu pendek agar dia dapat menolong mereka menjalin persaudaraan dengan orang yang dikenalnya serta menolong mereka menyesuaikan diri dengan tempat dan kebudayaannya.

Beberapa pertemuan yang tidak rasmi telah diadakan untuk berbincang tentang pembentukan Persekutuan Borneo. Pada 28hb. Julai 1928, pernyataan yang sah telah termaktub.

“Langkah-langkah tertentu telah diambil untuk pembentukan Persekutuan Borneo. Rev. C.H. Nash telah diundang menjadi pengarah kumpulan ini. Encik C.H. Southwell berjabat sebagai setiausaha mereka dan Encik R.S. Tregaskik (Bendara MBI) sebagai bendahara terhormat. Persetujuan dan pernyataan untuk mengedarkan matlamat misi agar orang Kristian umum dapat memakluminya telah dipersetujui.

Pernyataannya ini termasuk ringkasan tentang keadaan persekutuan sehingga tahap itu: “Keperluan berjuta-juta penduduk Borneo yang belum diinjili telah menjadi beban kepada beberapa penuntut di MBI sekian lama. Satu persekutuan kecil telah dibentuk demi penginjilan suku-suku kafir yang belum diinjili di Borneo Tengah. Setelah beberapa bimbingan daripada Tuhan, tiga pemuda ini telah menyerahkan diri mereka kepada Tuhan untuk pelayanan ini. Inilah waktu yang tepat bagi umat Tuhan di

Australia untuk mengeluarkan pernyataan pertama ini. Menurut kehendak-Nya yang baik, kita harus membuat persiapan dan keperluan yang pertama iaitu berdoa. Sudah tibalah waktunya kita meluaskan lingkungan doa agar kita jelas akan kehendak-Nya dalam langkah-langkah berikut. Marilah berdoa agar satu jalan dapat dibuka untuk gerakan yang kuat di Borneo. Kita mengundang mereka yang terbeban untuk menyertai penginjilan ini sebagai anggota Persekutuan Borneo.”

Pertemuan selanjutnya telah diadakan, lalu anggota Ahli Jawatan Kuasa telah dipilih daripada pelbagai denominasi dan nama “Evangelical Mission” telah dibentuk pada 31hb. August. Pertemuan rasmi itu diadakan pada 1 hb. September apabila draf terakhir peraturan-peraturan tersiap dan dipersetujui. Akhirnya, Ahli Jawatan Kuasa Persekutuan mengesahkan draf ini pada pertemuan yang lain.

Misi “Borneo Evangelical Mission” sudah terbentuk!



Gambar Pengasas dalam Pelayanan di Sungai Pranga pada tahun 1930.

(Dari Kiri ke Kanan)

Frank Davidson

Meninggal pada tahun 1945

Carey Tolley

Meninggal pada tahun 1960

Hudson Southwell

Duduk

George Aitkin

(Melayani selama 4 tahun dan meninggal dunia pada tahun 1970)



BAB 3 PERMULAAN YANG KECIL

Kapal S.S. Newby Hall yang belayar dari Melbourne pada 5hb. Oktober 1928 membawa tiga pemuda yang sedang menuju ke tempat yang asing bagi mereka. Mereka terpaksa belajar melalui pengalaman dan kesilapan-kesilapan mereka. Frank Henderson yang sudah bersara akan menyertai mereka buat suatu jangka waktu kemudian mereka akan berdikari. Yang penting, mereka yakin benar bahawa Tuhan telah memanggil mereka.

Setelah disambut dengan mesra oleh Setiausaha Persatuan Alkitab di Singapura; Encik Henderson dan Hudson Southwell pun pergi ke Kuching. Carey Tolley dan Frank Davidson menunggu di Singapura sementara menantikan permit kerja ke Sarawak.

Mereka tiba pada 12 hb. November 1928 di ibu kotanya yang terbentang damai setelah belayar ke hilir sungai Sarawak. Di tebing sungai seberang, terbentang ladang hijau permai serta pepohon yang teduh. Di sana juga terpampang sebuah bangunan yang reka bentuknya seperti gabungan istana zaman pertengahan dengan sebuah rumah banglo. Itulah istana Raja Putih yang memerintah dengan tegas tetapi lembut selama tiga seperempat abad.

Dua orang ini disambut dengan penuh kecurigaan pada mula-mulanya bahkan mereka tidak dibenar meninggalkan perahu mereka selama tiga hari. Misi lain sudah bekerja di tempat yang lebih padat penduduknya dan kerajaan telah mempertahankan perbatasan dengan ketat selama bertahun-tahun. Kerajaan berpendapat menempatkan rombongan mubaligh ini di tempat yang berlainan lebih baik. Tidak ada orang melayani di daerah Limbang Utara atau di sekitar Bintulu, di kawasan pertengahan pantai maka pendatang baru ini dapat memilih tempat yang disukai oleh mereka. Setelah mereka membuat pertimbangan teliti, mereka telah pergi ke kawasan Limbang di bahagian kelima.

Sarawak dibahagikan ke lima daerah, dan ibu kota setiap daerah menjadi ibu pejabat seorang Residen. Mereka belayar menuju ke sebuah pekan kecil yang bernama Limbang dan bertemu dengan Residen bahagian kelima. Apabila mereka tiba pada 29hb. November 1928, mereka disambut dengan mesra oleh Residen dan isterinya yang merupakan dua daripada tiga orang di pekan itu. Beberapa hari kemudian mereka disertai oleh Carey dan Frank yang belayar dari Singapura.

Residen itu dengan murah hati menyediakan sebuah banglo kerajaan di Danau dan membenarkan mereka tinggal di sana selama tiga bulan. Mereka belayar kira-kira 30 batu ke hilir sungai yang berliku-liku dan berlumpuran dalam perahu polis lalu berjalan di bawah pokok-pokok pelepah yang tebal di tebing sungai. Mula-mulanya, itu pengalaman baru bagi mereka namun lama kelamaan hal ini menjadi perkara biasa sahaja. Pelayaran mereka yang akan datang tidak selesa kerana mereka terpaksa menggunakan perahu kerajaan. Pelayaran ini hanya mengambil lima jam kerana sungainya tidak berarus. Mengayuh perahu sendiri akan memakan dua hari serta memeras segenap daya tenaga mereka.

Mereka hanya mempunyai waktu singkat untuk mencari tempat tinggal dalam tempoh tiga bulan. Pada 19 hb. Disember, mereka sudah berada dalam perjalanan mereka dan mereka mengayuh ke hulu sungai. Setelah tiga hari merempuh tanah lumpur dan paya, baru mereka tiba di daerah yang masih kehutanan tebal. Di sini, airnya lebih jernih dan alirannya deras. Penduduk yang terdiri daripada empat suku bangsa yang akan dilayani oleh mereka selama beberapa tahun telah bersua dengan mereka. Pertama, mereka bertemu dengan orang Kelabit yang berada dalam dua sampan. Mereka bertampan gagah walaupun lelah akibat banyak menempuh perjalanan. Sekalipun sampan mereka diperbuat daripada sebatang

pokok yang tidak terlalu besar, ia jarang terbalik kerana pengayuhnya mahir. Para mubaligh ini mulai mengetahui sedikit tentang masa depan pelayanan mereka apabila mereka mempelajari bahawa orang Kelabit telah menempuh selama tiga bulan dalam perjalanan mereka kerana sungainya deras. Selain itu, tanda-tanda sial daripada roh-roh jahat telah menyebabkan mereka menanggung perjalanan mereka.

Pada malam pertama, mereka bermalam di rumah buluh orang Bisaya yang belum pernah dialami oleh mereka. Kemudian, mereka berpindah dari daerah Bisaya ke kawasan orang Murut yang kini dipanggil Lun Bawang. Setelah berjerih payah mengayuh sejauh tiga belas batu, mereka tiba di rumah panjang orang Lun Bawang. Seluruh penduduknya tinggal dalam sebuah rumah panjang. Suasana di sana suram serta berbau nasi arak. Mereka merawat beberapa pesakit sementara orang tua dan muda menatap mereka. Para mubaligh memasang kelambu mereka dan cuba tidur di tengah-tengah salakan anjing, tangisan bayi, dengusan babi di bawah rumah, dan kokokan ayam sewaktu subuh.

Pada keesokan pagi, mereka menempuh perjalanan sejauh dua batu dan selama tiga jam kerana arus sungai begitu deras. Usaha membeluk di sebuah tikungan sungai telah memerangkap mereka dalam pusaran air sehingga mereka terpaksa berundur. Peristiwa ini terjadi di seberang tanah perkuburan orang Lun Bawang. Di sana juga tertancap tiang yang berukuran 30 kaki yang berukiran indah. Objek ini membawa maksud keagamaan yang belum pernah dilihat oleh mereka.

Mereka tiba di sebuah rumah panjang orang Lun Bawang setelah melangkah lebih jauh lagi. Rumah panjang ini kira-kira tiga ratus kaki panjang, terbangun tegap serta terjaga rapi dan kemas. Mereka disambut dengan begitu mesra oleh orang Iban yang mengunjungi rumah itu. Orang Iban yang ramah dan mesra ini hanya bertampilan sedikit lebih tinggi daripada orang Lun Bawang. Tubuh mereka gagap dan kulit mereka agak perang. Mereka hanya memakai kain cawat. Selain itu, leher, bahu dan paha mereka dicacah. Mereka kelihatan berwatakan lembut. Dengan bantuan seorang pembimbing jalan, mereka telah tiba ke rumah orang Iban. Rumah panjang yang terpampang di Tanah Merah merupakan rumah panjang yang paling panjang di situ.

“Ketika kami sedang duduk di atas tikar yang teranyam rapi, pandangan kami melayang ke dua ikatan tengkorak manusia. Bersama dengan kira-kira dua puluh tengkorak ini, tergantunglah sumpit-sumpit dan parang.”

Orang Iban ini begitu mesra dan suka bersembang-sembang. Rombongan

kami menduga orang Iban paling mudah diinjili. Kami juga belum tahu adakah kemesraan mereka mempunyai udang di sebalik batu. Mereka mungkin ingin rawatan perubatan kami.

Namun setahun kemudian, Hudson menulis, "Orang Iban di Tanah Merah telah menjadi teman kami yang paling akrab. Sekarang kami tinggal bersama mereka dan mengubati mereka yang sakit. Mereka rajin bekerja, bangun awal pagi dan hanya tidur larut malam. Pada musim tengkujuh, mereka membuat sampan, membangun rumah atau memburu. Wanita yang lebih tua menenun kain, menganyam tikar, dan mengasuh anak-anak mereka. Mereka berfikir ibadah kami hanya salah satu cara untuk meminta pertolongan daripada kuasa yang tidak kelihatan. Mereka tidak menyembah Tuhan sebagai Tuhan tetapi mereka hanya mahu memohon demi kepentingan mereka sendiri. Tidak hairanlah, mimpi serta tanda-tanda sial tetap mewarnai kehidupan mereka."

Setelah mereka pulang, mereka mencari tempat yang sesuai untuk membangun rumah. Sebelum mereka pulang, mereka telah diperingatkan agar jangan mencari orang asli namun ini telah menimbulkan sedikit konflik. Mereka memang hidup dalam keadaan susah tetapi ketika berada di Danau, mereka berasa mereka mesti memiliki taraf hidup yang tertentu. Mereka mesti mencari tempat yang sesuai dan tinggal di sana agar suku-suku bangsa ini percaya bahawa mereka telah datang kepada mereka.

Untuk mendirikan pusat mereka, mubaligh ini telah memilih tempat sunyi di tebing seberang masyarakat Lun Bawang.

Menjelang tahun baru, mereka menerima izin untuk mendirikan pusat mereka di Sungai Pranga. Orang Lun Bawang telah menolong mereka untuk membina tempat penginapan kecil berukuran 10 kaki lebarnya dan 12 kaki panjangnya. Di sana, mereka tinggal selama dua belas bulan sementara menunggu tempat tinggal yang lebih sempurna. Hudson menceritakan tentang bacaan renungan Alkitab Harian "Daily Light" tentang "Rumah yang akan dibangun mesti besar dan agung." "Tentu sahaja," jelas Hudson, "Kami tahu maksud ini tertuju pada gereja akan tetapi kami mentafsirnya sebagai kami mesti membangun sesuatu yang teguh dan berguna." Kebanyakan tugas pembangunan dilakukan oleh diri mereka sendiri. Mereka sendiri yang meratakan tanah, memotong dan melicinkan papan. Hanya pada pertengahan 1930 baru, rumah itu siap untuk ditinggal.

Hudson yang menulis pada waktu itu mencurahkan kekecewaan mereka, "Saya memohon anda untuk berdoa agar kami mempunyai lebih banyak waktu lapang untuk mempelajari bahasa dalam pelayanan kami. Ramai orang meminta kami mengajar mereka. "Bagaimana kami dapat menyembah Tuhan jika engkau tidak datang mengajar kami?" tanya mereka. Kami menjawab, "Bagaimana kami boleh mengajar jika kami tidak tahu bahasa kalian?"

Mereka membahagi waktu mereka antara pembelajaran bahasa dan pelaksanaan pelayanan lain. Carey Tolley menumpukan perhatian di Lubai, sungai di sebelah Utara, tempat tinggal banyak orang Iban. Sebuah pondok kecil di sebelah salah sebuah rumah panjang telah dibangunkan demi melancarkan tugas mereka. Dari sini, mereka akan melaksanakan program kunjungan mereka. Ini tidak sahaja memampukan dia mempelajari Bahasa Iban tetapi dia juga mempelajari gaya hidup dan kebudayaan mereka serta menyaksikan perayaan tradisi mereka.

Perayaan mereka diadakan untuk menyenangkan hati roh-roh serta mendapat pertolongan daripada dewa Pulang Gana. Carey tidak dapat berbuat apa-apa kecuali memerhatinya sahaja kerana suasananya riuh rendah dan banyak di kalangan mereka juga kemabukan.

"Para lelaki, wanita, dan kanak-kanak kecil yang berumur lapan hingga ke sepuluh tahun kemabukan tuak. Ibu membiarkan bayi mereka terlantar sepanjang hari. Keadaan sedemikian sungguh menyayatkan hati aku."

Sesudah menunggu dua atau tiga hari sehingga segala kebisingan reda, dia bertanya mereka kenapa mereka melakukan semua ini. Jawapan mereka selalu sama. "Ini adat kami dan semuanya diperintahkan dewa Pulang Gana." Orang Iban mempunyai perpaduan dan adat yang cukup kuat.

Banyak waktu diluangkan pada tahun pertama demi orang Iban namun pada Oktober 1929, Carey dan Frank pergi ke hulu Limbang dan berjalan selama dua hari. Mereka bertemu dengan orang Kelabit yang kuat; mereka membangun rumah mereka di puncak gunung. Mereka juga bertemu dengan orang Penan, suku yang paling kuno. Orang Penan ini suka berpindah randah, "Mereka tidak membangun rumah tetapi tetap tinggal di hutan belantara dan bergantung pada hasil hutan. Mereka tidak menanam padi dan tidak tahu menanam nasi. Mereka hidup hanya dengan

memakan buah-buahan, daging binatang, dan mereka menangkap binatang dengan sumpit beracun." Para mubaligh dapat mengecam sikap keterbukaan yang terserobok di jiwa penghuni hutan yang bersifat pemalu.

Rombongan mubaligh ini sering masuk ke dalam pedalaman. Hudson tiba ke sungai Medamit dan Medalam, kedua-duanya anak sungai Limbang. Pada tahun 1930, dia menulis tentang orang Iban yang berada di sungai Lubai, Panderuan, Medamit dan Medalam. Kebanyakan tempat ini pernah dikunjungi oleh mereka. Hudson dan Carey menumpukan perhatian pada orang Iban sedangkan Frank terbeban untuk orang Kelabit iaitu tetamu yang datang dari sungai Pranga. Frank begitu terbeban sehingga dia berharap dapat membangun sebuah pondok kecil di kampung orang Kelabit, Medihit, di salah anak sungai Limbang. Untuk pergi ke anak sungai itu, mereka perlu mengambil enam hari untuk menyeberangi Sungai Pranga serta enam hari berjalan kaki ke tempat penginapan suku-suku yang menetap di tanah tinggi.

Rajah Brooke pulang bercuti di England dan Setiausaha Agungnya menguruskan semua pekerjaannya semasa percutiannya. Pada Ogos 1930, dia mengunjungi Limbang. Walaupun dia mengizinkan segala pekerjaan di situ, dia tetap menegaskan bahawa, "Pekerjaan harus dipusatkan di lembah Limbang sahaja dan jangan masuk ke pedalaman, jangan sesekali ke pergunungan."

Dengan perasaan kecewa, para mubaligh ini bertanya-tanya sama ada Tuhan sedang mengarahkan perhatian mereka ke hilir sungai untuk menjangkau suku Bisaya. Dua ribu penghuni Bisaya serta suku bangsa lain tinggal di Tutong dan sungai Belait, di daerah Selatan. Suku ini berlainan daripada orang Iban kerana mereka merupakan mangsa dan bukan penganiaya. Wajah mereka berlainan. Mereka berambut panjang yang bergulung-gulung dan gigi mereka yang putih melepak membuat wajah mereka begitu istimewa. Orang Iban biasanya memakai cawat tetapi mereka yang tinggal berdekatan di pantai berseluar pendek orang Eropa. Wanita memakai sarong panjang yang terikat di bawah ketiak mereka.

Hudson mulai mengembang pekerjaan ini pada Julai 1931. Dia dibantu oleh George Aitken, seorang kakitangan baru. Pada mula-mulanya, tidak ada banyak pekerjaan yang dapat dilakukan selain membina sebuah pondok kecil di Bukit Limpasong sebelum Hudson bercuti untuk

mengurus perkahwinannya. George, seorang tukang kayu, menjadi pastor telah pulang ke rumahnya di Sungai Pranga. Dia menyiapkan rumah agar mubaligh wanita yang pertama dapat menyertai rombongan ini.

Winsome Southwell, isteri Hudson, tiba pada tahun 1932. Dia sudah mengetahui segala yang terjadi sejak beberapa bulan yang lalu sewaktu pembentukan BEM kerana banyak pertemuan pengasas telah diadakan di rumah emak saudaranya. Winsome seorang wanita yang cantik, lemah lembut, dan ayu kelihatan seperti bukan wanita yang boleh menyeberangi sungai, mendaki gunung tinggi, tidur dan makan di lantai rumah panjang. Seseorang pernah memberi amaran kepada Hudson, "Winsome tidak dapat bertahan selama tiga bulan." Sebaliknya panggilan Tuhan telah memampukan dia melayani dengan tidak mengenal jerih lelah di gereja Borneo hampir setengah abad. Winsome segera menghiasi rumahnya dengan perhiasan yang indah dan masakannya sungguh sedap. Keluarga Southwell mengambil alih tempat kerja di Sungai Pranga. Mereka memulakan kebaktian pada hari Ahad dan berdoa agar seorang lelaki boleh menolong mereka. Setelah mereka membaca Perjanjian Baru dalam Bahasa Iban, seorang lelaki telah percaya kepada Tuhan Yesus. "Ini bukan cerita rekaan kami sendiri melainkan firman Tuhan," jelas Southwell.

Seorang pekerja baru menemani keluarga Southwell sewaktu mereka pulang. Ketibaan Ro Brewsher bererti pekerjaan Bisaya dapat dimulakan lagi tetapi dia mesti terlebih dahulu mempelajari bahasa pengantar Bahasa Melayu. "Namun ini bukan suatu pekerjaan yang mudah di pergunungan yang terpencil kerana tidak ada orang yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda mereka. Bagaimanapun ini bukanlah masalah yang terbesar bagi mereka." Ro tiba pada waktu kemelesetan ekonomi.

"Pendapatan mereka pada waktu itu sungguh rendah. Pemuda-pemuda Australia yang tersembunyi di hutan Borneo mempunyai sedikit wang," jelasnya.

Pelayanan tidak mudah bahkan pernah pada satu bulan, Misi ini hanya menerima 3 paun untuk menyara perbelanjaan enam mubaligh. Mereka hanya makan nasi, ikan asin, sayur-sayuran hutan, dan ikan tin yang murah, buruan burung dan binatang mereka. Syukurlah mereka boleh menggunakan peluru senapang sebagai matawang untuk bertukaran daging dan ikan segar. Sedikit susu tepung mengingatkan mereka akan keselesaan di rumah asal mereka. Kadangkala mereka juga berpeluang menikmati sedikit coklat.

Ro dan George berpindah ke Limpasong pada akhir tahun 1932. "Kami berdua mengayuh sampan kecil dan meninggalkan tempat itu dengan berbekal keperluan yang diambil dari pondok daun yang didirikan oleh Hudson sebelum dia pulang bercuti." Sudah tentu mereka sering melawat rumah orang Bisaya namun sambutan yang diterima oleh mereka tidak hangat. Ro menjelaskannya dalam surat yang dikirimkan kepada ahli keluarga mereka tentang satu peristiwa yang dihadapi mereka ketika dia mengunjungi sebuah rumah.

"Mata mereka merah dan suara mereka berdengut seperti iblis. Mereka berjalan tertempang-tempang lalu memberi salaman yang tidak bererti dengan tangan yang berpeluhan. Tatapan mereka sungguh ngeri. Dengan tubuh yang terhuyung hayang, mereka berlutut lalu menghisap arak daripada beras dengan sebatang buluh. Lidah mereka berlinangan air liuh. Kemudian, mereka akan terlantang mabuk dalam pelbagai gaya di lantai. Kenapa semuanya ini? Seorang Bisaya menjelaskan bahawa mereka sedang merayakan kematian anak perempuannya."

George meninjau sungai Tutong dan Belait setelah menerima izin daripada kerajaan Brunei untuk bekerja di sana. Perjalanan sukar itu bertujuan untuk meninjau keluasan daerah Bisaya. Dia menulis kenangan yang masih segar pada Mar 1993, "Mereka susah meminta pertolongan pembimbing jalan kerana mereka terpaksa merentasi kawasan yang berpaya-paya."

"Erti paya dalam kamus ialah kawasan tanah yang berlumpur dan digenangi air atau rawa. Anda boleh melukiskannya dengan pelbagai perkataan sendiri akan tetapi anda tidak akan dapat menjelaskannya. Di paya tidak ada tanah yang keras, hanya ada lalang panjang dan daun tajam yang bertumbuh dalam tanah benchah. Sewaktu anda berjalan, anda terpaksa memijak rumput kasar yang menadah anda agar tidak tenggelam. Walau bagaimanapun kaki anda akan ditenggelami hingga ke paras lutut sekalipun rumput itu dapat menadah anda. Tetapi kamus tidak menjelaskan bahawa paya itu penuh dengan lintah, atau kaki anda akan terluka kerana tertusuk akar tajam dan matahari panas bahang yang tidak hanya membakar tubuh anda tetapi juga mengeluarkan pengewapan bau busuk dari air yang bertakungan."

George pulang pada Oktober 1934 untuk bercuti. Penyakit yang menjangkitinya telah menghalangi dia untuk kembali. Ro sahaja yang mengerjakan pelayanan di kalangan orang Bisaya. Dia perlu mempelajari

Bahasa Bisaya iaitu bahasa yang belum tertulis. Walau bagaimanapun, dia tetap mempelajarinya di atas Bukit Limpasong. Dia telah berkenalan dengan Itai dan Lalang yang tinggal di hilir sungai Ranggau sewaktu mengubati seorang pesakit.

Ro berkeputusan menetap di Rantau bukan sekedar untuk mempelajari bahasa tetapi juga untuk mempelajari adat resam dan kebudayaan mereka. Dia telah menerima sambutan mesra untuk tinggal dengan masyarakat di situ. Ini membolehkan Ro menjalin persahabatan yang akrab. Ro menggulung tikarnya, mengumpul barang-barangnya, sengaja tinggalkan bahan-bahan bacaannya kecuali Alkitab untuk berdayung ke hilir dan menjadi anggota keluarga Itai selama tiga bulan.

“Aku berwarna sawo matang dan berbadan kecil,” jelasnya. “Ini suatu perkara yang baik. Aku berusaha mengikut adat kehidupan orang di situ dan mereka tidak menganggap diriku sebagai tetamu. Pada akhir tiga bulan, aku masih tidur di serambi sebagai tetamu. Aku bersyukur kepada Tuhan kerana para wanita dan kanak-kanak tidak takut lagi kepada aku.”

Ro tidak berkamus, tidak berguru, bahasa yang dipelajarinya tidak tertulis dan tidak bersifat linguistik.

“Aku belajar seperti seorang yang anak melalui penerapan sahaja. Aku akan duduk berjam-jam sambil mendengar mereka bersembang-semang. Di ladang mahupun di rumah, aku bekerjasama dengan keluarga angkatku. Lama kelamaan aku mulai memperhatikan bunyi dan perkataannya. Dengan cepat, aku menguasai bahasa yang boleh digunakan.”

Semua ini tidak sia-sia kerana tidak lama setelah Ro pulang ke Limpasong; Itai dan Lalang pun percaya kepada Tuhan.

“Kami mahu menjadi Kristian,” kata mereka. Bersama dengan dua lelaki lain, mereka menyerahkan hati mereka kepada Tuhan. Keluarga itu tetap menjadi satu keluarga yang percaya di gereja Bisaya sampai hari ini.

Kami jarang mengalami sukacita seperti ini pada waktu kami berada di situ. Frank menulis tentang kunjungannya yang terakhir sebelum dia bercuti pada tahun 1932 serta mengutarakan kekecewaannya kerana tidak dapat melihat tuaian sebelum dia meninggalkan tempat itu. Carey menulis pada waktu yang sama tentang orang Iban yang ramah tetapi

enggan menganut Kristianiti. Di tanah Merah, dia mencurahkan rasa sedihnya kerana tidak ada seorang pun mahu percaya kepada Tuhan.

"Tuan," salah seorang daripada mereka berkata, "Jangan terlalu susah hati. Kami akan percaya pada suatu hari nanti..."

Carey melaporkan hal ini dan aku percaya laporannya mewakili semua mubaligh.

"Kami memerlukan iman untuk terus melayani dan melayang pandangan kami hanya kepada Tuhan Yesus."

Laporannya hanya sealunan kata sahaja namun kepentingannya tidak dapat diselami waktu itu. Carey melanjutkan dengan kenyataan ini, "Sekalipun mereka inginkan sekurang-kurangnya satu keluarga percaya, mereka terpaksa mengakui bahawa ini bukan cara Tuhan, "jalan yang sempit."

Kendatipun sudah empat tahun kami menitis peluh namun buahnya hanya sedikit sahaja. Pada tahun 1933, Tuhan memberi galakan yang begitu besar kepada para mubaligh ini. Pemikiran suku-suku ini mengalami suatu pembaharuan seperti yang pernah dialami oleh suku Lisu yang tinggal di Tenggara China dan Utara Burma sewaktu J.O. Fraser melayani di sana. Tuhan telah membimbing mereka untuk berdoa bukan sahaja bagi seorang sahaja tetapi seluruh keluarga. Cara ini telah menarik perhatian beribu-ribu orang Lisu untuk berpaling daripada kekafiran mereka untuk memeluk Kristus.

Pada tahun 1933, Tuhan memulakan suatu gerakan yang hampir sama bukan sahaja kepada orang Lun Bawang di Limbang sahaja tetapi juga mereka yang tinggal di Sungai Trusan yang mengalir dari perbatasan Indonesia ke Brunei di Timur Laut Limbang. Orang Lun Bawang di Limbang mendengar dengan sopan kepada mubaligh ini tetapi mereka yang berada di sungai Trusan sungguh haus akan jalan baru kepada Tuhan.

BAB 4

TERANG PERTAMA

Menurut suratkhbar "Sarawak Gazette" suku Lun Bawang kemabukan seratus hari dalam setiap tahun. Mereka hampir terpupus. Pada masa yang lampau, jumlah mereka banyak tetapi sejak pengayauan diharamkan oleh undang-undang di bawah pemerintahan Rajah Putih, bekas pahlawan-pahlawan ini mempunyai banyak masa lapang. Mereka tidak perlu mengawal sawah sewaktu kaum wanita bekerja di ladang. Sifat keramahan mereka menyebabkan mereka menghibur



tetamu dengan segala kemewahan. Sewaktu menyambut upacara perkahwinan, kematian ataupun perayaan yang lain, mereka akan minum dari tajau bir padi. Suasana perayaan mereka akan berlarutan beberapa hari dan kanak-kanak kecil turut kemabukan. Satu-satu yang tidak mabuk ialah anjing!

Tidak hairanlah kalau sawah mereka terlantar dan rumah mereka kotor. Menurut Encik Banks, kurator Muzium Sarawak, orang Murut yang menetap di hulu sungai lebih ketagihan, rumah mereka kotor dan bertimbunan dedebu dan jaringan lelabah. Lantai mereka berhamburan muntahan akibat kemabukan, serta anjing-anjing dan babi-babi yang berkeliaran di bawah rumah mereka menimbulkan bau busuk sewaktu angin meniup. Pegawai yang mengunjungi mereka begitu terkejut kerana tubuh mereka dijangkiti oleh pelbagai penyakit. Mereka tidak mempunyai daya tahan terhadap wabak yang meradang. Sejak permulaan abad, suku bangsa ini semakin berkurangan jumlahnya.

Ramai mubaligh BEM menghubungi orang Lun Bawang. Pada bulan May 1933, Carey Tolley terbeban mengunjungi orang Kelabit yang menetap di hulu sungai. Sekali lagi, dia menghadapi tentangan daripada seorang Kelabit yang berasal dari Ba Kalalan, yang berdekatan dengan Belanda

Borneo, Indonesia. Orang ini mempunyai cerita yang aneh. Dia dan beberapa temannya bertemu dengan seorang putih ketika mereka sedang mengunjungi sahabat mereka di Indonesia. Orang putih ini menceritakan, "Cerita ajaib tentang Tuhan yang mempunyai Anak yang bernama Yesus yang akan kembali untuk membawa mereka kembali ke syurga." Orang Putih ini bernama W.E. Prestwood, seorang mubaligh, daripada "Christian and Missionary Alliance." Dia telah memberitahu mereka tentang banyak perkara. Tidak hairan kalau orang Lun Bawang yang berlumuran kekotoran dan yang tinggal dalam lembah kehinaan, serta dikeji suku-suku lain tertarik dengan konsep bahawa mereka boleh pergi ke syurga. Sesetengah penduduk tidak lagi bercucuk tanam lagi, mereka hanya berpeluk tubuh dan menantikan kedatangan Tuhan Yesus. Berita ini serta beberapa kebenaran yang telah diputarbelitkan tersebar luas. Malahan ada orang percaya bahawa Tuhan akan melemparkan tali serta mengikat rumah panjang mereka lalu menarik mereka ke syurga! Benarkah Tuhan mahu rumah mereka yang kotor ini? Siapakah yang tahu?

Carey tahu dia harus ke sana dengan segera, lalu, pada 24 Jun, dia menyeberangi perbatasan air di hulu Limbang, tempat tinggal orang Kelabit. Kemudian, dia berangkat ke masyarakat Lun Bawang yang tinggal di hulu sungai Trusan. Sepanjang tiga hari, mereka tidak bertemu dengan sesiapa pun dalam perjalanan. Hati Carey begitu tergerak oleh kuasa dan kebesaran Tuhan apabila dia memandang sederetan pergunungan yang terjulang perkasa. Dia mulai melihat kuasa Tuhan tercurah ke atas orang Lun Bawang.

Setelah menyeberangi perbatasan air, mereka turun ke Lembah Trusan hingga ke perbatasan Indonesia. Ramai orang datang dari jauh dan dekat untuk mendengar pengajaran mubaligh ini.

"Sepanjang waktu kami berada di Borneo, aku tidak pernah melihat sesuatu yang dapat menghalangi kedatangan mereka untuk mendengar lebih banyak...bahkan pin yang terjatuh pun kedengaran. Hal ini merupakan sesuatu yang luarbiasa di kalangan orang Lun Bawang atau rumah panjang yang lain. Semangat mereka tidak kunjung padam dan mereka tidak mahu ketinggalan sesuatu."

Mereka yang pernah ke Indonesia Borneo, Kalimantan, terkejut kerana apa yang didengar oleh mereka di sana sama seperti yang didengar daripada orang putih di sana. Carey berusaha menjelaskan bahawa dia tidak mendapat surat daripada Prestwood. Dia kemudian berjaya menjelaskan

bahawa dia dan Prestwood mempunyai buku yang memuat wahyu yang sama daripada Tuhan kepada manusia.

Mereka mengikut Yesus bukan perlahan-lahan, seorang lepas seorang, atau dalam pasangan tetapi segenap penduduk. Carey yang begitu mengambil berat akan hal ini menjelaskan bahawa Tuhan Yesus tidak mahu pengakuan lidah sahaja tetapi ketaatan hati mereka. Mereka semua memahaminya dan mahu mengikut Yesus. Peristiwa yang sama terjadi di seluruh kampung. Mereka akan meninggalkan ladang mereka, pekerjaan mereka, atau apa sahaja yang diuruskan oleh mereka untuk mendengar khutbah sehingga mereka kesuntukan waktu untuk tidur atau makan.

Selepas suatu jangka waktu, Carey mengetahui sumber segala khabar aneh itu. Beberapa penterjemah yang diperlukan oleh Prestwood telah memutarbelitkan khutbahnya. Setelah dia meninggalkan tempat itu, beberapa orang sengaja ingin menimbulkan kekeliruan di sana. Mereka ingin mempengaruhi orang lain untuk kembali ke cara kehidupan lama. Walaupun orang itu meninggal dunia tidak lama kemudian, ini memberi kesan yang mendalam kepada orang Lun Bawang. Carey terpaksa kembali dan menjelaskan kekeliruan itu. Sewaktu dia pulang, dia menyedari pengunjungan ke tempat ini memang tepat waktunya.

Peristiwa menarik itu belum berakhir lagi. Ketika dia berada dalam perjalanan pulang, dia bertemu dengan tiga orang Lun Bawang. Mereka sedang menunggu dia untuk membawa dia ke rumah panjang terdekat di mana seorang penghulu tinggal dan sepuluh orang lain sedang menunggu. Mereka menunjuk kepada Carey sebatang kayu panjang yang dibuat mereka dan yang mempunyai 72 tanda ukiran padanya. Mereka datang dari beberapa rumah panjang di sepanjang lembah Trusan untuk berjumpa dengannya. Ramai di antara mereka terpaksa kembali ke ladang namun mereka memesan teman-teman mereka untuk membawa Carey ke tempat mereka untuk mengajar mereka. Usahlah diperkatakan lagi, Carey tidak berlengah-lengah melangkah kaki ke sana.

Kelaparan rohani di sana lebih hebat dibandingkan dengan mereka yang berada di Ba Kelalan. "Mataku bergelincangan airmata apabila aku mendengar tua muda, lelaki wanita dan kanak-kanak mengaku keinginan mereka untuk percaya dan mengikut Tuhan Yesus. Betapa merdu irama bahasa mereka apabila mereka menyebut nama yang termanis di syurga

dan di bumi. Kata-kata mereka masih terngiang-ngiang di telingaku, “kai sikal harap ka Tuhan Isa” iaitu kami ingin percaya kepada Tuhan Yesus. Sementara Carey sedang mengajar orang Lun Bawang di hulu Trusan, keluarga Southwell yang berada di Sungai Pranga pula dikunjungi oleh tetamu asing.

Dalam sepucuk surat yang bertarikh 20hb. Julai, Hudson menulis kepada keluarganya: “Suatu hari pada minggu terakhir apabila aku kembali ke rumah, aku berjumpa dengan tiga orang lelaki yang sedang menunggu aku. Mereka datang dari Trusan, perjalanan mereka mengambil selama seminggu. Setelah bersalaman seperti biasa, aku memberitahu mereka bahawa tujuan kedatangan aku semata-mata untuk memberitahu orang di kampung mengenai Tuhan. “Itulah sebabnya kami datang untuk berjumpa awak,” kata Raut, salah seorang daripada mereka yang menjadi ketua mereka.

Raut, ketua mereka dan penduduknya yang datang dari hilir sungai Trusan telah mendengar banyak khabar angin yang juga mengganggu suku Lun Bawang yang berada di hulu sungai. “Sebahagian daripada cerita itu saya percaya tetapi yang lain saya tidak percaya. Aku ingin mengetahui lebih banyak tentang kebenaran.”

Hudson kemudian menjelaskan Injil kepada mereka dan tiga orang ini mendengar dengan sungguh-sungguh serta berseru dalam ketakjuban. Mereka begitu hairan kerana sungguhpun mubaligh itu sudah berada di sana begitu lama namun mereka tidak ada yang percaya atau mengikut Tuhan.

“Kita tidak seharusnya memberi lebih banyak nilai kepada hidup ini berbanding dengan apa yang Tuhan tawarkan,” ujar Raut. Hudson kemudian dalam suratnya menceritakan, “Fikirannya sudah terbuka dan Tuhan telah mengajarnya. Aku mengagumi pengertian rohaninya dan kefahamannya terhadap ajaran. Orang yang begitu lapar mencari kebenaran bukan hanya terdapat di negara lain tetapi juga di sini.”

Mereka bertanya tentang cara berdoa kepada Tuhan. Hal ini sering ditanyakan oleh orang yang berada di puncak gunung mahupun di lembah Borneo setelah mereka mendengar khabar baik. Hudson tidak menjelaskan hal ini dengan panjang lebar. Dia hanya menutup matanya dan bercakap dengan Tuhan. Mereka belajar tentang doa dengan

memerhatinya dan mendengar doa Hudson. Apabila Hudson berkata dia akan datang lagi, mereka segera memberitahu teman-teman mereka.

Hudson meneruskan perjalanannya pada 14hb. Ogos melalui darat, menyeberangi Sungai Lubai dan Sungai Panderuan di mana Carey sedang melayani orang Iban. Dia melihat ada tanda kelaparan rohani yang sungguh dalam di kalangan orang Lun Bawang di kampung seberang sungai di Batu Apui. Mereka saling bertukaran minat mereka mengenai orang Lun Bawang di Limbang.

Dari sana, dia bertolak ke Trusan lalu menempuhi perjalanan yang paling mencabar- gunung ganang dan lembah-lembah begitu indah tetapi ketika menerokai hutan belantara Borneo yang begitu tebal, dalam, dan kuno, kesepian yang aneh menusuk jiwa mereka.

Mereka tiba di sebuah daerah yang terbentang luas sebelum pergi lembah Trusan; seorang pembimbing jalan menceritakan kepada Hudson bahawa tiga puluh tahun yang lalu, beratusan Lun Bawang menetap di sini sebelum penyakit cacar meragut banyak nyawa. Mereka tiba di Trusan dan pada sebelah malam hampir 60 orang berkumpul di serambi rumah untuk mendengar berita baik. Pada keesokan hari, mereka menerpa arus untuk ke rumah Raut selama hampir lima jam lamanya. Hudson dapat mencicipi sedikit madu syurgawi sewaktu Raut menterjemah baginya. "Sedikit sebanyak saya dapat memahami terjemahannya yang bebas tetapi saya juga dapat berasa kehidupan baru yang bermustakim dalam sanubarinya." Orang Lun Bawang akan berkhutbah kepada sesama tanpa kehadiran seorang mubaligh.

Hudson telah menyampaikan berita yang sama di setiap rumah panjang sewaktu mengayuh ke hilir sungai dan waktu pulang dari Limbang. Carey telah mengunjungi kira-kira 56 rumah panjang di hilir sungai dan 35 rumah di hulu sungai. Hampir 2000 orang sedang menungguinya kerana mereka mahu menjadi orang Kristian. Mereka disertai oleh 300 orang di daerah Ba Kalalan. Carey mengetahui betapa penting mengunjungi mereka dengan segera.

Kali ini dia mengikut perjalanan yang diambil oleh Hudson ke Trusan, kemudian dia menaiki ke hulu sungai Ba Kelalan. Apabila dia mendarat, dia mendapati banyak orang sakit yang memerlukan pertolongan. Orang Lun Bawang sedang menderita penyakit selesema kerana mereka memiliki

sedikit daya tahan. Sewaktu dia pulang, dia begitu sedih kerana ramai meninggalkan dunia sewaktu dia masih berada dalam perjalanan. Ramai juga ingin menjadi orang Kristian. Beberapa orang telah mempercayai Tuhan Yesus.

Pada Februari 1934, mereka telah dibenarkan untuk mengunjungi Trusan. Pihak pemerintah menjelaskan bahawa mereka ingin melihat sebuah sekolah didirikan di Limbang sebelum permit kerja mereka diperpanjangkan. Malangnya, satu masalah telah timbul kerana pergantian pegawai kerajaan telah menyebabkan permit kerja mereka di tarik balik. Mereka tidak diizinkan ke sana walau sekadar mengunjungi Trusan. Pada bulan itu, pembukaan sekolah telah diumumkan kepada orang Iban dan orang Lun Bawang di Limbang.

"Kami tidak dapat mengizinkan kamu pergi kerana mereka amat merbahaya," Residen Limbang memberitahu mereka. Pada penghujung tahun, mereka mengajukan permohonan yang sama kepada Residen Miri tetapi rayuan mereka ditolak. Tahun berikutnya, Rajah Vyner Brooke sendiri sedang melawat Limbang dan para mubaligh telah pergi mengunjunginya. Seorang pegawai daerah telah melaporkan kepada Rajah Brooke, "Jumlah orang Lun Bawang semakin berkurangan akhir-akhir ini akibat wabak penyakit dan mereka tiada berpegharapan lagi."

Rajah Vyner Brooke membalas laporan pegawai ini dengan berkata, "Biarlah mereka mati, lebih baik kita tumpukan perhatian kita terhadap orang yang lebih muda kerana yang lebih tua tidak menguntungkan dan tiada berpegharapan lagi."

Mengenangi peristiwa ini, Hudson menceritakan bagaimana mereka bertiga melampiaskan perasaan yang terbeban dan tertekan ini dengan mendayung sampan hingga larut malam. Mereka ternampak seekor babi lalu memburunya. Mereka memanggang babi itu sambil berdukk di pinggir sungai. Hudson mengeluarkan renungan hariannya, "Daily Light" lalu membaca "Berdiamlah hai anak-Ku," lalu mereka membuat kesimpulan bahawa Tuhan telah memberi mereka seekor babi pada waktu kekurangan untuk membuktikan bahawa Dia dapat membuka hati orang Lun Bawang.

Walaupun jalan untuk menjangkau orang Lun Bawang tertutup rapat, mereka mencari pintu penginjilan lain, namun hanya ada sedikit pengharapan. Mereka dapat menjangkau empat golongan orang yang

lain seperti Iban, Bisaya, Kelabit dan satu perkembangan lain di Sabah yang akan diceritakan dalam bab ketujuh.

Carey kembali ke Lubai pada tahun 1935 dengan isterinya, Florence, dan melanjutkan pekerjaan di sana selama tiga tahun. Di sana tidak banyak buah pertaubatan ditemui namun seorang pemuda yang telah menjadi Kristian berkhutbah tentang Kristus kepada orang Iban di Lubai selama empat puluh tahun kemudian. Keluarga Southwell berpindah ke daerah orang Iban dan perjalanan ke sana mengambil masa satu hari dari pangkalan Sungai Pranga. Mereka melayani di sana untuk beberapa tahun serta merawat keperluan 33 rumah panjang di Nganga Meruyu serta mendirikan sebuah sekolah bagi para pemuda.

Menurut Laporan Tahunan BEM pada tahun 1939, mereka berkesimpulan bahawa, "Pelayanan Southwell telah melembutkan kekerasan hati orang Iban." Padahal Southwell telah meluangkan banyak waktu membaca Perjanjian Baru Iban kepada mereka. Firman yang disampaikan sia-sia belaka. Tiga puluh tahun kemudian, Southwell mengunjungi Nganga Meruyu dan mendapati ramai lelaki datang menyambut mereka bukan hanya untuk bermesra dengan kenalan lama sahaja tetapi juga untuk belajar di sekolah kami. "Kami masih ingat apa yang diajari oleh mereka," kata mereka. Maksudnya ialah mereka masih teringat ajaran Alkitab.

Berekoran dengan keputusan Itai dan Lalang untuk menerima Tuhan Yesus, orang Bisaya lebih terdorong menerima Tuhan. Ro Bewsher terus menguasai Bahasa Bisaya dan menterjemahkan Injil Markus. Pada waktu yang sama, dia membaca Injil Yohanes. Dia menyiapkan bahan-bahan bacaan tentang dasar iman dan majalah lain. Selain itu, mereka membangunkan sebuah sekolah kecil di Limpasong untuk melatih bakal pemimpin-pemimpin gereja di Borneo. Suatu hal yang menakjubkan ialah Itai dan Lalang yang selama ini orang percaya yang bersifat pendiam selama tiga tahun mula bersaksi kepada orang Bisaya.

Ro Bewsher terus menguasai Bahasa Bisaya lalu menterjemahkan Injil Markus dan Injil Yohanes. Dia menyediakan bahan-bahan bacaan tentang dasar iman dan majalah lain serta membangun sebuah sekolah yang kecil di Limpasong untuk melatih pemimpin-pemimpin di gereja di Borneo. Dengan pertolongan Ro, mereka melihat hampir tiga puluh orang mengakui iman mereka pada tahun 1938. Di kalangan mereka termasuk dua ketua kampung, bekas pengayau dan beberapa bomoh. Pada

tahun 1939, gereja di Ranggau telah memilih empat pelayan gereja dan mengambil alih semua urusan gereja.


Pintu untuk menginjili orang Lun Bawang dan orang Kelabit tertutup bagi mereka. Kerajaan menegaskan pendirian negatif terhadap orang Kelabit, "Kerajaan menganggap orang Kelabit ini kejam dan tidak suka akan orang putih yang tinggal bersama mereka!"

Alasan ini diberikan sekalipun orang Kelabit di Medihit telah memberi sebidang tanah pada tahun 1932 agar Frank dapat membangun sebuah rumah berdekatan rumah panjang mereka. Menurut laporan itu lagi, "Doalah agar tepat pada waktu, Tuhan akan memberi mereka izin untuk menetap di sini."

Waktu Tuhan ternyata lebih awal bagi orang Kelabit berbanding dengan orang Lun Bawang. Frank kembali dari cutinya untuk mendirikan sebuah pondok kecil pada Jun 1934 sementara bakal isterinya sedang menyeberangi lautan Melborne.

BAB 5

BERJALAN TERTEMPANG-TEMPANG



*Enid hanya dapat tidur-tidur ayam kerana ayam berkokok,
kuching menggiau, dan babi mendengus.*

“Rumah itu sudah terbiar sejak Januari, barangkali Frank tidak akan menemuinya lagi,” tulis Enid Davidson pada Ogos 1935. Dia sedang memikirkan hutan rimba yang bertumbuh dengan cepat di Borneo. Enid tiba pada bulan Febuari setelah pengenalan kepada pelayanannya dan pembelajaran bahasanya selama beberapa bulan. Dia sudah bersiap sedia menyertai Frank ke Mehidit tetapi setelah banyak tawar menawar dengan orang Iban dan Lun Bawang, rancangan mereka berubah kerana hanya ada pekerja untuk membawa Frank ke kawasan pedalaman tanpa isterinya.

Perubahan ini mungkin lebih baik baginya. Setiba di sana mereka mendapati semak menjalari tanah yang dibersihkan dan mereka berkesulitan melintasi ke sana. Lalang yang tajam menusuk mereka sehingga mereka mengalami calar balar. Dia terpaksa menendang pintu pelapah untuk masuk ke rumah itu.

Alamak! Dua tetamu besar dan berbisa bertandang di rumah yang disediakan untuk pengantin barunya. Setelah aksi dan babak yang tegang, mereka berjaya mengusir tetamu yang tidak diundang itu. Frank kemudian mengambil beberapa hari untuk membersihkan rumahnya dan memperbaharui tali persahabatan lamanya dengan orang Kelabit. Dia tidak kecewa walaupun mengalami banyak rintangan. Sebaliknya, dia lebih bertekad membawa isterinya bersamanya dan memulakan pelayanan baru mereka.

Frank suka akan pelayanan barunya. Menurut teman kerjanya, Frank paling gembira dengan pelayanannya di Mehidit di kalangan orang Kelabit yang dikasihinya. Dia mulai mempelajari bahasa lisan mereka dan mengikut gaya kehidupan suku ini. Frank bukan lagi penumpang biasa sewaktu mereka mengayuh sampan dan menerjang air deras. Suaranya yang lantang menembusi air yang mengaung sewaktu dia memekik ria dan bergurau senda seperti orang Kelabit. Dia suka menerpa air deras dan sudah biasa memburu babi hutan sama ada dengan serombongan orang atau bersendirian. Orang Kelabit menerima dia seperti saudara sendiri.

Beberapa kali, ketibaannya di kampung terpencil secara mendadak telah menyebabkan sekampung riuh rendah kerana mereka menyangka pihak kerajaan telah datang untuk menyiasat mereka dan mereka belum bersiap sedia. Apabila mereka melihat Frank yang muncul, mereka berasa lega dan terdengar jeritan, "Tuan tau luk idi" (Dia Tuan Kita). Dia seorang guru dan penasihat. Selepas berkhutbah, dia akan menguruskan segala masalah dan pergaduhan hingga larut malam.

Pada akhir bulan September 1935, Frank ke Mehidit lagi. Kali ini dia membawa isterinya, Enid yang baru kelulusan dari Universiti Melbourne dan masih pengantin baru. Enid menjadi wanita pertama yang melayani di Mehidit. Mereka mengayuh sampan, mengheret sampan dan terpaksa melawan arus yang deras selama enam hari untuk tiba ke Mehidit.

Di rumahnya, Enid menulis tentang pengalamannya dalam perjalanan pertamanya itu. "Aku tidak dapat tidur dengan nyenyak," katanya

sewaktu menceritakan malam pertamanya di rumah Lun Bawang. “Di sini suasananya sungguh bising, kucing kerung menggiau, babi berdengus, dan ayam berkokok. Seorang wanita bangun awal pagi pada pukul 4 untuk menjerang air, terang api dapur membangunkan aku sehingga aku hanya tidur-tidur ayam sepanjang malam.”

Pada hari esoknya, mereka mengayuh sampan menerpa arus deras dan pada waktu malam suasana di sana sunyi senyap. Setelah basah kuyup semalaman di sebuah pondok yang terletak di tepi tebing sungai, mereka menempuh satu jurang yang terjal, menjejaki batu kapur besar yang menjulang ratusan kakinya. Di sini sungai menjadi lebih sempit, alirannya memusar lebih deras sehingga mereka terpaksa mengheret sampan mereka.

Perjalanan ini memberi mereka peluang mengagumi kemahiran penghuni yang tinggal di pinggir sungai. Setibanya di arus yang berkisaran deras, mereka melompat ke dalam sampan yang terjungkang jangkit. Mereka mendayung sedaya upaya serta bergerak jauh dari air yang deras kemudian dengan lega membiarkan sampan mereka menggelunsur di air sungai yang tenang. Orang yang dilahirkan dan dibesarkan di pinggir sungai ini boleh berdiri tegak dan bangga dalam sampan yang terombang ambing. Sewaktu mereka mendayung sampan, ketegangan yang ternampak pada otot dan bahu mereka menunjukkan mereka telah memeras segenap daya untuk menawan arus deras.

Setelah mereka tidur dua malam di atas batu yang berdekatan dengan sungai, mereka tiba di Mehidit pada tengah hari, hari keenam. Di sini perjalanan mereka semakin sulit, dan mereka mengambil lima belas minit untuk mengharungi arus yang deras. Sebelum tiba di tikungan sungai, Frank mengatakan isterinya perlu beristirahat dan mereka mengambil jalan daratan. Mereka dapat melihat rumah itu sekalipun lalangnya hampir setinggi enam kaki dan mereka tiba di sana setengah jam lebih awal.

“Rumah kecil kami sungguh selesa dan suasananya nyaman sekali,” tulis pengantin itu sewaktu dia mengenangi rumah pertama mereka. Rumah itu didirikan di atas jangkungan kayu seperti semua rumah orang Kelabit. Kayu yang bertakik ini pada mula-mulanya dibina di atas tembok pertahanan tetapi gaya pembangunannya tetap dicontohi apabila rumah itu didirikan di lerengan bukit yang lebih rendah. Ini hal yang lazim apabila sebuah rumah didirikan di lerengan bukit yang lebih rendah,

sungainya akan digenangi air pada waktu hujan lebat. Rumah mereka yang dibuat daripada pelepah kayu terdiri daripada sebuah bilik dan dapur yang terpisah di mana Enid boleh memasak di obor api yang terbuka. Tangganya dibuat daripada dua batang kayu yang terikat dengan rotan yang membentuk anak tangganya. Frank menggunakan kayu biasa yang diletaknya di serambi pada sebelah malam untuk menjauhi pengganggu. Di kawasan pedalaman tidak ada paku, semua kayu diikat dengan rotan yang dibelah dan tiang rumah pula diperbuat daripada batang pokok.

Mereka bernasib baik kerana dapat memulakan perjalanan tanpa menanggung waktu. Pada perjalanan yang seterusnya, mereka kurang bernasib baik namun mereka tetap mengalami perlindungan dan pemberian daripada Tuhan. Suatu hari, perjalanan mereka diperlambatkan oleh arus deras akan tetapi mereka telah membawa bekalan nasi. Setiba di sana pula, salah seorang daripada mereka telah menembak seekor rusa. Pada hari yang sama, pondok yang didirikan oleh mereka berdekatan sungai sudah terhanyut air yang meluap-luap. Syukurlah kepada Tuhan, mereka sudah meninggalkan tempat itu.

Mengayuh ke hilir sungai biasanya lebih berbahaya daripada mengayuh ke hulu. Semua mubaligh selalu berpindah randah dari satu tempat ke tempat yang lain, dan setiap mereka mempunyai cerita tentang perlindungan Tuhan yang ajaib. Contohnya, Enid menceritakan tentang perjalanan teruja di sungai yang deras. Mereka terlepas dari mara bahaya ketika sampan mereka terkandas antara dua pusaran air yang telah membanjiri sampan mereka.

Frank melompat dari sampannya namun dia segera menaikinya kerana airnya terlalu dalam dan deras sehingga dia tidak dapat berdiri teguh. Sampan mereka terdampar di kawasan berbatu selama beberapa minit atau jam dan tidak ada sesiapaupun yang tahu apa yang harus dibuat oleh mereka. Mereka menduga mereka akan tenggelam dalam pusaran air itu. Kemudian salah seorang daripada mereka berjaya mengalihkan sampan dari batu itu, mereka bersyukur lagi kepada Tuhan atas keselamatan yang diberikan-Nya.

"Kami menoleh ke arah batu besar itu dan menyedari bahawa satu mukzizat telah terjadi kerana sampan kami tidak terbelah dua," jelas Enid.

Kepercayaan Karut Dan Pantang Larang

Tentu sahaja kami menghadapi bukan sahaja cabaran alam sahaja akibat tinggal di pedalaman tetapi juga kepercayaan karut yang menguasai hampir setiap aspek kehidupan orang Kelabit. Mereka terpaksa menunggu pertanda baik untuk membangun sebuah rumah, kalau tidak, mereka akan menghentikan rumah itu walaupun belum selesai dibangunkan. Sebuah sampan akan dibiarkan terdampar dan menjadi hidangan anai-anai jika mereka terdengar kicauan burung atau ternampak ular. Alamat sial ini juga akan menyebabkan mereka menanggukkan pertanian mereka. Padi akan dibiarkan untuk membusuk di tanah biarpun kelaparan berleluasa kerana mereka tidak mahu menaikkan amarah roh. Kalau rusa menengking ketika seorang bayi dilahirkan, bayi itu akan diberikan kepada orang lain atau dibiarkan mati kerana mereka mempercayai jika orang itu tidak taat kepada pertanda sial ini atau tidak mahu menerima mesej daripada roh-roh, mereka akan mati.

Perjalanan akan ditangguhkan sehingga beberapa hari bahkan berbulan-bulan. Banyak maklumat dapat diperhatikan daripada pelbagai hal dan pada suatu peristiwa, perjalanan ditangguhkan dari 15hb. September hingga ke 12hb. Disember. Enid membaca dari diarinya:

Pada 15hb September 1935, Balang Imat dan beberapa orang lain hendak ke pantai untuk membayar cukai. Sebelum mereka bertolak, mereka memerhatikan cara penerbangan burung helang. Jika burung helang itu melayang dalam lingkaran, itu alamat yang baik tetapi seandainya burung itu berterbangan rendah, mereka tidak akan bertolak. Jika burung helang itu terbang ke arah kiri, itu juga pertanda buruk. Sebaliknya jika burung helang itu terbang ke arah kanan, itu pertanda baik.

23hb. Oktober. Balang Imat berkata dia akan pergi bulan depan.

15hb. November. Balang sudah bertolak tetapi menerima alamat buruk lalu membatalkan perjalanannya. Selepas tiga hari, baru dia keluar. Pada waktu yang sama, kerajaan mengutuskan seorang penghulu untuk menyiasat orang Kelabit yang belum membayar cukai mereka.

24hb. November. Balang akan pergi pada hari esok dengan sebuah sampan yang memuat orang Kelabit.

25hb. November. Balang telah melihat pertanda buruk. Mereka bertolak tetapi dua ekor ular menelusuri perjalanan itu, mereka terpaksa pulang.

26hb. November. Hari ini sungai mengalir tenang namun orang Kelabit tidak akan berangkat jika berhujan awal pagi.

30 hb. November. Balang belum pergi lagi. Dia sudah menunggu hampir seminggu. Satu pertanda sial muncul lagi! Seorang tua, Pun Tai ternampak dan terdengar kicauan burung yang menyebabkan mereka tidak berangkat lagi. Balang mahu pergi tetapi dia tidak berani kerana takut tertimpa kemalangan jika tidak menurut pertanda yang diberikan burung itu. Apabila yang lain mahu pergi, Pun Tai memberi amaran dan mengatakan maut sedang mengetuk di ambang pintu mereka.

Balang Imat meminta jalan keluar untuk mengatasi pertanda buruk itu daripada Frank lalu Frank mengajar dia bagaimana beriman kepada Tuhan.

1hb. Disember. Orang Kelabit telah sampai di muara sungai Mehidit tetapi malam sebelum itu seorang gadis telah meninggal dunia di sebuah rumah yang berdekatan sungai. Lagi sekali, mereka terpaksa patah balik.

12hb. Disember. Tujuh buah sampan yang penuh dengan orang Kelabit sedang menuju ke pantai.

Surat Menyurat

Surat menyurat keluarga Davidson bergantung pada perjalanan bolak balik orang Kelabit ini dari bandar. Bagi orang yang sudah biasa dengan kemudahan serta keselesaan kehidupan serta gaya berkomunikasi di negara Australia, cara komunikasi ini memang sulit. Mengenangi peristiwa beberapa tahun yang lalu, Enid teringat betapa gembiranya apabila mereka terdengar teriakan orang Kelabit yang menghampiri pangkalan.

“Adakah mereka membawa surat?” “Adakah mereka akan bersinggah di sungai Pranga atau melalui di sana sahaja? Setelah sekian lama, saya masih teringat perasaan saya yang begitu mengebu-gebu sewaktu menantikan ketibaan surat.” Ini tidak menghairankan kerana kami menerima surat hanya setelah tiga atau empat bulan. Kami pernah menerima hanya dua

pucuk surat selepas enam bulan iaitu pada bulan Januari dan Jun. Pada suatu ketika orang Kelabit yang sudah tiba di pantai terpaksa menunggu enam bulan kerana tempat itu dibanjiri.

Keluarga Davidson bekerja dan mengembara dari tempat tinggal mereka yang kecil di Medihit sehingga mereka pulang bercuti pada bulan Ogos 1938. Mereka mempelajari bahasa ini, mengajar beberapa orang untuk membaca serta menterjemah cerita-cerita mudah dalam Alkitab. Mereka juga mengunjungi rumah panjang yang berdekatan dan merawat pesakit termasuk pengembara seperti suku Penan yang merantau dari semasa ke semasa. Jelas, setiap kesempatan digunakan oleh mereka untuk membebaskan penduduk kampung dari ketakutan akan roh. Bagaimanapun laporan tahunan yang terakhir, 1938-1939 menyatakan bahawa tidak ada keyakinan yang pasti daripada mereka. "Mereka memohon untuk sebuah sekolah, sebuah gereja dan lebih banyak orang Kelabit. Mungkinkah keluarga Davidson akan menemui orang Kelabit yang rindu mencari Penyelamat apabila mereka kembali pada tahun depan?"

Ceritanya sebenarnya terjadi begini. Keluarga Davidson telah menghadapi dilema yang paling sulit di Borneo yang belum pernah dialami oleh mereka sepanjang pelayanan mereka. Ini disebabkan Tuhan telah menjawabkan doa mereka jauh daripada apa yang berani diharapkan oleh mereka.



Perjalanan Pun Tai ditangguhkan kerana dia terdengar kicauan burung.



BAHAGIAN KEDUA

FAJAR (1938-1950)

BAB 6

MUKJIZAT SUKU LUN BAWANG

Sahabat handai dan mubaligh di Australia tekun berdoa sekalipun pintu kepada orang Lun Bawang tetap tertutup. Menjelang akhir tahun 1937, para mubaligh menerima laporan mengenai perubahan suku Lun Bawang. Ini menggalakkan sahabat handai dan para mubaligh untuk lebih bertekun berdoa lagi.

Maka 13hb. November telah ditetapkan oleh seluruh Persekutuan Borneo sebagai Hari Doa. Inilah titik perubahan. Seminggu kemudian, perintah izin untuk masuk ke kawasan Trusan diberikan oleh Rajah sendiri. Pada Januari 1938, Carey Tolley pergi ke Trusan untuk mencari tempat yang sesuai untuk mendirikan rumah agar dia boleh mengunjungi orang Lun Bawang. Semua berjalan lancar dan cepat untuk mendirikan rumah dan mereka amat berterima kasih atas pertolongan seorang Kristian Cina yang suam-suam. Namun situasi di kalangan orang Lun Bawang tidak begitu cerah.

“Pelbagai penyakit telah menjangkiti mereka. Dalam tempoh empat tahun penyakit itu telah meragut jiwa mereka sehingga bilangan mereka semakin berkurangan,” tulis Carey. Beberapa rumah panjang telah kehilangan hampir 50 peratus penghuni mereka. Hanya beberapa ratus yang tertinggal sahaja. Ketagihan tuak membawa mereka dekat liang kubur sehingga mereka hanya bernyawa ikan.

Di kawasan hulu, suasana kelihatan lebih cerah walaupun banyak jiwa telah diragut oleh penyakit. Apabila orang Lun Bawang yang menghuni di hulu sungai mengetahui bahawa para mubaligh tidak akan kembali lagi, mereka mengundang orang Indonesia untuk mengajar mereka. Seorang Lun Bawang dari Sabah yang bernama Panai Raub pernah pergi ke Indonesia



Carey Tolley mendirikan rumah agar dapat tinggal di kalangan orang Lun Bawang.

dan menjadi seorang Kristian sewaktu berada di sana juga menolong mereka. Dia dan beberapa orang lain telah menerima panggilan itu. Orang Lun Bawang yang mendengar berita baik telah mengalami perubahan radikal dan telah mengubah seluruh corak kehidupan mereka.

Mereka sungguh-sungguh memerlukan banyak pengajaran. Carey melaporkan bahawa sewaktu dia sedang mendirikan rumahnya, dua tetamu telah memberitahunya bahawa orang Lun Bawang yang berada di hulu sungai berusaha mengikuti pengajaran yang telah saya ajari namun banyak yang dilupakan mereka. Sedih sekali, pada waktu itu juga, keluarga Tolley telah mengambil keputusan untuk meninggalkan Misi atas alasan kesihatan dan keluarga. Ini merupakan tragedi kerana saat ini sungguh genting kerana beberapa bulan setelah mereka berangkat, tiga keluarga di pangkalan Trusan dilaporkan tidak lagi mengamalkan adat kafir mereka. Mereka perlu dikunjungi, tetapi Frank yang mengetahui Bahasa Kelabit yang hampir mirip Bahasa Lun Bawang baru bercuti.

Stafford Young yang pernah menderma \$50 sewaktu Misi baru ditubuhkan telah mengunjungi mubaligh ini pada tahun 1935. Memandang Misi ini sangat memerlukan bantuan, dia telah menginap di sana sementara untuk menolong. Dia tidak fasih dalam Bahasa Lun Bawang tetapi dia hanya satu-satu orang yang bersedia pergi ke sana. Dia berangkat pada Disember 1938, serta membawa Lawai, seorang pemuda Lun Bawang yang telah menjadi seorang Kristian pada waktu pelayanan Southwell di Sungai Pranga. Stafford mengatakan dia bukan seorang pemuda yang sungguh pandai tetapi dia rela melayani dan menterjemah. Dalam rombongan mereka juga ada empat orang lain yang berperanan sebagai pengangkut barang-barang. Pegawai kerajaan yang begitu keberatan untuk membenarkan mereka ke sana telah memberi banyak amaran tentang keburukan yang akan menimpa mereka.

Stafford kemudian mengetahui laporan yang terjadi di hulu Trusan hanya separuh benar dan dia begitu bersemangat sewaktu mereka ke hulu sungai ini. Rombongan mereka yang hanya berjumlah enam orang sahaja telah bertambah menjadi dua puluh orang. Tiga puluh orang Lun Bawang juga menyertai mereka dari kampung ke kampung. Mereka akan menolong para mubaligh mengangkat barang-barang kerana mereka suka berbuat demikian. Ini suatu hal yang belum pernah terjadi dalam tahap pengalaman Misi ini.

Apabila mereka tiba di kampung itu, ramai orang mengerumuni mereka untuk mendengar injil yang diceritakan dalam bentuk gambar-gambar lalu mereka melontarkan banyak pertanyaan berkenaan setiap sudut kehidupan.

"Apakah yang dikatakan oleh Tuhan mengenai hal ini?"

"Apakah yang dikatakan oleh Tuhan dalam kes seperti itu?"

"Apakah yang akan dilakukan oleh Tuhan?"

"Aku sungguh terilham apabila aku menyedari bahawa fikiran seluruh suku terbuka kepada kehendak Tuhan dan perintah-Nya," kata Stafford.

Di daerah lain, fikiran orang kafir masih tertutup kepada kebenaran baru. Pintu hati mereka terbelenggu oleh kepercayaan adat dan kepercayaan karut.

Pengunjung-pengunjung begitu tertakjub mendengar doa yang menjadi aktiviti penutup yang dilakukan penduduk sini pada sebelah malam, dan kemudian mereka dibangunkan oleh doa menjelang subuh. Stafford memerhatikan: "Di negara kita, doa memerlukan begitu banyak dorongan. Orang Kristian yang baru terpaksa digalakkan untuk berdoa di depan umum. Di hutan rimba Borneo, ceritanya berlainan! Tanpa bimbingan seorang guru kecuali Roh Kudus, mereka mencurahkan doa mereka dengan sepenuh hati."

Benarkah semuanya ini? Adakah mereka sedang berlakon di depan tetamu? Stafford mengetahui batu ujian mereka dan cuba menguji mereka:

"Di mana borak (arak padi) awak sekarang?" tanya Stafford.

"Oh, kami sudah lama tidak minum borak."

"Sirih dan rokok tembakau awak di mana?"

"Kami tidak menyentuh itu lagi," jawab mereka.

Pada sepanjang perjalanan bulan itu, dia tidak melihat barang itu lagi.

"Alangkah sulit mempercayai seluruh suku Kafir ini tidak lagi ketagihan narkotik, dan mereka bukan lagi kaki botol yang melarat. Kebangunan rohani yang mempengaruhi mereka tidak terjadi secara dangkal sahaja.

Saya berkesimpulan bahawa orang yang selalu menyertai kami di ladang ialah Tuhan!" kata Stafford.

Tuhan sedang menunjuk kepada BEM bahawa Dia ingin menggunakan mereka sebagai rangka pembangunan. Dia dan Dia sahaja yang menjadi Pembangunnya.

Stafford berkata, "Memang ada kuasa rohani yang ajaib. Seorang Kristian yang acuh tak acuh serta empat orang Kafir telah menyertai saya. Apakah yang terjadi kepada mereka? Lawai diperbaharui oleh Tuhan lalu dia meminta agar dibaptis. Dua pengikut yang lain telah percaya kepada Yesus Kristus. Mereka bertumbuh dalam kehidupan kerohanian mereka dengan begitu cepat dan begitu hangat sehingga orang lain turut mengikuti mereka. Mereka menyerahkan diri untuk melayani tanpa bergaji. Orang Lun Bawang lain yang lebih ramah, terus datang untuk menyertai kami. Kami kembali dengan sembilan orang yang kuat dibandingkan dengan lima orang yang dangkal. Jiwa kami dipenuhi dengan puji-pujian kepada Tuhan."

Beberapa bulan kemudian, Hudson Southwell telah datang, dan dia juga terkejut dengan perubahan ini.



Hudson memberitakan Injil kepada orang Lun Bawang sekalipun mereka dalam keadaan mabuk.

"Pada tahun 1933, mereka masih lagi mabuk namun mereka begitu rindu mendengar Injil. Tetapi, mereka lebih bersih dan sihat sekarang. Apabila kami tiba di Long Semadoh, kami menjumpai sebuah rumah panjang yang bersih dan baru, tidak ada babi. Anda boleh berjalan di bawah rumah panjang tanpa perlu menahan nafas." Kebetulan mereka bertemu dengan kakitangan kerajaan yang bekerja di Long Semadoh, Pegawai Daerah Baru dan Encik Banks, Kurator Muzium Sarawak. Mereka juga mahu menyelidiki sama ada perubahan yang dikhabarkan itu benar.

"Apakah yang telah anda lakukan dengan orang ini Southwell?" itu salam yang diberikan oleh Encik Bank. Dia bercadang agar kami menulis sebuah cerita bagi "Sarawak Gazette."

"Bukan saya," jawab Hudson. "Anda pernah menulis tentang mereka dalam keadaan kemabukan, sekarang anda harus menulis tentang perubahan mereka." Hudson dengan sukacita menjelaskan bahawa, "Tempat ini begitu bersih sehingga dia tidak tahu di mana dia harus membuang kulit pisangunya...Rumah panjang Murut di Trusan pernah menjadi tempat yang busuk dan kotor di Sarawak, kini sudah menjadi begitu bersih dan kemas." (Sarawak Gazette, 1 hb. Julai 1939).

Kerajaan yang pernah keberatan memberi izin kerja untuk memulakan pekerjaan di kalangan orang Lun Bawang telah memohon agar mereka mengambil kesempatan ini untuk mengubah suasana.

Ajaib sekali, Tuhan telah membuat seluruh suku berpaling kepada Diri-Nya. Jamuan minuman arak yang melemahkan mereka telah digantikan dengan doa harian dan nyanyian rohani. Ketakutan akan roh-roh jahat berubah menjadi ketakutan yang suci akan Tuhan. Pencabulan dan perzinaan yang telah menyebarkan penyakit dihapuskan. Nilai-nilai baru tentang kebersihan dan kesihatan menjadi sesuatu yang penting.

Davidson yang pulang dari percutiannya pada Ogos 1939 begitu yakin bahawa mereka akan melihat tuaian di tengah-tengah orang Kelabit. Rombongan mubaligh yang berkumpul di persidangan pada tahun itu menyedari betapa pentingnya seorang mubaligh yang berpengalaman diutus untuk mengajar ribuan orang Lun Bawang yang masih bayi dalam Kristus. Mereka berpendapat Frank dan Enid harus diutus ke sana kerana tidak ada orang lain yang lebih sesuai daripada mereka.

Keluarga Davidson tidak tahu ke mana mereka harus pergi. Mereka mengunjungi daerah orang Lun Bawang lalu ke Mehidit untuk melihat keadaan di sana. Keperluan orang Lun Bawang sangat mendesak dan dia ingin menolong mereka tetapi apa yang dirindui oleh mereka untuk orang Kelabit mulai menjadi kenyataan. Dengan kepulangan mubaligh ini, seluruh rumah panjang dan beberapa suku telah percaya Kristus. Mereka juga perlu diajari. Keluarga Davidson begitu runsing dan gelisah kerana mereka terpaksa mengubah rancangan mereka dan tidak dapat mengajar orang Kelabit yang dikasihi oleh mereka. Bagaimanapun mereka mendapati keperluan orang Lun Bawang lebih besar.

Tuhan yang membawa orang Kelabit kepada Diri-Nya juga mengerjakan mukjizat di tengah-tengah orang Lun Bawang. Tuhanlah Pembangunnya

dan Dia tahu cara yang terbaik untuk menggunakan rangka yang dipersiapkan untuk membangun gereja-Nya. Frank melayang kepada Tuhan dalam doa seperti yang biasa dilakukannya sewaktu ingin mencari kehendak-Nya.

“Saya ingin melakukan kehendak-Mu, O Tuhanku,” itu satu pepatah yang disering didoakan oleh Frank menurut Enid. Pepatah ini telah menjadi kunci pelayanannya sekian tahun dan Enid masih menyimpan kenangan abadinya, “Frank selalu duduk di samping mejanya pada pukul 5 pagi untuk membaca di bawah terang lampu pemburunya lalu tekun berdoa untuk mencari kehendak Tuhan untuk setiap harinya dan meminta kuasa-Nya yang memampukan dia.” Tuhan meyakinkan Davidson mengenai kehendak-Nya untuk mengutusnyanya kepada orang Lun Bawang namun mereka mesti terlebih dahulu meluangkan tiga hingga empat bulan untuk mengajar orang Kelabit.

Mereka terpaksa melakukan begitu banyak pelayanan dalam beberapa bulan yang berharga ini. Mereka banyak menerima undangan untuk mengajar bahkan undangan juga datang dari tanah tinggi orang Kelabit. Sewaktu Southwell sedang mengunjungi keluarga Davidson pada awal tahun 1940, Frank dan Hudson telah ke pergunungan di mana penduduknya haus akan firman Tuhan, akan tetapi tidak ada seorang pun ingin menerima Tuhan di kalangan mereka kecuali seorang sahaja, Pun Abi. Hanya dia sahaja yang berdiri untuk menerima dan menyerahkan dirinya kepada Tuhan pada malam terakhir kebaktian khutbah itu.

“Saya tidak menghiraukan orang di sekeliling saya dan saya ingin percaya kepada Tuhan Yesus,” kata dia. Dia masih tetap setia dalam imannya sewaktu berlaku peperangan sehingga para mubaligh kembali.

Di Mehidit, Frank meneruskan pekerjaan menterjemah Alkitab sambil mengajar orang muda membaca Alkitab di sekolah kecilnya. Kebaktian minggu diselenggarakan dan Frank begitu gembira mendengar orang Kelabit menyanyi lagu-lagu rohani sendiri dan bersaksi tentang pekerjaan Tuhan dalam hati mereka. Di kalangan mereka juga hadir seorang pemuda Lun Bawang, Racha Umong, yang kemudian menjadi ketua Sidang Injil Borneo dan ahli parlimen di Malaysia. Perasaan kecewa menyelubungi mereka sewaktu mereka terpaksa menutup pelayanan ini kerana kekurangan mubaligh. Para mubaligh terpaksa meninggalkan tempat itu tetapi mereka berjanji akan mengunjungi orang Kelabit dari semasa ke se masa.

Keluarga Davidson tiba di kota Trusan melalui hulu Sungai Trusan pada April 1940. Kemudian, mereka mengambil setengah hari ke sebuah pusat di Lawas, kawasan hilir suku Lun Bawang untuk mengunjunginya. Rajah Putih yang sendiri mengunjungi kawasan ini hampir tidak percaya dengan apa yang dilihatnya di sini.

“Saya sungguh mengagumi dengan perubahan di kalangan orang Murut (Lun Bawang). Saya percaya anda telah melakukan banyak dalam beberapa tahun dibandingkan dengan usaha kerajaan selama empat puluh tahun ini,” kata Raja Putih. Dia kemudian berkata dia begitu kagum akan “wanita kecil itu” (yang dimaksudkannya Enid) yang dikerumuni oleh empat puluh atau lima puluh lelaki, wanita dan kanak-kanak. “Saya tidak pernah melihat sesuatu yang seperti ini sebelum ini,” katanya. “Mereka telah berjaya meyakinkan orang di sini dan mempunyai pengaruh yang besar ke atas mereka. Yang mengejutkan saya ialah kalian melakukan semua ini berdasarkan iman dan cara yang rohani.”

Davidson telah menurut perintah Tuhan untuk memenuhi keperluan tertentu tetapi tugas yang dihadapi oleh mereka begitu besar.

“Keperluan di sini sungguh mencabar,” tulis Enid. “Beratusan orang Kristian ingin diajari dan dibimbing.” Mereka begitu gembira berada di sana. Sewaktu dia mengimbas dilema yang dihadapi oleh mereka, dia memberi pendapatnya, “Sewaktu kami berpindah ke Trusan, kami yakin itulah tempat itu ditentukan Tuhan untuk kami agar kami dapat mempelajari mengasihi orang Lun Bawang. Kami begitu rindu agar mereka bertumbuh dalam pengetahuan dan rahmat tetapi tugas itu terlalu besar bagi dua orang sahaja.”

Pemeliharaan Tuhan banyak menolong mereka terutamanya sewaktu Jepun menyerang Borneo pada Disember 1941. Pada mula-mulanya keadaan kelihatan sungguh mengecewakan. Enid telah diperintahkan oleh kerajaan untuk pulang ke tanahair sewaktu dia sedang mengandung anaknya yang kedua kerana keadaan di sana semakin tegang. Brian Morcombe, mubaligh baru yang tidak berbahasa Lun Bawang, telah tiba beberapa bulan sebelum Jepun melancarkan serangan. Frank terpaksa bertungkus lumus dan Tuhan memberi dia sembilan bulan yang berharga untuk mengajar dan mendirikan gereja.

Ketika orang Jepun tiba di Miri, Frank diminta mengetuai sekumpulan orang Eropa ke pedalaman untuk bersembunyi. Frank tidak suka bersembunyi tetapi dia mengambil peluang ke Berayong untuk meneruskan pelayanan di sana. Berayong terletak di dataran tengah antara pantai dan perbatasan Indonesia. Jika mereka tinggal di persisiran pantai mereka mungkin akan ditahan.

Wakil dari gereja-gereja pedalaman telah datang ke sekolah yang didirikan Frank. Mereka bukan sahaja datang belajar tetapi mereka juga mencatat Injil Lukas sewaktu Frank menterjemahnya. Apabila para mubaligh terpaksa menyerah pada Oktober 1942, mereka lega mengetahui bahawa setiap gereja mempunyai anggota gereja yang boleh membaca Injil Lukas. Frank juga telah menterjemah beberapa buku Perjanjian Baru.

Bantuan tambahan untuk mengajar Alkitab ditangani oleh Encik Southwell yang berada di sempadan Indonesia Borneo kerana dia tidak dapat pulang ke pusat. Mereka juga mendirikan sekolah, membaptis ramai anggota gereja yang percaya, dan mengatur pelayan-pelayan di gereja. Mereka mendapat pertolongan pada bulan Mei daripada seorang mubaligh muda, John Wilfinger, jurubahasa berbakat yang bekerja dengan "Christian Missionary Alliance" di Indonesia. Dia dan Southwell menterjemahkan injil Markus dan meninggalkan senaskah yang sudah ditaip untuk suku Lun Bawang. Winsome menyimpan senaskah lagi sewaktu berada di bawah tahanan orang Jepun. Naskah itu tidak pernah dijumpai oleh askar Jepun sekalipun mereka pernah mengekskavasi tempat itu. Naskah itu dicetak setelah peperangan tamat.

Orang Lun Bawang merayu agar mubaligh ini tidak menyerahkan diri kepada askar Jepun. Apabila mubaligh ini mengetahui bahawa mereka mungkin sedang merbahayakan orang Lun Bawang, mereka berkeputusan untuk menyerahkan diri. John Wilfinger menyeberangi perbatasan dan menyerahkan diri kepada orang Jepun di pantai. Dia berada di kem pertahanan selama enam bulan sebelum ditembak mati.

Keluarga Southwell, Frank, dan Brian begitu sedih namun mereka menempuh perjalanan yang penuh kemenangan ke pantai Sarawak. Mereka mengadakan kebaktian di pelbagai kampung, mengemukakan pertanyaan, dan membaptis banyak orang yang percaya, dan memilih pemimpin-pemimpin dan pelayan di gereja.

Suku Lun Bawang ditinggalkan lagi tetapi kali ini mereka sudah memiliki ajaran yang agak mendalam dan mereka sudah memiliki beberapa bahagian kitab Alkitab. Mereka membuktikan bahawa mereka dapat hidup walaupun semua penyandar sudah tiada lagi, Tuhan menyertai mereka.



Tuan dan Puan Hudson Southwell pada tahun 1972

BAB 7

MAJU DAN DAWAI DURI

Tuhan telah memanggil pengganti yang berat hati untuk mengambil alih pelayanan keluarga Davidson. Cik Madge yang jatuh sakit begitu gembira kerana Tuhan tidak akan memanggil dia ke luar negeri sekalipun dia berminat mendoakan Borneo. Kemudian dia membaca laporan dari BEM bahawa keluarga Davidson terpaksa meninggalkan orang Kelabit maka terlintas di fikirannya, “Siapakah yang akan menggantikan mereka?” Lantaran itu, Madge agak hairan kerana dia seakan-akan mempunyai keyakinan luarbiasa bahawa Tuhan sedang memanggil dia.

Dia mengenangi hal ini ketika mengunjungi orang Kelabit untuk mengajar di Sekolah Alkitab dan menterjemah Alkitab bagi orang Kelabit. Madge berkata, “Saya tidak rela pergi selama lima tahun dan saya menyangkal panggilan saya.”

Tuhan tetap mengerjakan segala sesuatu demi kebaikan-Nya sekalipun dia keberatan untuk berangkat ke sana. Madge yang begitu lemah pada waktu itu tidak mungkin akan hidup jika dia ditahan pada waktu pertahanan Jepun. Selepas peperangan, Alan Belcher telah melamar dia. Salah seorang kenalan meragukan kemampuan dia untuk bertahan dalam pelayanan seperti mereka meragukan tahan lasak Cik Winsome Southwell. Akhirnya dia berangkat ke Borneo setelah lulus dalam bidang perubatan. Dia dan Alan meluangkan banyak waktu merempuh perjalanan dan menempuh kehidupan yang sulit.

Alangkah sulitnya untuk mempercayai bahawa orang yang gigih dan rajin seperti Alan Belcher akan ditolak atas dasar kesihatannya. Dia dijangkiti oleh penyakit batuk kering sejak kecil tetapi sewaktu diperiksa, dia sudah sembuh sempurna namun masih ada halangan lain.

Mereka menghadapi cabaran seperti anggota BEM yang lain. Apabila seorang lelaki atau perempuan ingin melayani, ujian akan datang, dan dia akan ditawarkan kenaikan pangkat yang menarik. Alan ditawarkan menjadi pengurus sebuah syarikat di New Zealand. Walaupun dia tidak mengetahui sikap pengurus besar tempat kerjanya, dia bersetuju menerima tawaran pekerjaan itu seandainya BEM menolak tawarannya untuk melayani. Pengurusnya seorang Yahudi yang salih telah bersetuju dengan cadangan itu.

"Nama baik lebih penting daripada kekayaan," katanya.

"Saya berfikir begitu juga," kata Alan seraya menyetujuinya.

"Saya tidak meminta pendapat awak, saya cuma ingin memberitahu awak suatu kebenaran," jawab pengurus itu.

C.H. Nash berusaha tidak menggalakkan Alan melamar menjadi mubaligh BEM. Pada waktu ini, sasaran Misi lebih condong terhadap ladang pelayanan dan dia berpendapat langkahnya belum matang lagi. Alan tetap bertekad ke Borneo walaupun dia menghormati pandangan pemimpin yang tersohor ini. Setelah dua belas bulan bekerja di tempat lain, dia meminta Encik Nash yang akhirnya bersetuju memberi dia rekomendasi.

"Apabila saya mendengar seseorang mahu ke ladang misi," jelas Nash, "Saya berusaha meletakkan halangan di depannya. Alangkah buruknya kalau seseorang ke ladang pelayanan tanpa panggilan Tuhan. Jika seseorang itu sungguh-sungguh dipanggil Tuhan, apa yang saya kata tidak kisah kerana Tuhan akan meruntuhkan segala halangan dan Tuhan akan menyertai dia."

Alan Belcher tiba di Sabah pada September 1940 untuk melanjutkan kerja pembangunan yang dimulai sejak tiga tahun yang lalu. Pada waktu itu, pintu menjangkau orang Lun Bawang tertutup dan BEM terpaksa mencari jalan yang lain. Encik Hudson Southwell sudah lama terbebani untuk Sabah. Dia mencurahkan bebannya dalam persidangan mubaligh pada tahun 1936 dan mereka bersetuju bahawa Tuhan telah, "membebaskan hati kami untuk Borneo Utara."

Encik Hudson berangkat ke Sabah bersama Stafford Young pada April 1937. Mereka masuk ke pedalaman Sabah dengan menelusuri jalan yang biasa digunakan pada waktu itu iaitu menyeberangi pelabuhan Brunei lalu menyeberangi Weston ke pelabuhan utara di Sabah. Dari sana, mereka menaiki keretapi yang masih menggunakan bahan api buatan kayu dan mengikuti landasan keretapi yang berjarak kira-kira 76 batu jauhnya ke Kota Kinabalu yang dinamai kota Jesselton. Landasan ini bercantum dengan cabangnya apabila mereka tiba ke batu ke 21, di Beaufort, lalu mereka tiba di jurang Padas yang menelusuri ke pergunungan Crocker. Mereka begitu mengagumi landasan yang dibina hanya dengan tangan sahaja di kaki pergunungan.

Menurut Owen Rutter, pada waktu permulaan pembinaan landasan itu, "Hanya beberapa orang yang berani mengambil perjalanan itu tanpa

membawa bekalan makanan selama dua hari.” (British North Borneo, Owen Rutter, 1922) Perjalanan ini telah mengilhami seorang penyajak yang tidak dikenali untuk menulis alunan kata-kata berikut:-

“Di atas besi yang berkaratan,
Mengempa ‘the Mail’ ke kota Jesselton;
Memecut dengan pantas tanpa menghiraukan nasib,
Sudah dua hari terlambat,
Ia mesti menepati masa...
Lihat bunga api dari gempulan asapnya,
Berjoget dengan gila selama tiga batu sejam.
Kadangkala mereka berhenti untuk memeriksa jambatan;
Kadangkala mereka tersangkut di celah-celahnya.”

Apabila runtuh tanah terjadi dan landasan keretapi tertimbun, penumpang terpaksa keluar dan berjalan dari satu perhentian keretapi ke perhentian keretapi lain.

Setelah melewati satu lembah yang merupakan bahagian yang terindah di sebuah negeri yang indah, para mubaligh tiba di Tenom, sebuah kota yang kecil. Dua lelaki itu mengkaji peta itu lagi. Mereka mendapati orang Tagal yang tinggal di daerah Selatan belum diinjili lagi dan mereka ingin ke sana namun tidak dibenarkan oleh pemerintah. Bagaimanapun Tuhan telah membuka pintu di daerah Utara, tempat tinggal suku Dusun. Setelah itu izin diberikan oleh pihak pemerintah untuk memulakan pelayanan di Ranau iaitu kawasan pertengahan pergunungan Sabah.

Encik Hudson menggambarkan Gunung Kinabalu sebagai raksasa batu granit yang terjulang kira-kira dua setengah batu tinggi dan tersergam megah hingga berbatu-batu jauhnya. Awan berkepul dalam pelbagai bentuk dan tidak hairan kalau gunung ini menggetarkan jiwa serta menimbulkan perasaan mistik. Perasaan ini menyebabkan orang Dusun percaya bahawa roh orang mati tinggal di sana. Korban harus dipersembahkan di sana jika ada orang yang mengganggu lereng pergunungan itu. Walaupun mubaligh mendapati orang Dusun itu lebih moden daripada suku-suku lain di Sarawak, mereka kaki botol tenat kerana peminuman arak mewarnai kepercayaan animistik Borneo.

Dari segi jasmani, orang Dusun lebih kecil daripada orang Iban dan lebih menyerupai suku Bisaya yang agak bercoklat perang. Kedua-dua mubaligh memerhatikan bahawa mereka tidak tinggal di rumah panjang. Cara mereka mengembara juga berlainan. Kerajaan berusaha

memudahkan perjalanan orang putih dengan membuat trek bertakik-takik beralasan kayu namun jalan ini jarang digunakan oleh penduduk tempatan. Perjalanan ini lebih panjang dan bagi mereka yang sudah biasa mendaki gunung dengan kaki malahan kawasan rata menyakitkan otot betis mereka!

Stafford memulakan pelayanannya di Ranau. Sebuah rumah panjang di Kota Kinabalu dijadikannya sebagai pusat pembelajaran Bahasa Melayu bagi mubaligh baru dan juga tempat tinggal keluarga Stafford. Pada Februari 1939, keluarga Southwell terpaksa meninggalkan Nganga Meruyu ke tempat ini kerana kesihatannya merosot.

Mereka mendirikan sebuah sekolah Alkitab kecil untuk memberi ajaran yang sangat diperlukan oleh sembilan orang Lun Bawang dari hilir Trusan selama setahun. Setelah itu sekolah itu terpaksa ditutup sewaktu Southwell pulang bercuti.

Sewaktu Alan diutus ke sana pada September 1940, dia tidak menemui mubaligh di Kota Kinabalu lalu dia meneruskan perjalanannya ke Ranau. Di Ranau, dia dikerumuni oleh suku Dusun oleh kerana itu dia berusaha belajar Bahasa Melayu. Ketibaan Alan membolehkan Stafford mengambil cuti yang sangat diperlukan. Alan segera menyesuaikan diri dan bekerjasama dengan Trevor White yang tiba dari England tahun lalu.



Alan dan Madge Belcher

Kedua-dua pemuda ini meluangkan sepanjang tahun menebang pokok dan mendirikan sebuah rumah. Kemudian, Stafford membawa isterinya untuk tinggal bersama dia. Selain pekerjaan buruh, mereka juga belajar bahasa dan mengunjungi beratusan rumah kecil suku Dusun di kampung mereka. Kentuni, seorang pemuda Dusun, telah diambil untuk bekerja bersama dengan Trevor dan Alan. Pada suatu hari sewaktu Trevor keluar melayani, Kentuni berjumpa Alan dengan perasaan gelisah.

“Menurut adat kami, ketika kami tidur, jiwa kami akan melayang-layang. Ini perkara biasa sewaktu kami tidur namun perkara ini akan merunsing jiwa jika ia meninggalkan jejak kaki. Saya baru saja kembali dari dangau padi kami dan di lantainya ada longgokan padi serta tapak-tapak kaki salah seorang anak saya. Mereka tidak pergi ke sana, mungkin jiwa mereka melayang ke sana,” kata Kentuni.

“Jadi, apakah yang akan kamu lakukan,” tanya Alan.

“Ini bererti kami mesti memanggil seorang dukun, menyembelih seekor ayam, dan mengadakan upacara menenangkan roh-roh tetapi upacara ini sungguh mahal. Jika kami berjaya, anak kami tidak akan meninggal dunia.”

“Begini...,” Alan berusaha menjelaskannya dalam Bahasa Melayu pasarnya. Alan menjelaskan tentang kemenangan Kristus atas roh-roh ini. Setelah mendengarnya, Kentuni mengambil keputusan mempercayai Kristus tetapi isterinya membentak-bentak dengan berang.

“Awak mahu anak-anak kita matikah?” bentak isterinya namun Kentuni tidak bergoyah dengan keputusannya.

Pada hari keesokan, Alan bertemu dengan Dr. Mac Arthur, seorang doktor yang sedang mengkaji penyakit malaria, di kaki Bukit Tambunan.

“Bagaimanakah keadaan anak-anakmu?” tanya Alan sewaktu dia pulang.

“Baik-baik sahaja. Sebenarnya musuh kami telah menabur padi dan menyuruh anak-anak kami berjalan di atas taburan padi ini untuk menakutkan saya. Semuanya tipu helah,” jelas Kentuni.

Kentuni tahu tipu helah seperti ini pernah menakutkan penduduk

sehingga mereka mati kerana menduga mereka telah menaikkan amarah roh. Dia telah membuktikan kepada diri sendiri bahawa Tuhan Yesus memang jalan yang terbaik.

Tidak lama kemudian, tentera Jepun tiba di Borneo. Trevor berkeputusan Alan dan dirinya boleh tinggal di Ranau tetapi bagaimanakah mereka dapat menyara hidup mereka? Di Ranau tidak ada masyarakat Kristian sebesar di Trusan di mana jemaahnya boleh menyara mubalighnya sebagai balasan budi atas pelayanan dan usaha penterjemahan injil yang dilaksanakan mereka. Kini mereka perlu menyara diri mereka sendiri.

Persahabatan antara Alan dan Dr. John Mac Arthur bertambah akrab. Mereka saling melengkapi, Alan ialah seorang pakar kimia analisa sementara John tidak pernah membuat pengkajian seperti pengumpulan data atau penulisan laporan. Alan berketerampilan dalam bidang ini dan dia mengupah Alan untuk menolong dia tetapi Trevor tidak suka mubaligh makan gaji dengan cara begini namun dia tidak ada pilihan lain. Alan menyara dirinya dan Trevor selama beberapa bulan sehingga dia diberikan gugutan terakhir untuk menyerahkan diri. Mereka pergi ke Beaufort tetapi kemudian berpindah ke Kuching lalu disertai rombongan BEM dari Sarawak pada tahun 1942.

Itulah komunikasi terakhir dari Borneo. Selama dua tahun, mereka mengalami keperitan kesunyian tanpa menerima sepatah kata pun. Walau bagaimanapun mereka, "hanya terpisah dalam pengertian lahiriah, kami selalu menyedari kami sehati seiring dalam doa", tulis Winsome selepas perang. Dia menjelaskan lebih lanjut lagi tentang kesedaran akan dukungan doa mereka yang berada di Australia.

"Jawapan doa yang paling ketara terjadi pada waktu aku tiba-tiba dilepaskan dari cengkaman ketakutan yang membelenggu saya selama sepanjang peperangan. Di tengah-tengah bunyi tembakan di pantai dan bunyi deruan bot sewaktu suamiku dan aku berada dalam perjalanan di sungai, firman-Nya datang dengan jelas," Siapakah orang Jepun ini kepada Aku?" Ketika dia mendengar bisikan ini, dia tertawa lantang kerana betapa ajaibnya perasaan gembira setelah dilepaskan ketakutan."

Dua anggota rombongan di Australia: Stafford Young dan Enid Davidson, bersama Harold McCracken dan Pengarah Majlis Induk berdoa tekun di Australia sejak tahun 1944, dari masa para mubaligh ditahan sehingga masa mubaligh dibebaskan pada September 1945.

Harold telah mengambil alih jabatan Presiden pada tahun 1935, suatu saat yang genting dalam sejarah Misi. BEM didirikan berasaskan peraturan CIM iaitu misi yang mementingkan ladang. Pada mula-mulanya, mereka bersetuju bahawa tiga pemuda ini belum bersiap sedia untuk mengurus segalanya, dan buat sementara pelayanan ini perlu berada dalam tangan "Majlis Induk."

Sementara mereka yang berada di ladang sungguh yakin bahawa sudah waktu mengambil keputusan penting di ladang, Hudson dan Stafford telah pulang ke Australia untuk berbincang masa depan Majlis Induk. Encik Nash dan beberapa anggota yang lebih tua berasa semua rancangan ini belum mantap lagi dan belum waktu pengunduran. Maka Harold McCracken seorang peguam muda menjadi Presiden majlis yang kecil ini. Walaupun dia masih muda, dia penuh dengan kebijaksanaan dan budi pekerti untuk membimbing mereka melalui waktu krisis. Dia memang lelaki pilihan Tuhan untuk saat itu dan dia terus memainkan peranan penting untuk mendirikan gereja evangelikal di Borneo.

Usaha gigihnya dan pengorbanannya telah memelihara organisasi ini di Australia walaupun secara serba sederhana. Setelah perang berakhir, setiausahanya telah meniatkan banyak pucuk suratnya selama dua puluh tahun. Harold yang juga rakan sekerja, penasihat dan kawan peribadi Alan Belcher telah menjabat sebagai pengerusi ladang. Minatnya, pengetahuannya yang mendalam, wawasannya yang tajam serta sikapnya yang selalu berdoa telah menjadikan dia sebahagian rangka Tuhan di Borneo seperti mubaligh lain di ladang. Harold tetap melayani sebagai Presiden selama 35 tahun sehingga dia bersara pada tahun 1971.

Tentera Bersekutu Sudah Bermaju Ke Pasifik

Pada May 1945, Harold dan Stafford mencorak sehelai risalah yang bertajuk, "Borneo masih memanggil." Di dalamnya mereka memanggil agar kawan-kawan mereka tidak mundur dalam kehangatan doa mereka bagi Misi dan mubaligh kerana Tentera Bersekutu sedang bermaju ke Pasifik.

"Di sebuah kem penjara Jepun di Filipina, musuh akan menembak para banduan menjelang kedatangan Tentera Bersekutu...kita tidak boleh bertenang dan berkata ini tidak akan terjadi kepada orang kita," kata mereka.

Kehadiran seorang pegawai Kristian telah meredakan permusuhan terhadap seluruh gerakan mubaligh BEM. Perang tamat pada 15hb. Ogos dan tanggal yang ke 17 hb. telah dikhususkan untuk penghapusan Kem tahanan Kuching.

Perancangan untuk perbarisan maut bagi mereka yang sihat akan dilakukan dan ini akan diikuti oleh penembakan mereka. Mereka yang tertinggal hanya orang sakit, wanita dan kanak-kanak. Ketika tentera Jepun menyerah, pegawai bawahan ingin melanjutkan rancangan ini namun Lt.Kol. Suga melarangnya. Alangkah sedihnya, kemudian dia membunuh diri. Dia selalu menghadiri kebaktian yang diadakan oleh mubaligh-mubaligh di kem tahanan. Walaupun dia mengurus kem ini dengan disiplin ketat seperti yang dituntut oleh tentera Jepun, dia berusaha untuk memelihara sebanyak mungkin kemanusiaan ketika berhubungan dengan para banduan dan tawanan. Dia telah menyelamatkan nyawa mereka yang berada di kem.

Setelah penyerahan rasmi, situasi di Kuching tetap tegang kerana masih ada 5,000 askar Jepun dan hanya 500 askar Australia yang tiba di sana. Akhirnya, jip yang penuh dengan askar Australia tiba di kem. Mereka semua pekerja sukarela yang berukuran 6 kaki dan dua inci tinggi. Penempatan askar-askar ini memang strategi baik kerana askar Jepun memang sedar akan tampan tentera Australia yang tinggi. Apabila askar-askar yang besar ini melompat dari jip-jip mereka serta dilengkapi penuh, tentera di kem menyerahkan diri tanpa ditembak. Mereka yang masih hidup semua selamat.

"Aku tidak dapat melupakan perasaanku pada hari itu," tulis Winsome. Arahan disebar kepada semua orang, "Pakailah pakaianmu yang terbaik dan keluar ke gelanggang. Namun, tidak ada seorang pun peduli mencari pakaian yang terbaik. Beberapa saat kemudian, kami hampir tidak percaya ketika kami mendengar perkataan ini, "Kalian sudah bebas."

Bebas! Ya, tetapi bagaimana pula dengan masa depan BEM? Kesan pertahanan dalam kem terlalu melarat bahkan salah seorang pengasas telah meninggal dunia. Frank telah dirawat kerana barah perut pada tahun 1941. Sewaktu dia dan rombongannya bersusah dan menderita di hutan pada Oktober 1942 sebelum menyerah kepada orang Jepun, dia masih begitu sihat. Keadaan kem yang melarat dan tidak baik telah menyebabkan kesihatannya uzur. Walaupun Frank sedang menderita, dia

tetap mengambil berat akan orang lain. Dia memasak bagi pesakit-pesakit pada tahun 1943 dan telah melaksanakan semua pekerjaan ini dengan tenaga sendiri. Banyak jawapan doa telah dikabulkan untuk keperluan istimewa, termasuk 290 biji telur yang diseludup ke dalam kem. Telur-telur ini disimpan dalam buluh agar dapat digunakan. Para pengawal tidak pernah menjumpai telur ini kerana buluh itu telah digunakan untuk menyidai pakaian.

Lambat laun, kesihatan Frank semakin uzur sehingga dia meninggal dunia pada 27hb. April, 1945 sebelum kapal terbang penyelamat muncul empat bulan kemudian dan semua orang dibebaskan. Dia telah menterjemah Injil Lukas pada tahun 1944, dan dia juga satu-satunya banduan yang menulis surat kepada isterinya dengan menggunakan kertas tandas dan dawat. "Kematian Frank adalah kesaksian yang baik," kata Alan Belcher semasa mengenangi peristiwa itu. "Frank memiliki tikar rotan cantik yang dihadahi orang Penan dan dia selalu menggunakannya sewaktu berada dalam perjalanannya. Kami membalut tubuhnya dengan tikar rotan itu dan kemudian menguburinya."

Dua jenis mala petaka yang lain telah menyebabkan keluarga Bewshers meletakkan jawatan.

"Imanku mulai bergoyah pada tahun 1941 sewaktu dalam kem pertahanan," jelas Ro Bewsher baru-baru ini. "Ini berpunca daripada persahabatanku dengan doktor-doktor pelarian Jerman kacukan Yahudi sewaktu aku bekerja sebagai pekebun. Hanya pada 1958, imanku dipulihkan ketika aku berada di negara Inggeris." Ro kembali ke Borneo pada tahun 1947 untuk bekerja di Jabatan Pertanian Sarawak. Dia berkata dengan nada yang sedih dan lembut, "Aku gembira kerana perhubungan aku dengan Misi tetap baik tetapi aku menyesali kesilapanku dan aku menghargai pelayanan teman-teman sekerja yang memegang pembajak dan telah menghasilkan buah-buah tetap."

Dengan kehilangan tiga pekerja yang handal dan lima lagi yang telah menderita larat sewaktu kem pertahanan, beberapa orang berfikir riwayat BEM seperti telur di tanduk kerbau. Bagaimana mungkin gereja yang muda dan berhingusan ini boleh bertumbuh setelah dibiarkan bersendirian selama tiga tahun?"

Ajaib, Tuhan tetap setia dengan firman-Nya, "Aku akan membangun gereja Aku dan gerbang maut tidak akan menutupinya." Itu gereja-Nya, bangunan-Nya, Dia akan terus bekerja sewaktu lima mubaligh meninggalkan tempat itu. Setelah itu, lima pemuda yang merupakan bekas tentera dan beberapa gadis muda telah menginjili dan membawa kemajuan pengijilan di Borneo. Jumlah mereka berlipat ganda dibandingkan dengan rombongan mubaligh yang kecil.



Ketuni sangat khuatir kerana di lantainya ada jejak kaki.

BAB 8

TERANG-NYA TERSEBAR

"Askar!" perkataan itu tersebar kepada sebuah keluarga Cina yang sedang menyembunyikan diri di sebuah ladang terpencil di Labuan. Peperangan baru berakhir, ketakutan dan kecurigaan masih berleluasa. Beberapa askar Jepun belum ditahan dan mereka harus berhati-hati.

Seorang bapa sebuah keluarga berani menghadap penceroboh ini. Chin Tsu Leong yang kakak serta tinggi dan bersopan santun, menggigit sewaktu menghadap mereka tanpa bersenjata.

"Awak Encik Tsun Leong?" tanya askar itu.

"Ya tuan, bolehkah saya menolong awak?" dia sempat menggunakan Bahasa Inggeris yang jelas serta kesopanan orang Timur yang utuh sekalipun terganggu ketakutan.

"Kami orang Kristian. Kami terdengar bahawa kamu juga orang Kristian. Kami telah mencari kamu di seluruh pelusuk pulau ini," kata askar itu.

"Selamat datang, selamat datang... Kami menyambut anda dengan gembira! Ya, kami sedang bersembunyi. Tiada seorang pun yang mengetahui apa yang terjadi di pulau ini pada saat ini. Maaf, tunggu sebentar," kata Leong.

Dia bertepuk tangan dan menyebut sesuatu dalam Bahasa Cina lalu anak-anaknya pun keluar dari pelbagai sudut. Satu, dua, tiga...dan yang bongsu tampil bersama ibunya. Semua lapan anaknya takut, segan silu, dan berdiam-diam sahaja.

Encik Leong menyebut beberapa perkataan lalu semua anaknya menyanyi. Suara merdu mereka meyakinkan askar itu, "Ya, kami juga saudara seiman."

Siapa terduga inilah saat permulaan persahabatan akrab Ray Cunningham dengan salah seorang askar Jepun. Pada masa ini juga, satu pelayanan bertunas bersama BEM dalam pembangunan gereja di Borneo.

Encik Leong sering mengunjungi daerah Lawas untuk melayani golongan orang Cina sehingga dia meninggal dunia dalam Tuhan pada tahun 1970.

Keadaan Gereja Selepas Perang

Dua belas bulan kemudian, Encik Hudson Southwell kembali ke Labuan pada Ogos 1946 untuk memulakan semula pelayanan yang dimulakan sebelum perang. Selama hampir setahun, Encik Southwell dan beberapa rakan mubaligh telah meluangkan beberapa minggu yang gembira di pulau kecil yang indah ini. Mereka dipulihkan setelah berada dalam pertahanan sebelum diterbang pulang. Hati Hudson berdetik, dia mahu melihat keadaan gereja baru dan mengetahui bagaimana ia dapat bertahan selama peperangan itu.

“Pembinaan dan kekeliruan berleluasa, pepohon terhancur, pohon palma terburai, bangunan termusnah, jambatan berkarat, kapal terdampar di sepanjang pantai, dan pondok atap didirikan,” sewaktu Hudson tiba di sana.

Hudson berada di pulau itu tidak lama sebelum dia berkenalan dengan Chin Tsu Leong. Kenapakah dia ke sini diri sendiri? Leong selalu bersopan santun tetapi dia berterus terang bahawa dia datang mengirim sepucuk surat kepada orang Australia melalui Encik Hudson.

“Tolong beritahu orang Australia kami memerlukan lebih ramai pemuda sebagai mubaligh. Saya tidak memahami kenapa pemuda-pemuda yang bertugas sebagai askar-askar melihat keperluan di sini dan tidak kembali sebagai mubaligh di sini.”

Sebenarnya Tuhan sedang memanggil Ray Cunningham dan beberapa orang lain tetapi Hudson dan Leong tidak mengetahuinya pada waktu itu.

Hudson sungguh kesepian. Selain kehancuran di sekitarnya, dia juga mengalami kerugian peribadi tetapi dia belum mengetahui kerugian yang dialami oleh BEM di kawasan pusatnya. Di sana mereka telah kehilangan segala sesuatu termasuk bangunan, perabot, perahu, buku-buku, mesin tiap, baju termasuk data bahasa Ro Bewsher yang disembunyikan daripada askar Jepun. Mereka tidak mengetahui bahawa banyak perabot yang disediakan oleh kuasa pembebas sudah dibinasa ketika mereka melalui Labuan. Perabot ini disediakan agar mereka boleh membangun semula pekerjaan di sana apabila mereka kembali namun tidak ada sepanan kayu pun yang tertinggal.

Dari sudut pandangan kebendaan, suasana ini memang suram namun

masa depan mereka tidak segelap itu.

Dari Labuan, Hudson menyeberangi lautan ke daratan Sarawak dengan bot kecil ke sebuah pekan kecil yang dinamai Lawas. Pelayaran ke sana memakan dua jam dari pantai ke hulu sungai. Pada 1hb. September, mereka bertemu dengan suku Lun Bawang di gereja kecil mereka. Gereja yang kecil ini memuat dua ratus orang. Serpihan bakaran gereja lama oleh tentera Jepun berselerakan. Gereja lama itu kehitam-hitaman kerana terhangus sementara gereja baru pula sungguh hidup dan tersiap untuk bertunas lagi di seluruh Borneo.

Bagaimana Pula Dengan Sabah?

Gambaran sama terlukis di Sabah. Trevor White dan Stafford Young kembali pada bulan September. Stafford mengusahakan sebuah kapal terbang kecil ringan yang boleh digunakan untuk mempercepat gerakan mereka di pedalaman Borneo. Ranau ialah tempat terakhir di mana perbarisan hukuman mati dari Sandakan dikendalikan, dan di sini banyak askar Australia dari Unit Kelapan telah menemui maut. Orang Dusun yang berlari ke gunung telah kembali ke kawasan di mana 40 orang daripada perbarisan yang masih hidup ditembak. Sebelum peperangan hanya segelintir berminat beribadah tetapi kini beratusan orang bertemu di sini untuk beribadah. Fenomena ini terjadi sekalipun ramai orang menduga para mubaligh tidak akan kembali ataupun mereka sudah meninggal dunia.

Kentuni berada di sana. Dia tidak berubah fikirannya sejak dia menguji Tuhan Yesus bahkan dia melanjutkan pelayanannya di sana bertahun-tahun. Dia sering berjalan dan menyampaikan segala yang diketahuinya sehingga sekumpulan orang yang agak besar di bawah bimbingannya sudah bersiap sedia menerima cara kehidupan Kristian yang baru.

Encik Trevor telah mengunjungi 25 desa di Ranau sepanjang minggu dan kembali pada hari minggu untuk menyampaikan khutbahnya di kebaktian umum. Pada tahun pertama sahaja, empat ratus orang telah dibaptiskan dan sekumpulan orang dilatih menjadi pemimpin.

Jelas, orang Lun Bawang memerlukan pemimpin. Hudson berkeputusan prioritiya ialah mendirikan sebuah Sekolah Alkitab dan pusat BEM di Lawas. Selain itu, perkhidmatan pengangkutan telah memudahkan orang bergerak dari pantai ke Lawas. Orang Lun Bawang di hilir Trusan terkejut

dan kecewa kerana mereka telah mengharapakan Misi mendirikan semula pusat yang didirikan oleh keluarga Davidson sebelum perang tetapi Encik Hudson sedang memandang jauh ke masa depan dan mengharapakan suku-suku lain akan mengikuti orang Lun Bawang dan turut dilatih.

Dengan wawasan demikian, Hudson segera mendirikan sebuah bangunan dengan pertolongan orang Lun Bawang. Kawasan bukit di Buduk Ngeri yang dikhususkan untuk Misi dinaungi tiga pokok lampai. Menurut adat lama orang Lun Bawang, itulah tempat kediaman roh-roh. Mereka sengaja menjalani latihan di sana agar pemimpin-pemimpin diyakini bahawa perasaan takut akan roh-roh tidak wujud lagi.

Sekolah dibuka pada April 1947, Brian Morcombe yang menjabat sebagai penyelarasnya, dibantu oleh Winsome Southwell, Enid Davidson, dan Madge Belcher. Brian pernah melayani bersama Frank beberapa bulan sebelum penguasaan Jepun di Borneo. Dia telah melihat cara Frank memilih pasangan penting yang kemudian pulang melayani di desa mereka sebagai pemimpin. Dia juga melihat cara C dan MA bekerja sewaktu Frank. Setelah itu, dia mengunjungi Indonesia selama beberapa bulan.

“Pada pendapat saya, pekerjaan C dan MA yang bertunjangkan pelayanan pada pembangunan Sekolah Alkitab dasar dan Sekolah Alkitab Lanjutan di Macassar bertujuan memberi tanggungjawab kepada mubaligh untuk melatih pastor dan guru-guru. Ini telah mendatangkan haluan kemajuan,” tulis Brian.

Sudah tentu ini menjadi tujuan BEM sejak dari mula-mula lagi. Usaha untuk melatih para pemimpin tempatan dimulakan di Limbang dan Kota Kinabalu. Bagaimana pun hanya setelah Tuhan bekerja dengan ajaib di kalangan orang Lun Bawang baru mereka diberkati dengan banyak calon pemimpin.

Sepuluh pasang suami isteri Lun Bawang menjadi penuntut-penuntut pertama di Sekolah Alkitab. Ramai penuntut ini pernah ke sekolah Frank dan di kalangannya ialah Racha Umong yang menjadi Presiden Sidang Injil Borneo yang baru dibentuk dua belas tahun kemudian. Dukungan kewangan kebanyakannya datang daripada penduduk kampung sendiri. Pada Hari Kebangkitan Kristus (Irau) 1948, kira-kira lima hingga enam ratus orang Lun Bawang termasuk 75 pemimpin berkumpul di satu persidangan di Lawas. Beberapa orang di kalangan mereka telah berjalan sepuluh hari untuk tiba ke sana. Mereka memutuskan untuk menetapkan prinsip

persembahan persepuluhan daripada padi dan wang mereka. Setengah daripada hasil yang dipungut akan diperuntukkan untuk Sekolah Alkitab baru.

Selain itu, penuntut-penuntut juga bercucuk tanam berdekatan sekolah untuk menambahkan bekalan makanan. Hutan rimba di atas bukit Buduk Ngeri memang tebal. Sewaktu semua orang berada dalam kelas, monyet akan mengambil kesempatan untuk berpesta porah di kebun. Brian menyimpan sepucuk senapang 303 dalam kelas. Sesiapa yang sedikit tidak fokus dalam kelas akan menampak monyet lalu menjerit, "Tuan, kuyad!" Brian akan segera menembak monyet itu dari kelas. Ini bukan sahaja menyelamatkan tanaman mereka bahkan menambahkan khasiat protein bagi makanan mereka. Lucunya, ini memberi mereka sedikit waktu untuk berehat khususnya bagi mereka yang lebih suka memburu daripada membaca.

Hudson yang menjabat sebagai ketua ladang pelayanan telah mengembara dengan tidak mengenal lelah selama beberapa tahun. Dia telah membaptiskan hampir 550 orang Lun Bawang dalam tempoh dua tahun. Beberapa minggu setelah ketibaannya, Hudson membuat perjalanannya yang pertama ke hilir sungai. Orang Lun Bawang masih berpegangan teguh pada iman mereka. Mereka yang telah diajari selama sepuluh bulan sebelum pertahanan Jepun sudah mampu mengadakan kebaktian, bersaksi kepada orang lain, dan mengurus gereja sebelum dan semasa peperangan. Mereka juga ditolong oleh dua guru yang diutus dari Indonesia. Salah seorang guru yang turut melayani di sana ialah Guru Aris, pemimpin C dan MA. Surat laporan BEM tahun 1946 telah melaporkan bahawa, "Di mana sahaja dua orang ini ditempatkan, keadaan rohani orang Kristian akan membara."

Hudson berangkat pada April 1947. Dia menyeberangi daerah orang Lun Bawang lalu menuju kawasan orang Kelabit yang belum dikunjungi semenjak kunjungannya pada tahun 1940. Beliau mendapati mereka sudah berlainan sekali dan dia begitu mengagumi perkembangan orang Lun Bawang di kedua-dua perbatasan itu. Mereka juga telah mengutus tiga pemuda untuk dilatih di sekolah C dan MA di Belawit, Indonesia. Ketiga-tiga orang ini telah mengajar penduduk mereka sendiri. Selain itu, Guru Aris dan beberapa orang Lun Bawang juga menyeberangi perbatasan untuk mengajar mereka. Ramai di kalangan mereka telah membakar tengkorak dan azimat mereka tetapi mereka tetap mahu mempertahankan adat istiadat dan kebudayaan mereka maka mereka masih kemabukan kerana terlalu banyak meminum tuak.

Guru Paul seorang guru yang dilatih di Makasar dan yang pernah tinggal di Bario juga datang pada zaman perang. Dia menentang sifat mereka yang suka minum. Pada sebelah pagi, dia mengajar para murid di sekolah lalu pada waktu malam dia mengajar mereka yang lebih matang dalam iman mereka. Guru Paul yang beruban sedikit dan berbadan kecil namun lincah suka bergurau senda. Matanya yang berbinar-binar menyerikan wajahnya apabila dia bercakap.



Anak-anak Kenya

"Penduduk kampung ini membakar tengkorak mereka dan sering berdoa kepada Tuhan sebelum mereka minum sehingga mabuk," jelas guru Paul. "Saya sering mengajar mereka pada waktu mereka sedang mabuk selagi mereka masih sedar dan dapat mendengar." Kemudian dia berkata dengan nada yang berfalsafah, "Mereka mungkin belum banyak berubah namun mereka sudah mulai berubah."

Berita mengenai perubahan radikal di kalangan orang Lun Bawang dan perubahan sedikit di kalangan orang Kelabit turut menjadi buah mulut penduduk sungai Baram. Mereka mengenali orang Kelabit sewaktu mereka menyeberangi kampung Kayan ke persisiran pantai. Di persisiran pantai inilah tempat tinggal orang Kenya dan Kayan. Mereka adalah orang yang kuat, cergas dan pandai tetapi mereka masih terikat kepada adat yang lama. Kerajaan pada waktu itu mahu mereka mengukuhkan cara hidup mereka yang lama.

Perubahan luarbiasa orang Lun Bawang yang pernah digelar sebagai yang terhina tentu layak diselidiki. Salah seorang ketua Kenyah di daerah itu telah mengundang agar Hudson datang dan mengajar mereka tentang cara hidup baru. Hudson sedang

menuju ke Baram tetapi undangan itu tidak pernah sampai kepadanya. Mereka mahu berubah dan tidak sabar lagi maka penghulu itu mengutus orang ke hulu sungai untuk meminta pertolongan daripada orang Katolik yang mempunyai sekolah dan sudah memulakan pelayanan mereka selama beberapa dekad.

Sebulan sebelum Hudson tiba di kampung itu, segenap penghuninya sudah menjadi penganut Katolik. Keadaan kampung menjadi sangat rumit setelah beberapa tahun kemudian.

Hudson tiba di Baram dari dataran tinggi Kelabit melalui perjalanan Long Lellang dan sungai Akah. Dia yakin Tuhan sedang memimpin mereka ke sana apabila dia melihat semangat orang Kayan di Akah. Perjalanan mereka ke sana tidak mudah. Hudson dapat melihat pepohon indah yang menjalari sewaktu dia mengharungi sungai Akah yang indah. Dia tiba ke hutan belantara di mana sungainya mengalir menjadi air terjun. Air terjun inilah sempadan antara daerah orang Kayan dan orang Kelabit. Orang Kayan menyampaikan utusan kepada orang Kelabit agar mereka membawa Hudson ke kampung mereka. Mereka tinggalkan Hudson dengan seorang sahabat Lun Bawang di tengah-tengah hutan di sebuah pondok yang terletak di puncak air terjun itu. Nasib baiknya, orang Kayan menerima berita itu lalu tergesa-gesa bertemu Hudson namun ketua kampung marah akan mereka kerana membiarkan tetamu mereka bersendirian di hutan. Orang Kayan terpaksa berjalan dua batu setelah meninggalkan sampan mereka di bawah air terjun. Selepas itu, mereka turun ke aliran air yang deras, sampan mereka dipukul oleh air yang deras dan terlempar dari batu ke batu oleh aliran air yang berputaran deras.

Peristiwa kunjungan orang putih di dua tempat yang terpencil ini sungguh penting. Pada mula-mulanya mereka ke Long Sinie. Di sana, salah seorang dukun mahu memanggil roh jahat turun ke atas tetamunya. Hudson menolak dan mengambil kesempatan untuk menjelaskan bahawa mereka datang untuk menyampaikan khabar baik yang dapat membebaskan mereka daripada roh. Penduduk kampung ini berminat dan mendengar dengan teliti namun mereka hanya mahu menerimanya selepas musim tuaian oleh kerana itu Hudson mengayuh ke hilir Long Tebangan.

Penduduk Long Tebangan terbelenggu oleh ketakutan kerana mereka banyak mengamalkan pantang larang dan kekarutan kekaifiran suku lain. Mereka rindu dibebaskan dari kebelengguan. Setelah menerima ajaran selama beberapa hari, mereka mengadakan mesyuarat agung oleh kerana mereka hidup bermasyarakat dan selalu mengambil keputusan bersama.

Akhirnya, sembilan dukun itu berkeputusan untuk mempercayai Kristus.

Pada 5 hb. Jun 1947, Hudson mengumpulkan semua orang di serambi rumah panjang bersama sembilan orang dukun ini. Dia menanyakan setiap orang tentang kerelaan mereka untuk menerima Tuhan Yesus lalu dia menoleh kepada semua orang. Ya, mereka rela berpaling dari kekafiran mereka untuk menjadi orang Kristian.

“Kalian harus membuang semua azimat dan barang pujaan.”

“Kami takut. Tolong buangkannya untuk kami.”

“Tidak boleh, kalian mesti tunjukkan iman kalian. Saya akan menolong kalian.”

Mereka telah mengambil sepanjang hari untuk membuangnya. Mereka takut membuangnya ke dalam sungai kerana ini akan menyebabkan banjir. Mereka takut membakarnya kerana jerebunya. Akhirnya, Hudson menasihati mereka untuk melemparkannya di hutan lalu mereka bersetuju. Tumbuh tumbuhan yang cepat bertumbuh liar akan melenyapkan semua tandanya.

Mereka juga takut membawa barang-barang in melewati rumah mereka kerana mereka percaya benda-benda ini terlalu kuat dan amat berbahaya. Lantai papan dibuka dan benda-benda ini diberikan kepada Hudson di bawah rumah. Rumah-rumah orang Kayan dibangun di atas jangkungan seperti rumah-rumah lain di pedalaman. Suatu perarakan besar ke dalam hutan rimba bermula; perasaan takut dan ketegangan menyelubungi mereka tetapi mereka tetap melakukannya.

Hanya pada waktu mereka kembali ke rumah baru beban mereka menjadi lebih ringan. Tiba-tiba mereka berseru, “Tuhan Yesus, kami ingin mempercayai Engkau sekarang.” Sewaktu mereka menaiki rumah panjang, mereka menari secara spontan dan nyanyian kedengaran di sepanjang serambi mereka.

“Saya hanya dapat menjelaskan begini, kabut sudah terangkat. Saya tidak menyangka hal seperti ini akan terjadi. Pengalaman ini sungguh indah,” kata Hudson.

Mereka segera pergi memburu untuk merayakan kebebasan mereka namun ketakutan segera mencengkam mereka apabila mereka terdengar seekor rusa sedang menengking. Rusa dianggap sebagai pembawa berita yang sangat berkuasa daripada roh-roh dan tidak pernah ditembak atau dimakan.

“Tetapi sekarang kami mempercayai Tuhan Yesus,” mereka berseru lalu mengejar rusa itu tetapi ia masuk ke kawasan perkuburan. Itu tempat yang menimbulkan banyak ketakutan. Tidak ada seorang pun berani masuk ke tempat itu tanpa memberi korban kepada roh-roh.

“Kami sudah mempercayai Tuhan Yesus sekarang. Roh-roh itu tidak dapat mengancam kami.” Mereka berdoa untuk perlindungan lalu menangkap rusa itu.

Jamuan dihidangkan pada malam itu. Memang tidak dapat disangkal, perbuatan mereka membuktikan dua kenyataan. Pertama, mereka telah makan daging binatang yang pernah ditakuti mereka serta menyembelihnya di kawasan perkuburan!

Inilah hari-hari yang sangat penting bagi mereka. Kebelengguan yang lama telah berubah menjadi kebebasan dan kegembiraan. Itu merupakan langkah besar dalam iman mereka. Benarkah semua orang sungguh-sungguh percaya? Mereka telah mengalami kuasa Kristus yang membebaskan mereka daripada roh-roh itu. Hudson kemudian menjelaskan bahawa, “Pertaubatan secara besar-besaran telah membawa pembaharuan kepada beberapa orang yang kemudian mempengaruhi semua orang.” Hudson terpaksa melanjutkan perjalanannya kerana ramai orang memerlukan ajaran dasar. Dia harus meninggalkan sesuatu yang mengingat mereka akan kemampuan Tuhan untuk melindungi mereka. Walaupun dia hanya mengetahui sedikit bahasa Kayan setelah berusaha mempelajarinya selama tiga minggu, dia sempat menterjemahkan sebuah lagu rohani yang dinyanyikan di hilir Sungai Baram.

Pergumulan sudah lenyap,
Perang sudah berakhir;
Kini Pemenang kita menang;
Biar pujian dinyanyikan, Halleluyah.
Tuhan, bilur-bilur yang melukai Engkau
Membebaskan hamba dari kengerian maut.
Biar kami hidup dan nyanyi kepada Engkau, Halleluyah

Pekerjaan di Baram sudah dimulai, Hudson mengharungi sungai Akah yang deras dan bertunggang langgang hingga ke persimpangan induk Sungai Baram. Di sana, dia bertemu dengan Penghulu Kenyah yang telah menganut agama Katolik. Hudson berasa sedih kerana dia terpaksa bersetuju dengan penghulu lain yang memerintah agar tidak pergi ke kampung orang Kenyah yang telah menganut agama Katolik. Penghulu

Mape Arang yang sendiri tidak percaya berasa gembira sekiranya Hudson dapat bertemu dengan penduduknya. Ramai orang di kampungnya ingin menjadi orang Kristian.

Seluruh Kampung Percaya

Sewaktu mengembara ke pantai, orang Kayan terharu dengan perubahan kehidupan orang Kelabit yang tinggal di Lio Matu, tempat tinggal orang Kelabit. Mereka ingin menganut agama Kristian tetapi dilarang oleh dukun-dukun yang diketuai oleh seorang pemimpin yang begitu perkasa, berkuasa, berdegil, dan berpengaruh. Pada suatu hari, sewaktu semua orang berkumpul di serambi yang sangat panjang, Hudson menceritakan tentang kehidupan baru. Suasana sangat tegang kerana kehadiran seorang dukun yang kuat menentang mereka tetapi sewaktu Hudson menjelaskan kuasa Yesus yang dapat membebaskan mereka daripada roh-roh, tiba-tiba orang ini melompat dan berseru, "Saya akan menyerahkan diri kepada Tuhan Yesus." Dia berteriak dan semua orang turut melompat di seluruh ruangan rumah. Segenap kampung mengambil keputusan menjadi umat Kristian!

Mereka menjadi letih dan tegang namun mereka berasa gembira setelah mereka membakar azimat mereka. Setiap dukun memiliki sebuah wadah yang dinamai kaulit yang diperbuat daripada sembilan bekas silinder dan yang paling kecil memuat sebiji manik. Ini adalah takhta roh. Bekas ini terlalu suci dan berkuasa sehingga tiada ada seorang pun berani menyentuhnya. Hudson menegaskan bahawa mereka harus membukanya sebelum membuangnya untuk menunjukkan kepada semua orang bahawa kuasa itu sudah lenyap.

Orang Kenyah meroboh patung-patung dan tiang-tiang tinggi yang melambangkan roh jahat dengan berkerengatan dan penuh ketakutan. Patung ini roboh lalu berkecaian di atas tanah. Di hujung rumah panjang ini terpampang seekor buaya aneh yang dibuat daripada batu ukiran yang luarbiasa. Mereka percaya buaya buatan mereka ini mempunyai kuasa azimat untuk melindungi mereka daripada orang Jepun yang ditakuti oleh mereka. Benda ini dihancurkan dan orang Kenyah menyanyi secara mendadak.

Jiwa Hudson tertakjub apabila melihat semua lelaki dan wanita membuang semua lambang besar dan kecil untuk menghapuskan kuasa-kuasa roh yang membelenggu mereka sejak berabad-abad.

Tuhan sedang bekerja di kalangan orang Kayan dan orang Kenyah. Pada Januari 1948, Alan dan Madge Belcher tiba ke Baram, diikuti oleh Enid Davidson yang tiba pada Julai 1947. Mereka meluangkan empat bulan mengunjungi dan mengajar penduduk di sana. Banyak waktu mereka terluang di Long Tebangan. Mereka berharap dapat mendirikan sebuah pusat dan sekolah di sana kerana seluruh kawasan Baram haus akan pengajaran. Akhirnya, mereka membuat persiapan untuk mendirikan sebuah sekolah dan orang Kayan memilih satu tempat untuk mendirikan rumah Misi.

Keluarga Belcher juga pergi ke Long Sinie di mana penduduknya berjanji akan berpaling daripada dosa mereka selepas penuaian padi. Di sini banyak penentangan dihadapi mereka dan hanya ketua serta tiga keluarga menganut Kristianiti. Penduduk yang lain ingin percaya kepada Tuhan Yesus tetapi ditentang dan situasi tegang berlarutan agak lama. Keluarga Southwell mengunjungi penghulu yang tinggal agak berjauhan di Sungai Apoh. Pada mula-mulanya, dia sungguh mesra tetapi kemudian dia menentang mereka dengan keras. Setelah berdebat berjam-jam dan berdikusi, mereka tidak percaya tetapi apabila keluarga Southwell mengunjungi Long Sinie setahun kemudian, semua penduduknya telah menganut Kristianiti. Winsome Southwell menjelaskan satu aspek yang indah mengenai iman baru mereka.

“Kehidupan orang Kayan penuh dengan pantang larang yang menguasai setiap gerak geri mereka. Sebelum semua pantang larang ini dihapuskan, mereka memerlukan doa yang khusus. Para wanita meminta doa khusus untuk anak-anak mereka. Seorang bayi tidak boleh dibawa ke pinggir sungai pada umur tertentu atau sebelum korban dipersembahkan kepada roh-roh. Kali ini mereka berani dan beriman kepada kuasa Tuhan Yesus lalu meminta saya membimbing mereka ke sungai untuk memandikan anak-anak mereka yang kotor dan berdebuan asap dapur. Kami pun menggosok dan memandikan anak-anak mereka.” Para wanita rela menyerahkan milik mereka yang paling berharga kepada Penyelamat yang baru dipercayai oleh mereka.

Perkembangan pelayanan di daerah Baram telah mengalami pelbagai perubahan dan banyak ketegangan politik. Pada suatu kunjungannya, Southwell diundang untuk bertemu dengan Residen di Miri. Residen yang mengakui dirinya seorang Protestan ingin mereka meninggalkan Baram dan menyerahkannya kepada orang Katolik demi memudahkan pentadbiran namun keputusan ini dibatalkan oleh Gabenor Sarawak dan Majlis Besar. Ini terjadi setelah lawatan kerajaan di Lawas pada tahun

1947. Dia datang dengan Rt.Hon., Malcom MacDonald, Gabenor Umum Malaya dan Kerajaan Borneo dalam rangka menganugerahkan pingat kepada orang Lun Bawang dan orang Kelabit atas sumbangan mereka sebagai prajurit penerjun payung yang telah masuk ke pedalaman pada waktu peperangan. Kedua-dua Gabenor ini mengambil kesempatan mengunjungi sekolah dan pusat misi di Budok Negri. Mereka begitu terkagum akan pencapaian masyarakat di sini.

Penghulu Baram yang pernah menghalangi kampung Long Sinie menganut Kristianiti kemudian banyak menolong mereka memajukan pelayanannya. Dia meminta Southwell ke Kampung Long Atip yang terletak sungai Apoh kerana dia mahu ketua-ketua di bawah pimpinannya menganut agama Kristian. Dia telah melihat mereka yang percaya mengalami perubahan dalam kehidupan mereka.

"Walaupun kami sungguh gembira, kami menyedari tanggungjawab kami sungguh besar!" tulis Hudson sewaktu ke Akah melalui daratan. Mereka begitu terkagum oleh suasana yang menantikan mereka. Penghulu yang begitu menentang mereka pada tahun yang lalu kini menyambut mereka dengan mesra. Pada mula-mulanya, orang di kampung ini mencurigai mereka namun setelah mereka menerima pengajaran yang begitu bersemangat selama beberapa hari, mereka bersetuju menganut agama Kristian lalu membuang semua azimat mereka.

Orang Borneo Bersaksi Kepada Orang Borneo

"Kesaksian penduduk Long Tebangan yang begitu gembira dan terbuka sungguh menggalakkan kami," kata Hudson. Peristiwa yang sama berulang, "Orang Borneo bersaksi kepada orang Borneo." Hudson berkata, "Tuhan telah melakukan perkara yang ajaib padahal ia kelihatan mustahil beberapa bulan lalu. Tiga kampung yang besar serta penduduk kampung lain telah mempercayai Kristus. Mereka telah memusnahkan semua azimat dan ubat guna-guna mereka. Luarbiasa sekali, lebih daripada 1,067 penduduk telah percaya kepada Tuhan Yesus.

Horrie Harner ke Baram dengan bekas rakan-rakan sekerjanya, Ken Cooper dan Sam Gollan sewaktu mereka berada di Borneo pada Oktober 1948. Mereka begitu tertarik dengan keterbukaan penduduk di situ.

"Anehnya, orang Kayan dan orang Kenyah menyambut injil dengan baik. Aku berkata aneh kerana walaupun hanya beberapa tempat memberi

mereka kesempatan menyampaikan khabar penyelamatan, responnya sungguh baik," kata Hudson.

Ketiga-tiga orang ini disambut mesra oleh rombongan yang begitu memerlukan pekerja. Ken bersama Hudson telah membuka sekolah dan banyak membekali ubat-ubatan untuk penduduk Long Tebangan. Sam pergi menolong Trevor White yang masih bersendirian walaupun dia menerima banyak undangan untuk mengajar di Sabah. Pada tahun berikutnya, mereka menerima pekerja tambahan. Pada waktu itu, Encik Chin Tsun Leong menerima jawapan panggilan Makedonia. Bekas tentera yang terlibat dalam penggalan parit, Ray Cunningham, juga tiba dan ditemani oleh juruterbang, Bruce Morton yang pernah terbang melewati Borneo. Mereka membawa kapalterbang kecil yang bernama Aeronca dan membawa fasa baru dalam perkembangan sejarah BEM.

Jangka waktu 1938-1950 merupakan waktu paling menarik. Kami tidak dapat menarik nafas apabila kami melihat Tuhan mengambil langkah pertama serta membawa ribuan orang ke gereja: Lun Bawang, Kelabit, Kayan, Kenyah, dan orang Dusun. Mereka juga menjalin persahabatan dengan orang Penan yang suka mengembara dan yang haus akan pengajaran. Orang Tagal juga menyambut berita orang Kristian. Masih banyak ladang perlu dijangkau namun beribu-bayi yang baru dalam iman memerlukan bimbingan mereka.

Sekalipun anggota Bem sudah bertambah lebih besar, mereka masih belum mantap dan berpengalaman. Selain kedatangan lima bekas tentera, Misi telah buat pertama kalinya menyambut kedatangan gadis-gadis bujang yang menyertai rombongan. Mereka ialah jururawat Win Burrow, dan Jean Harris yang kemudian berkahwin dengan Sam Gollan. Mereka tiba pada 1948. Win banyak merawat penduduk di Lawas sambil belajar Bahasa Melayu sebelum menyertai Southwell yang mendirikan serangkaian pekerjaan di Long Atip. Dua tahun kemudian, empat pemuda-pemudi telah tiba, Leah Cubit dan Dorothy Summerson, bersama dengan tunangan mereka, Ken Cooper dan Horrie Hamer.

Hanya lima rombongan pra-perang tertinggal pada tahun 1950. Trevor White and Alan Belcher serta dua anggota rombongan ini meluangkan sedikit waktu sebelum mereka ditahan. Keluarga Morcombes terpaksa pulang ke Australia kerana masalah kesihatan sementara Enid terpaksa mengurus rumahtangga kerana dua anaknya yang telah kehilangan bapanya memerlukan kehadirannya di Australia. Akhirnya, hanya keluarga Southwell yang berpengalaman tinggal untuk mengurus pekerjaan

mubaligh.

Kemudian, anggota rombongan mubaligh serta tampuk pimpinannya telah berubah. Pada persidangan 1948, Hudson yang berkobar-kobar telah menerajui pimpinan Misi selama dua puluh tahun. Hudson yang kadangkala melalui waktu yang susah dalam kepeloporan yang mencabar kemudian memberi pucuk pimpinannya kepada seorang pemuda yang jauh lebih muda daripada dirinya. Hudson terus melayani sebagai Ketua Misi tetapi Alan Belcher akan memimpin rombongan mubaligh pada tahun kelima puluhan dan keenam puluhan.



Suku Kayan Dan Kenyah memusnahkan semua azimat dan dilepaskan kebelengguan roh-roh jahat.

BAB 9

KEMERDEKAAN

“Tugas terutama yang perlu kamu lakukan ialah bekerja ke arah memerdekakan diri daripada pelayanan,” itulah nasihat yang diberikan oleh Uskup Alf Stanway Tanganyika kepada salah seorang kakitangan barunya.

Setelah rundingan Majlis Induk di Melbourne 1950, BEM mencadangkan agar Persidangan Ladang merancang ke arah pengunduran yang pasti.

Sebuah makalah terbitan BEM menjelas begini, “Alangkah mustahil membangun sebuah rumah hanya dengan rangka sahaja. Rumah jenis apakah yang akan kita bangun kalau kita hanya ada rangka yang merupakan penopang sementara bagi bangunan. Menurut definisi, misi seharusnya peristiwa sementara. Kalau kita tidak terus merancang pengunduran, kita sedang berdiri atas tanah yang berbahaya. Kita mungkin sedang menuju ke situasi yang akan memalukan pembangunan gereja kerana kita tidak berpegang pada kepercayaan bahawa Tuhan sendiri akan membanggunya.”

Gereja Bumiputra

BEM merupakan misi yang memberi penekanan kuat untuk pembangunan gereja bumiputra, contohnya, gereja Bisaya kecil sudah mampu mengurus urusan sendiri. Suku Lun Bawang ditinggalkan pada zaman perang dengan seorang pemimpin bumiputra di setiap kumpulan dan mereka telah membawa Injil kepada orang Kelabit. Orang Dusun juga sedang mengendalikan penginjilan sendiri, demikian juga perkembangan baru-baru ini di Baram. Sekolah Alkitab di Lawas sedang melatih penduduk tempatan untuk mengambil alih pimpinan dan beberapa mahasiswa telah menemani mubaligh untuk penginjilan ke suku-suku yang lain.

Majlis Induk mencadangkan sepuluh tahun untuk menjayakan rancangan pengunduran ini. Persidangan Ladang diadakan pada Ogos 1950 untuk mempertimbangkan cadangan ini. Mereka menyedari bahawa kebanyakan mereka masih muda dan kurang berpengalaman. Tambahan pula, banyak mubaligh masih dalam tahap pembelajaran bahasa.

Kekurangan kakitangan dan ajaran telah menimbulkan keadaan suam-suam di kalangan gereja. Banyak jemaah tidak mengaji Alkitab dan masih banyak yang tidak mempunyai Alkitab dalam bahasa mereka. Di Baram, ajaran sesat Bungan telah timbul dan telah disambut penduduk. Ajaran sesat ini sejenis bentuk kekaifiran yang diubahsuai sehingga hukuman dan pantang larang dikurangkan agar dapat diterima oleh mereka yang pernah mengalami pelepasan daripada kebelengguan ketakutan di kalangan orang Kristian.

Rombongan mubaligh ini terdesak kerana kekurangan kakitangan. Mereka tidak ada kakitangan mubaligh bagi orang Kelabit ataupun daerah Limbang. Penduduk Tagal masih sebuah ladang misi yang belum tersentuh. Para mubaligh tidak dapat lupa bahawa suku-suku yang bekas buta huruf dan penuh dengan kejahilan, serta pemabuk ialah adunan yang membentuk gereja yang sedang membangun. Matlamat yang selanjutnya ianya membentuk gereja yang menyerupai gereja dalam Kisah Para Rasul.

Pengunduran Tempoh Lima Belas Tahun Lebih Munasabah

Memandang keadaan semasa, rancangan pengunduran Misi ini memang langkah berani serta mempunyai risiko tetapi Persidangan mempercayai ini rancangan Tuhan untuk Misi. Secara prinsip mereka menyetujuinya tetapi mereka merasa lima belas tahun merupakan jangka waktu yang lebih masuk akal khususnya apabila mereka mengingat jumlah Perjanjian Baru yang perlu diterjemahkan.

Dasar Pengunduran Lima Belas Tahun diterapkan dan Harold McCracken membuat kesimpulannya pada akhir situasi persidangan.

“Pencurahan Roh Kudus yang ajaib, gejala politik yang mungkin menutup pintu terhadap para mubaligh di Asia Tenggara, kemungkinan kedatangan Tuhan kali kedua telah menyebabkan Misi berkeyakinan bahawa memang kehendak Tuhan bagi mereka menyelesaikan pekerjaan mereka dalam tempoh lima belas tahun. Menjelang waktu itu, Misi bercita-cita membangun Gereja Borneo yang berlandaskan kukuh dan bersiap sedia mengambil alih tanggungjawab bersaksi serta menginjili suku-suku yang belum terjangkau. Ini bererti mereka mesti mengadakan program yang lebih padat di ladang pelayanan.”

Dia menjelaskan bahawa mereka memerlukan lebih ramai mubaligh serta latihan kepemimpinan giat untuk menyiapkan gereja masa depan. Ini bererti mereka yang berada di negara Australia, negara pengutus mubaligh, mesti lebih rela berkorban. Dia menggalakkan teman-teman Misi untuk tekun berdoa dan memberi pengorbanan yang lebih besar.

Doa khas dipanjatkan untuk penambahan dua belas pekerja baru dalam tempoh dua belas bulan iaitu peningkatan 70 peratus dalam saiz rombongan mereka.

Lima belas tahun bukan jangka waktu lama tetapi adakah Misi mempunyai masa yang begitu lama? Bagaimana pula dengan keadaan suami-suami yang wujud di gereja-gereja?

Pengeluaran mubaligh dari negara China pada tahun 1950 telah mencetuskan dua pertanyaan dalam benak Alan Belcher sewaktu dia mengunjungi dan mengajar gereja-gereja suku Lun Bawang. Bolehkah gereja ini berdikari jika para mubaligh mengundur bukan selama tiga tahun seperti semasa perang tetapi untuk suatu waktu yang tidak menentu seperti di negara Cina? Pertanyaan kedua, bolehkah suku Lun Bawang berdiri teguh seandainya mereka menghadapi penganiayaan?

Alan dan Madge tekun berdoa setiap hari dan bila mereka tiba ke Persidangan pada 1952, Tuhan sudah mula bekerja dalam hati dan kehidupan mereka. Selain itu, Tuhan sudah menjawab doa mereka dan memberi mereka dua belas pekerja yang kebanyakannya sempat tiba ke Borneo untuk Persidangan namun itu terjadi tiga tahun kemudian.

Di Persidangan itu dan selepas itu, Tuhan telah bekerja secara ajaib di kalangan rombongan mubaligh. Oswald Sanders yang menjadi pengarah umum OMF telah mengunjungi Borneo pada tahun 1956. Beliau menulis dalam kata pengantar bukunya yang berjudul, "Jungle Fire" dengan begini, "Suatu kemaraan hebat dalam pekerjaan terjadi pada tahun 1952 akibat gerakan Roh Kudus yang berdaulat di kalangan para mubaligh. Mereka menemui kejayaan rohani yang baru apabila Roh Kudus dapat bekerja tanpa dihindari dosa mahupun nafsu manusiawi dalam bejana-bejana yang terpilih. Dengan pengakuan dosa dan penyucian menjelmalah visi baru dan kali ini perancangan jangka panjang akan diterapkan dalam jangka waktu pendek yang cukup mendesak."

Ia dimulakan dengan keputusan mendirikan sebuah gereja setelah rangkanya didirikan.

Dengan segera setelah Persidangan, seorang pastor Lun Bawang, Sigar Berauk menjadi pastor pertama untuk mengendalikan perjamuan kudus di gereja Lawas yang dihadiri oleh anggota Sekolah Alkitab dan para mubaligh.

Berkat yang sedang mengubah kehidupan rombongan mubaligh ini telah merebak ke Sekolah Alkitab di mana Madge Belcher menjabat sebagai pengetuanya. Singa Achang seorang pelajar Frank Davidson sebelum zaman perang yang telah kembali ke sekolah untuk kursus lanjutan telah dijadikan ketua murid. Pada Ogos 25, anak kecilnya yang berumur tiga tahun telah mati lemas. Kepiluan ibu bapa ini telah melembutkan hati mahasiswa Sekolah Alkitab. Keyakinan dosa telah merangsang kelaparan yang lebih besar untuk Tuhan dan ini mendalami kehidupan rohani mereka.

Berkat ini merebak ke para pastor. Pada hari Isnin, 8hb. September, tiga belas pastor, termasuk dua isteri, datang ke Persidangan Pastor di Lawas. Mereka datang untuk pengajian Alkitab dan untuk berbincang masalah-masalah masa depan.

"Para pastor yang setia dan penyayang kelihatan seperti mempunyai sedikit dosa untuk diakui tetapi kami berdoa untuk gerakan Roh Tuhan di kalangan mereka kerana Tuhan telah menunjuk kepada kami bahawa kami memerlukan kebangunan rohani," tulis Madge Belcher yang menjelaskan keadaan Persidangan itu. "Kami bersaksi kepada mereka tentang berkat Roh Kudus di dalam kehidupan kami. Kami mengakui kegagalan kami pada masa lampau. Kami mengakui tentang keindahan penyucian Darah Tuhan Yesus dan bagaimana dipenuhi Roh Kudus serta kemenangan atas dosa serta kasih, kegembiraan, dan kedamaian yang diberikan Tuhan."

Pada hari kedua, semua pastor dan isteri mereka menyedari dosa mereka ketika mereka berdoa dengan hati yang ikhlas. Tuhan memberi berkat kepada kumpulan kecil ini yang menjadi janin yang akan berkembang menjadi 'Persidangan Antar Suku di Sidang Injil Borneo.'

Para pastor mula bertemu setiap tahun dan pada Disember 1954 sebuah tubuh perwakilan dibentuk untuk menjalani urusan gereja. Ia terdiri daripada wakil-wakil enam suku gereja bumiputra : Lun Bawang, Kayan, Kenya, Dusun, Kelabit dan Tagal. Tambahan pula, Racha Umong dan Udan Rangat, seorang Lun Bawang yang baru lulus dari Sekolah Alkitab menjadi

kakitangan mereka. BEM pula diwakili oleh keluarga Belcher.

Pada tahun berikutnya, 1955, hampir sembilan puluh pastor dan isteri mereka telah berkumpul diwakili buat pertama kalinya. Berikutnya, pada tahun 1956, semua mesyuarat telah dipengerusi oleh Racha Umong. Udan ialah Setiausaha dan Alan Belcher diminta untuk menyertai persidangan ini sebagai penasihat dan pengantara antara gereja dan persatuan mubaligh.

Namanya Sidang Injil Borneo

Pada 1959, Persidangan sudah siap menggubal perlembagaan bagi gereja injili di Borneo. Di Persidangan itu, mereka telah ditolong oleh wakil-wakil dari KINGME, gereja injili yang didirikan oleh 'The Christian and Missionary Alliance' (Perserikatan Orang Kristian dan Mubaligh). Pembangunan gereja Tuhan telah mengambil bentuk dan Sidang Injil Borneo telah dipilih sebagai nama rasminya. Racha terus menjabat sebagai pengerusi dan Berauk, naibnya. Udan sedang bersiap sedia ke Australia untuk menjalani latihan lanjut dan tempatnya diambil alih oleh seorang Lun Bawang yang bernama Kelasi Ating. Buat pertama kali seorang Kayan, Juk Wan dipilih sebagai ahli jawatankuasa kerja.

Kini, SIB merupakan gereja merdeka yang terbentuk beberapa tahun sebelum kemerdekaan Borneo. Pada 31hb Ogos, Borneo menjadi sebahagian daripada Persekutuan Malaysia.

Kemerdekaan Borneo juga bererti pilihan raya harus diadakan. Parti-parti politik telah membentuk suatu arena baru yang diperkenalkan kepada masyarakat yang telah tinggal sebagai satu masyarakat tetapi berasingan di bawah bimbingan tua-tua dan penghulu-penghulu suku.

Di luar dugaan orang Barat, keadaan politik memberi kesan berlainan ke atas gereja bumiputera.

Perhubungan suku-suku pedalaman ini dengan dunia luar terjadi hanya sewaktu mereka a ke pantai untuk berdagang. Peristiwa dunia tidak menodai mereka sama sekali lagipun di pedalaman tidak ada radio mahupun suratkhbar. Biasanya orang yang mempunyai paling banyak maklumat tentang negara ialah pastor-pastor. Pendidikan yang diterima

mereka menolong mereka mewakili kerajaan. Bagi mubaligh-mubaligh Barat, mereka merasa kurang elok kalau pastor-pastor bercita-cita menjadi anggota parlimen.

Pra anggapan ala Barat para mubaligh telah mengejutkan mereka apabila pemimpin-pemimpin SIB Lawas berkata mereka akan memilih Racha untuk mewakili kerajaan tempatan. Racha seorang bekas pengayau memang berbakat untuk menerajui tampuk pimpinan tetapi bukannya langkah seperti ini akan menyediakan suatu permulaan yang tidak bijaksana? SIB menjelaskan suasana di sini berlainan dengan negara asal para mubaligh. Walaupun kebebasan agama telah termaktub dalam perlembagaan Malaysia, suara Kristian yang lantang serta berpengaruh sungguh penting. Kedua, hanya pastor-pastor dan pemimpin-pemimpin gereja, selain guru-guru kerajaan memiliki pendidikan dan pengalaman untuk memberi sumbangan yang positif. Akhirnya, mubaligh-mubaligh terpaksa bersetuju bahawa itu langkah yang bijaksana.

Panduan Pengunduran Lima Belas Tahun merangsang para mubaligh untuk menumpukan proritinya mereka pada pengajaran gereja yang sedang bertunas pada semua peringkat. Pada waktu yang sama, SIB mengembang menjadi organisasi berdikari. Pada peringkat kaum awam, mereka mengadakan program pengajaran luas di sekolah-sekolah jangka pendek, sekolah deakon (tua-tua) dan persidangan-persidangan. Sebuah sekolah jangka pendek untuk para pastor, persidangan-persidangan di daerah tertentu untuk melatih bakal pastor-pastor telah diadakan. Inti seluruh program ini ialah perkembangan Sekolah Alkitab dan pembangunan Sekolah Alkitab kecil di daerah yang berbeza-beza.

Sekolah Alkitab di Lawas telah bertumbuh lebih besar daripada yang di Budok Ngeri. Pada tahun 1950, Sekolah Alkitab ini dipindahkan dari hilir ke lokasi pusat di BEM yang lebih berdekatan kota baru di Lawas. Tanah yang berukuran lima belas ekar dan yang belum ditanam pokok getah telah diberikan oleh Syarikat Getah di Lawas. Di sini, tersedia bilik untuk bangunan-bangunan Sekolah Alkitab, hostel-hostel, pejabat, rumah untuk para mubaligh, dan ladang beras basah untuk keperluan mahasiswa-mahasiswa. Kali ini projek ini bukan tanggungjawab orang Lun Bawang. Trevor meninggalkan keperluan yang terdesak di Ranau lalu bersama dengan serombongan orang Kristian Dusun meluangkan tiga bulan untuk menolong program permulaan pembangunan yang pesat.

Di kalangan orang Dusunlah, sekolah para deakon telah dimulakan. Trevor sudah lama terbeban mendirikan sebuah sekolah untuk melatih para deakon agar mereka lebih dilengkapi untuk mengajar di kampung-kampung. Panggilan yang bertubi-tubi dari banyak kampung untuk pengajaran dan khutbah telah menyibukkan dia. Sebelum dia pergi ke Lawas, keluarga Gollan telah mendirikan sebuah sekolah bagi para deakon pada 1hb. Maret 1950 sewaktu mereka mempelajari bahasa. Kebanyakan deakon dan segelintir pemuda yang merupakan pemimpin-pemimpin yang berpotensi telah datang untuk latihan empat hari seminggu dan kembali ke kampung mereka pada akhir minggu. Mereka akan menyampaikan apa yang dipelajari dan kemudian menerima undangan mengajar dari kampung-kampung lain. Ketuni ialah salah seorang di antara mereka yang berbuat demikian. Dia dan seorang pemuda lain, rangka telah mengembara serta melayani dengan tidak mengenal jerih lelah. Gereja berasa bertanggungjawab atas keperluan kewangan mereka dan ladang-ladang misi mereka.

Tuhan telah memeteraikan kewibawaan mereka melalui pengesahan jawapan doa.

Pada suatu petang, Ketuni sedang merancang kebaktian suatu keajaiban terjadi. Ketika semua orang berkumpul di rumahnya, angin badai dahsyat tiba-tiba mengancam mereka. Dua wanita kafir begitu takut akan angin badai itu sehingga mereka berdiam diri dan tidak tahu di mana mereka harus bersembunyi. Ketuni mengucapkan syukur atas kuasa-Nya yang Maha Besar atas segala perkara dan menyerahkan situasi itu kepada-Nya. Ajaibnya! Tiba-tiba angin badai reda dan guruh gemuruh yang mengganggu persekutuan mereka reda. Salah seorang wanita kafir menyerahkan hatinya kepada Tuhan.

Seramai 15,000 orang Dusun tinggal berselerakan di lerengan gunung berdekatan Ranau, oleh kerana itu, Trevor harus mengunjungi serta mengajar mereka. Pada tahun 1957, perjalanannya menjadi lebih bersilangan dan menjimatkan waktu. Pada masa ini, Trevor telah mengundur dari Misi dan memulakan pekerjaan baru di Kota Belud. Rombongan pengajar beredar dari kampung ke kampung untuk memberi pengajaran padat selama sebulan. Dengan menjangkau kampung-kampung yang penting, firman Tuhan dapat disebarkan kepada yang lain. Perkembangan sekolah-sekolah jangka pendek ini terbentuk ketika ladang misi Dusun dibahagikan ke lima bahagian. Sekumpulan 25 pastor dan deakon yang bertemu untuk mengaji Alkitab, saling mencurahkan

perasaan mereka mengenai masalah dan bersekutu. Sekolah-sekolah yang sama telah dimulakan untuk para pastor yang kesepian dan menyedari akan keperluan mereka untuk menerima ajaran di Tagal pada 1964.

Pengendalian sekolah-sekolah deakon menjadi sebahagian acara penting dalam kalender suku-suku di Sarawak. Selain itu, Persidangan Tahunan juga menjadi acara lain yang penting. Suku-suku ini sudah biasa dengan perhimpunan sewaktu merayakan adat-adat mereka yang kuno maka mereka mudah menyesuaikan diri dengan persidangan Kristian. Persidangan ini dimulakan di kalangan suku Lun Bawang, dan pada tahun 1955 persidangan antar suku diselenggarakan di Pa Mein, tanah tinggi Kelabit. Sebuah kampung yang terdiri daripada 150 orang akan melayani 1,200 orang Kayan, Kenya, Lun Bawang, Penan, dan beberapa orang daripada suku Saban di hulu Baram. Tanah tinggi sungguh subur, setiap orang berkelimpahan makanan sehingga ada sisa nasi. Mereka patut berterima kasih kepada kampung-kampung sekitarnya.

Pelawat-pelawat di Baram begitu kagum akan apa yang dialami oleh mereka.

"Kami tidak mungkin berhimpun begini pada zaman dahulu kerana seseorang akan tercedera," kata seorang Kristian Kenya terkenal yang begitu terharu dengan begitu banyak Kristian.

Ucapan terima kasih haruslah diberikan kepada guru Paulus, seorang guru kerajaan dan Mein Ribu, seorang deakon dari Pa Mein atas pengurusan makanan untuk peserta-peserta perhimpunan ini.

Mein Ribu ialah orang Kelabit pertama yang menjadi Kristian. Tiga tahun kemudian, kelaparannya akan Tuhan memang jelas apabila dia menyertai para mubaligh untuk mengunjungi Tanah Tinggi Kelabit dari kampung ke kampung untuk mendapat lebih ajaran.

"Apa gunanya aku memiliki begitu banyak nasi dan kerbau jika aku meninggal dunia tanpa mengenal firman Tuhan?" katanya.

Pada tahun depan 1952, dia telah berjalan selama dua minggu untuk menghadiri sebuah sekolah deakon. Dia dan beberapa deakon yang lain telah dihinggapi semarak yang berkobar-korbar seperti mahasiswa-mahasiswa Sekolah Alkitab dan mubaligh yang lain. Mein Ribu telah kembali untuk berdoa serta mengajar sanak saudara dan taulan selama

tiga tahun sebelum dia turut menolong persiapan Persidangan Agung. Sekalipun tercurah berkat yang begitu besar di persidangan itu, seorang mubaligh memperhatikan tidak ada orang dari kampung Mein Ribu yang menampilkan untuk kaunseling. Apakah sebabnya? Mein Rein telah ke gerejanya setiap pagi dan mencurahkan hatinya kepada Tuhan demi penduduk di kampungnya maka mereka sudah bertaubat dan mengalami berkat-Nya sebelum persidangan ini.

Di perhimpunan-perhimpunan yang istimewa, iman anggota-anggota gereja sudah dipupuk tetapi pengajaran dari sehari ke sehari dilakukan oleh seorang pastor di setiap kampung. Semakin banyak kampung meminta pastor-pastor, dan jumlah mahasiswa yang menjalani latihan di sekolah Alkitab telah meningkat ke 170 penuntut menjelang tahun 1962. Pada tahun itu, suku Lun Bawang berkeputusan bahawa sudahlah tepat waktu untuk memiliki Sekolah Alkitab Dasar dan mereka semua menyumbang untuk membangun Sekolah Budok Aru yang berdekatan Ba Kelalan.

Sebelum sekolah itu dapat dibukakan pada 27hb.Jun 1963, Konfrontasi dengan Indonesia telah menukarkan sempadan yang damai dan sunyi menjadi kawasan yang berbahaya tetapi mereka tetap membuka sekolah itu.

"Aku mesti mengakui bahawa adakala aku takut," kata guru besar tetapi damai tetap menyelubungi sekolah itu di tengah-tengah kebahayaannya sewaktu Madge Belcher mengunjungi mereka pada bulan Oktober untuk merancang kurikulumnya. Sekalipun terdapat laporan bertubi-tubi tentang kegiatan musuh, pendaftaran mahasiswa tetap bertambah sehingga menjadi 74 bukan hanya di kalangan Lun Bawang tetapi juga di kalangan Kelabit, Kayan, Dusun dan Penan. Mereka terus menerus mengalami perlindungan Tuhan. Padahal pihak tentera dan pentadbiran kerajaan mengutarakan kehairannya kerana kawasan Ba Kelalan tidak pernah diserbu.

Dua tahun kemudian, dua Sekolah Alkitab Dasar telah didirikan. Sebuah sekolah dibangun di Long Bedian, satu di Apoh untuk orang Penan dan orang Kayan, dan sebuah sekolah lagi di Sabah untuk orang Dusun. Sekolah ini berkembang dari sebuah sekolah kecil yang terdiri daripada suku Penan. Perjalanan ke Nemaus ialah sembilan dan setengah mil melalui trek jip dari Ranau dan sekolah itu dibuka dengan hanya 23 mahasiswa. Gurunya, seorang Dusun yang berkelulusan dari Lawas serta berpengalaman kerja di Budok Aru.

Langkah Yang Penting

Langkah yang terpenting dalam perkembangan SIB ialah pengutusan jumlah mubaligh kepada suku-suku lain. Suku pertama yang menjadi mubaligh ialah suku Lun Bawang.

Upai Baru seorang lelaki yang memekar senyuman terbesar di Borneo telah menjadi mubaligh pertama. Dia telah menyertai Ray Cunningham selama beberapa bulan sewaktu Ray giat mengembara dan mengajar di Hulu Baram. Pada tahun berikutnya, Udan Rangat dan isterinya Iki pergi ke Ranau sementara Balang Selutan dan Muring telah pergi ke Long Atip.

Udan digambarkan sebagai seorang mahasiswa paling cemerlang di Sekolah Alkitab. Bapanya seorang Lun Bawang yang kaya memiliki kebun getah, beberapa kerbau dan juga sawah padi. Bapa mertua Udan, penghulu kampung itu, ingin dia mengambil alih jawatannya walaupun dia tidak menyenangi ajaran Kristian dan sering menyusahkan kehidupan Udan dan Iki. Pada suatu hari, dia mengancam memutuskan hubungan dengan mereka tetapi akhirnya dia bersetuju dan membenarkan mereka pergi kepada orang Dusun dengan berat hati.

Balang yang lebih tua dilatih oleh sekolah C dan MA di Indonesia dan telah bertugas sebagai seorang pastor pada zaman perang. Sungguh ajaib, dia masih hidup selepas perang padahal dia telah menyembunyikan seorang juruterbang Kristian. Halangan bahasa tidak menghalangi komunikasi mereka kerana mereka masing-masing menjunjung kitab Perjanjian Baru. Ketika dia disiasat dan diacukan pistol oleh orang Jepun, Balang menjelaskan memang adat suku Lun Bawang untuk menghibur sesiapa yang datang ke rumah mereka. Mereka telah memberi dia makanan sebelum dia berangkat dari sana.

"Aku duga kejujuranku telah menyelamatkan nyawa aku," kata Balang sewaktu dia mengenangi peristiwa itu. Balang yang lampai buat orang Lun Bawang sungguh ikhlas dan lemah lembut. Tambahan pula, dia pengkhotbah yang sungguh berbakat. Isterinya seorang wanita Lun Bawang yang menawan dan cergas segera disukai oleh penduduk Kayan di Long Atip.

Pada tahun 1952, Amat Lasong, seorang Lun Bawang dari gereja Lawas telah mempelopori pekerjaan di kalangan orang Tagal sementara yang

lain telah pergi ke Baram dan Limbang. Kemudian, suku-suku lain juga pergi ke gereja-gereja Lun Bawang untuk memperoleh pengalaman. Sesetengah mereka kembali ke suku sendiri dan yang lain mengikuti orang Lun Bawang lain sebagai mubaligh-mubaligh ke suku-suku lain.

Awing dan Gelas merupakan pasangan Bisaya pertama yang menjadi mubaligh pada tahun 1959. Mereka anggota keluarga Itai dan mereka buah pelayanan Ro Bewsher sebelum perang. Mereka pergi ke kampung suku Kenya di Long Jawa yang terletak di pergunungan hulu sungai Rejang. Gelas seorang Bisaya yang tinggal di pantai begitu bergementaran mengharungi arus deras di Balui. Ketika Awang pergi ke persidangan antarsuku, Gelas berkeputusan dia lebih suka menghayati kesepian kampung terpencil daripada mengharungi sungai deras.

Dukungan Kewangan Untuk Pastor

Tidak ada pastor akan diutus ke gereja kalau gereja tidak bersetuju memberi dukungan kewangan dan membina sebuah rumah. Misi tidak menghulurkan bantuan kewangan seperti ini. Mula-mulanya memang jarang ada jemaah yang tidak rela memberi dukungan kewangan sekalipun jumlahnya sedikit tetapi setelah gereja kehilangan semangatnya, masalahnya menjadi terdesak, dan akhirnya pastor-pastor mulai mengalami kesusahan.

“Susah hatiku melihat kanak-kanak kami tidak mendapat kecukupan makanan,” kata seorang pastor dari daerah baru. “Kami akan menghantar dua anak kami yang lebih tua kembali ke rumah nenek mereka. Ini akan meringankan beban kami khususnya dari segi kewangan.”

Selain belajar memberi dan mendukung pastor-pastor mereka, gereja Lun Bawang juga mendukung kakitangan Sekolah Alkitab Lawas tetapi gereja-gereja baru berkesulitan berbuat demikian. Ramai keberatan menerima pastor yang berkeluarga kerana dukungan biaya tambahan yang terpaksa diberikan. Jelas, wang memang kekurangan di beberapa gereja yang miskin tetapi masalah ini semakin melarat.

Hampir dua ratus pastor dan wakil-wakil telah berkumpul di Lawas untuk Persidangan Antarsuku pada Disember. Kekhuatiran pada masa ini ialah jumlah gereja yang tidak mempunyai pastor. Sembilan puluh gereja

mempunyai pastor. Hampir dua puluh lapan gereja sedang meminta pastor, dan dua puluh daripada gereja-gereja ini baru dilahirkan pada 1960. Hampir tujuh puluh enam gereja atau suku-suku yang percaya tidak mampu menyara seorang pastor.

Selain itu, masalah lain ialah kawasan tinggal mereka terpencil dan pastor-pastor ini juga kesepian. Salah sebuah gereja baru yang meminta seorang pastor ialah suku Iban di Pakan, Sibul. Ini bererti SIB dan BEM mencakupi hampir lima ratus batu hingga ke pedalaman. Satu-satunya pilihan untuk mengelak sungai yang deras ialah mendaki gunung. Sungai-sungai dan gunung-ganang mengilhami Stafford Young untuk melahirkan program penerbangan. Pemberian kapal terbangnya telah tiba pada saat Tuhan memberi perancangan Panduan Pengunduran Lima Belas Tahun. Sekalipun ini bukan rumusan untuk semua masalah ini ia tetap suatu penggunaan maksimum tenaga kerja kecil.



Seorang wanita dari Hulu Rejang

BAB 10

TELUR MENTAH DAN KAPAL TERBANG



*Pemimpin Gereja
Kenyah Bersama Ray
Cunningham.*

“Moga-moga aku masih hidup sampai pagi,” fikiran ini menguasai Ray Cunningham yang terlantar di sebuah pondok kayu kecil di Long Geng. Ray telah ke Long Jawe, sebuah kampung di hulu Long Geng selama dua hari untuk berkhutbah sambil mencari landasan kapal terbang.

Wabak telah menular merata tempat sehingga sembilan belas penduduk di kampung meninggal dunia. Ray membaca label ubat-ubatan dari kotaknya dan ubat dipilih dengan teliti bagi meringankan penderitaan dan menyelamatkan nyawanya. Setiap mubaligh akan membawa sebuah kotak kecil untuk penggunaan diri sendiri serta menunggu panggilan bantuan yang tidak terhenti-henti dari daerah yang belum terjangkau perkhidmatan kesihatan. Dia belum pernah dijangkiti oleh penyakit seperti ini. Semua kursus pengubatan tropikalnya di Australia pun tidak dapat mengubati penyakitnya.

Orang Kenyah berusaha sedaya upaya. Mereka cuba menggosok telur mentah pada rambutnya dan yang lain membubuh nasi pada belakang tubuhnya. Yang lain pula mengurutnya berulang kali untuk melegakan dia dari penyakitnya menurut amalan biasa mereka namun penyakit Ray bertambah tenat.

Pada hari keempat, dia menyadari bahawa satu-satunya pengharapannya adalah ke Long Geng kerana di sana ada sebuah radio dan lapangan kapalterbang yang kecil. Dia telah membina lapangan ini beberapa bulan sebelum dia dan isterinya berpindah dari Hulu Baram.

Tetapi bagaimanakah dia dapat mengemudi bot ke hilir selama dua hari? Ray merupakan orang pertama yang membawa bot berinjin ke tempat itu tetapi dalam keadaan tenat dia tidak dapat duduk apalagi memandu bot sepanjang hari. Akhirnya, Tama' Kisun seorang Kenyah dari Long Geng yang pernah menemaninya ke hulu, berusaha belajar mengemudikan bot. Dia tidak pernah mengemudi bot berinjin sebelum ini tetapi dia boleh dikatakan seorang pengayuh perahu yang mahir.

"Aku masih teringat pada waktu itu aku tekun berdoa. Tubuhku dibaluti selimut dalam bot itu," kata Ray sewaktu mengenangi peristiwa itu.

Mereka tiba di muara Sungai Linau dengan selamat tetapi pada pagi berikutnya, Tama' Kisun menghadapi masalah ke hulu sungai Long Geng. Dia berusaha namun arus deras tetap menghalangi botnya sehingga mereka terlanggar batu-batu karang dan menyebabkan botnya berputaran liar. Bot mereka tertimbun air sungai dan mereka kehilangan barang-barang mereka. Sekalipun mereka berusaha mengheret bot mereka, usaha mereka sia-sia sahaja.

"Ya Tuhanku, tolonglah kami," Ray berdoa dan Tuhan menjawab doanya. Tuhan memberi Ray kekuatan untuk mengemudi botnya apabila melalui bahagian yang paling terjal sebelum dia jatuh pengsan lalu Tama' Kisun mengambil alih bot itu hingga mereka sampai ke Long Geng.

"Aku nyaris-nyaris menemui ajal, hal yang belum pernah aku alami namun mereka sempat membawa aku ke Long Geng," tambah Ray. Kata-kata ini bukan penjelasan sembarangan tetapi daripada mulut seorang pengemudi Baram yang tersohor dan terkenal dengan kebolehannya untuk menerjang sungai deras. Dia sudah banyak kali terlepas dari nahas yang merbahaya.

Sahabat handainya di Kenyah bersifat penyayang dan suka menolong tetapi tidak ada sesiapa tahu apa lagi yang boleh dilakukan untuk Ray. Pada tengah malam, salah seorang Kenyah memberi Ray telur mentah untuk dimakan.

“Mungkin telur mentah ini dapat memberikan aku kekuatan untuk menekan tombol radio ini,” jelas Ray perlahan-lahan dengan loghat Australia sementara dia berusaha mengimbas saat-saat yang menggerunkan dan tidak selesa itu.

Salah seorang doktor Misi daripada dua belas doktor yang menyertai Misi sejak tahun 50-an telah ke stesen untuk menerima panggilan pagi. Kerajaan telah mengizinkan mereka mendirikan sebuah pemancar radio di Long Tebangan sejak 1952. Beberapa tahun kemudian serangkaian radio telah didirikan di beberapa daerah Misi. Program penerbangan mereka menjadi lebih selamat dengan adanya ramalan cuaca dan laporan yang cepat. Program ini telah menolong mubaligh yang terpencil untuk mendapat nasihat perubatan. Peristiwa ini terjadi kepada Ray pada saat nyawanya di hujung rambutnya.

Kebetulan doktor itu telah datang ke stesen radio lebih awal daripada biasa pada hari itu. Biasanya dia akan membaca majalah beberapa minit sebelum dia memasang pemancarnya tetapi pada pagi itu dia memasangnya dengan segera tanpa berlengah-lengah lagi. Tidak pernah ada orang menghubungi mereka begitu awal tetapi mungkin ada sesuatu yang terjadi. Dia terdengar suara yang lembut pada 6.23 pagi. Dia tegang kerana suara itu sayup-sayup.

“Tes, tes, Lawas, ini Long Geng.”

Segera, dia memegang semua ototnya dan memutar tombolnya sedikit sahaja untuk mendapat bunyi yang lebih jelas. Puji Tuhan, dia dapat mendengar suara Ray yang lemah.

“Long Geng, Lawas, Long Geng, Lawas, boleh dengar tak?”

“Lawas, Long Geng, minta kapal terbang...segera,” itu saja yang sempat disebut oleh Ray.

Perhubungan radio itu dilakukan 7 minit lebih awal. Betapa lega hatinya Ray apabila dia mendengar suara yang dikenalnya. Dengan pengharapan yang semakin meninggi, dia menggunakan seluruh dayanya untuk menjelaskan gejala penyakitnya. Dengan segera doktor itu membuat diagnosis, tifoid namun kapal terbang Misi tidak dapat berkhidmat. Bagaimanapun masih ada secercah pengharapan. Ray menelan telur mentah itu dan ubat “chloramphenical” yang diperlukannya dari kotaknya.

Setelah membuat aturan untuk panggilan selanjutnya, doktor itu berusaha menghubungi stesen yang lain. Nasib baik, stesen ini tidak mempunyai masalah lain yang mendesak. Dia menyeberangi landasan kapal terbang dan bertemu dengan Bruce Morton yang sedang menjamah sarapan paginya.

Dengan perasaan yang gelisah dia bertanya, "Apakah kemungkinan menggunakan kapal terbang kita pada hari ini?" "Mustahil kecuali mukjizat terjadi," jawab Bruce.

Syarikat Shell yang selalu menolong program penerbangan ini menjadi sebahagian daripada mukjizat ini apabila mereka menghantar alat-alat yang diperlukan. Bruce dan Tebari, seorang Lun Bawang, dan juga penolongnya yang sangat bertanggungjawab bekerja keras sepanjang hari.

Syukurlah, Tebari Ukab yang menyertai rombongan penerbangan sejak 1956 telah membuktikan dirinya bukan sahaja seorang pelatih yang mahir tetapi juga rakan sekerja hebat. Dia telah berbakti kepada gereja dalam bidang penerbangan selama dua puluh tahun dan pernah menolak tawaran untuk dilatih sebagai jurutera komersial. Usah dikhuatiri kecemasan seperti ini kerana Bruce tidak akan mengaku kalah sebelum pekerjaan ini disiapkan. Kapal terbang sudah boleh diterbangkan pada keesokan pagi.

Cuacanya buruk dan Bruce kecemasan melihat awan-awan berkepul-kepul dan menjulang sewaktu dia memasuki Long Geng. Dia berjaya masuk ke dalamnya tetapi adakah dia dapat keluar lagi? Dengan perlahan-lahan, orang Kenyah mengusung Ray ke dalam kapal terbang dengan tempat duduk penumpang yang sering digunakan untuk menyusung pesakit dari kawasan pedalaman ke rumah sakit yang berdekatan pantai. Bruce segera berangkat dengan begitu laju sehingga dia terlupa berdoa iaitu kebiasaan yang dilakukannya sebelum menerbangkan pesawat kecil ini.

Awan kelihatan tebal sekali sehingga tidak ternampak ada satu celah pun. Biasanya dia tidak akan berangkat kerana dia sudah mempelajari dari pengalamannya bertahun-tahun agar jangan mempertaruhkan nyawanya tetapi kali ini sungguh mendesak kerana nyawa Ray tergantung pada kelajuannya ke sana.

Mereka berputar-putar kapal terbang untuk melihat ke seberang. Pemandangan mereka terhalang oleh kerana itu mereka mungkin terpaksa patah balik. Maut sedang menunggu kedua-dua insan ini kerana awan semakin menebal di kawasan pergunungan. Alangkah sedihnya kalau dia terpaksa patah balik. Tiba-tiba dia melihat secercah terang kecil dan itu sudah mencukupi. Dengan secepat, dia menoleh untuk memastikan jalan masih terbuka bagi dia seandainya dia tidak dapat menembusi awan. Kemudian, dia terbang ke arah awan-awan itu, memastikan semuanya cerah, dan dia menuju ke pantai dan hospital Miri.

“Telur mentah itulah yang paling baik,” kata doktor itu sewaktu Ray memulih di hospital. Bersyukurlah kepada juruterbang dan Tuhan yang menguasai semua peristiwa ini. Tidak lama kemudian, Ray kembali ke Long Geng bersama isterinya dan menterjemahkan Perjanjian Baru Kenyah.

Landasan-Landasan Kapal Terbang

Landasan kapal terbang Long Geng merupakan salah satu daripada 12 lapangan kecil yang dibangunkan atas tanah yang dibersihkan dalam hutan rimba di pergunungan pedalaman Borneo oleh mubaligh BEM dengan hasil pertolongan penduduk kampung. Pada dekad selepas 1950, kapal terbang Misi pernah mendarat di sana sebanyak 21 kali. Landasan ini dibina dengan tangan beralatan penyodok, cangkul, dan bakul yang dibuat daripada buluh dan kayu kulit untuk mengangkat tanah dan kadangkala kereta sorong buatan sendiri. Pembantu-pembantu biasanya dibayar dengan gula, garam, dan minyak tanah dalam tin yang diterbangkan kepada mereka dan bukan diangkat melewati gunung dan arus yang deras. Selain itu, penduduk kampung ini juga dikunjungi dan diajari iman Kristian yang baru.

Di pedalaman tidak ada landasan kapal terbang sebelum tahun 1950 kecuali di kawasan Ranau namun landasan kapal terbang Jepun ini telah dibom oleh Tentera Bersekutu. Ini tidak menghalangi Stafford Young untuk memulakan program penerbangan. Dia telah menggunakan kapal terbang Aeronca yang mempunyai dua tempat duduk yang dihadiahkan kepada Misi. Kapal terbang ini telah digunakan oleh abangnya untuk tujuan perkhidmatan perubatan di Australia. Stafford ingin memakai kapal terbang atas alasan keperluan keluarga dan kesihatan. Dia menghadiahkan kapal terbang ini kepada Misi dan percaya bahawa Tuhan akan memanggil seorang juruterbang.

Bruce Morton, bekas pegawai RAAF yang pernah melewati Borneo sebagai juruterbang pejuang askar Australia menjadi jawapan ini. Pada waktu itu, dia menyerahkan dirinya kepada Tuhan dan Tuhan telah memanggil dia untuk pelayanan sepenuh masa. Pada waktu menjalani latihan di Institut Alkitab Melbourne, dia selalu terfikir akan Borneo. Beberapa minggu setelah dia menamatkan pengajiannya, Tuhan memberinya satu kepastian akan panggilan-Nya dengan satu ayat, "Aku akan membukakan jalan dan meratakan gunung ganang dan jalan-Ku akan dipermuliakan." Hanya selepas suatu edaran waktu, baru dia menyedari akan betapa penting ayat ini baginya.

Tuhan telah membimbing Bruce menyeberangi gunung ganang untuk menyampaikan berita-Nya. Aeronca kecil yang dinamai "Selamat" telah diberkati Uskup Besar Mowll di Sydney pada Julai 1949. Ia melandas di lapangan terbang baru Lawas pada Jun 1950 setelah lama ditahan.

Jelas, landasan kapal terbang itu salah satu petunjuk bahawa Tuhan sedang mengarahkan mereka untuk memulakan satu program penerbangan. Pemberian tanah untuk mendirikan Pusat dan Sekolah Alkitab telah dilaporkan dalam "Newsletter" pada Ogos 1949. Laporan yang sama memuatkan berita tentang persembahan kapal terbang di Sydney. Ketika Bruce tiba di Lawas, dia mendapati "tempat ini sesuai untuk mendirikan sebuah landasan kapal terbang" dan "satu-satu tempat yang dikenali di sini." Kemudian kerajaan memulakan perkhidmatan penerbangan di kawasan seberang sungai tetapi Misi mendapati kawasan ini tidak sesuai kerana ia telah menelan banyak perbelanjaan. Selain itu, Misi juga kekurangan peralatan sesuai.

Pada tahun 1950, kapal terbang yang melandas di kawasan selain dari bandar besar dianggap sebagai hal yang baru. Hampir seluruh penduduk Lawas dan perkampungan di sekelilingnya akan datang untuk menyambut dan memeriksa kapal terbang itu. Kemudian kapal terbang ini akan dipindahkan ke bengkel kapal terbang dan disimpan selama enam bulan. Kerajaan Sabah dan Sarawak sedang memutuskan bagaimana mereka boleh bertanggungjawab serta mengizinkan penerbangan kapal terbang berjinjng tunggal di pedalaman yang belum terjangkau kapal terbang.

Akhirnya, izin diberikan pada Disember 1950, dan Bruce memulakan proses membuka pedalaman untuk penerbangan. Dia bekerja bersendirian sehingga tahun 1954. Tidak ada kapal terbang lain dapat menolong seandainya dia menemui kemalangan.

Beberapa bulan yang pertama, dia menggunakan landasan kapal terbang di kawasan pantai Ranau yang belum rosak, dan landasan Lawas yang baru dibina. Apabila air pasang, dia akan mendarat di tepi pasir pantai Sipitang yang berjarak 10 minit dari Lawas serta melewati perbatasan Sabah. Landasan ini telah memendekkan waktu perjalanan dengan radikal. Penjimatan yang terbesar akan datang apabila landasan-landasan dibina.

Pada 8hb Jun 1951, hanya setahun setelah Selamat melandas di Lawas, Bruce membuat pendaratan pertamanya di landasan pedalaman. Sewaktu dia menerbang kapal terbang ke Long Atip tanpa perhubungan radio dengan darat, dia tidak pasti sama ada landasan itu sudah tersiap dan betapa sulitnya mendarat.

“Sewaktu aku berterbang, aku melihat sesuatu yang belum pernah aku lihat,” tulisnya pada waktu itu. “Pelangi yang indah dan sempurna telah melingkari Selamat ketika matahari terbit di belakang kapal terbang. Itu pemandangan yang sungguh mengilhamkan.” Perjanjian Tuhan begitu jelas lalu dia meneruskan penerbangannya.

Setiba di landasan itu, dia ternampak kepulan asap yang memberi isyarat bahawa dia boleh mendarat. Setelah menerbang kapal terbangnya rendah sambil menelitinya, dia mendaratnya dengan selamat. Serombongan orang yang diketuai oleh penghulunya, segera mengerumuni kapal terbang itu dengan begitu gembira. Mereka belum melihat sebuah kapal terbang dari dekat, dan kapal terbang yang mendarat sejajar dengan rumah panjang bagi suatu mimpi bagi mereka.

Enam bulan kemudian, Bruce mendarat buat pertama kalinya di Meligan, Tagal, yang terselindung di sebalik deretan pergunungan Crocker. Selepas itu, dia mendarat di kampung orang Lun Bawang, di Long Semandoh, Hulu Trusan. Hairanlah, dia mendapati keluasan landasan itu cuma berukuran 6 ela. Sekalipun tidak ada kerosakan yang berlaku, dia terpaksa menyempurnakan landasan itu sebelum dia boleh lepas landas.

Inilah tiga landasan yang pertama. Tahun lepas tahun lebih banyak landasan ditambahkan sehingga terwujud serangkaian penerbangan dari Ranau di Utara ke Meligan, dan dari Long Pa Sia ke Selatan Sabah dan dari Selatan Sarawak Ba Kelalan ke kawasan pedalaman orang Lun Bawang iaitu Pa Mein, dari tanah tinggi orang Kelabit ke Baram dan akhirnya, ke bahagian ketiga dan ketujuh.

Di Bawahnya Ada Tangan Kekal

Sebagai orang pertama untuk mendarat kapal terbang ke pedalaman Borneo, Bruce telah mempelopori jalan bagi orang lain sehingga pada akhir dekad, kerajaan mempertimbangkan perkhidmatan udara. Kini, tersedia radio dan serangkaian landasan di seluruh pedalaman.

Untuk mempelopori tugas ini, seorang juruterbang mahir sangat diperlukan tetapi tanpa tangan perlindungan Tuhan, rancangan seperti ini tidak mungkin tercapai tanpa sebarang kemalangan ngeri. Suatu peristiwa yang menimbulkan banyak seruan doa ialah kekurangan perhubungan radio di Lawas. Kekurangan ini membuktikan penyertaan Tuhan dengan terbaik. Kemampuan mendarat dengan tepat di landasan sempit yang berukuran 450 ela sungguh penting dan Bruce dapat melakukannya. Dia cuma terlepas sekali.

Biasanya pendaratan berakhir di sebelah pergunungan Barat, dan Bruce berusaha mendarat di hujung landasan itu. Kali ini, kapal terbangnya terapung-apung di udara tanpa dapat dijelaskan, walaupun had laju dan sudut kapal terbang itu tepat. Akhirnya, dia mendarat di tengah-tengah landasan yang disertai oleh beberapa hentakan yang kuat. Kapal terbang itu berhenti dan injinnya rosak apabila roda belakangnya menanjap ke dalam tanah yang becak dan kemudian, ia ditarik keluar.

Sewaktu Bruce keluar dari kapal terbang lalu berjalan di landasan terbang, dia berasa lega walaupun sedikit terkejut. Landasan itu ditumbuhi lalang panjang kerana penduduk kampung sudah bosan menunggu kapal terbang. Dia menjumpai air yang bertakungan tersembunyi di beratusan ela landasan itu. Takungan air ini tidak kelihatan sewaktu dia berada di udara kerana ditutupi lalang. Seandainya roda itu menyentuhnya, tentu sahaja kapal terbangnya akan terbalik. Walaupun dia tidak terluka, dia terpaksa membawa kapal terbang itu dari tempat yang begitu terpencil itu.

“Di bawahnya ialah Tangan yang Kekal.”

Bruce telah memesan agar isterinya dan orang di Lawas jangan menunggu dia sehingga keesokan harinya oleh kerana di Long Pa Sia tidak ada perhubungan radio. Tidak ada orang yang menduga pada fajar hari itu, landasan itu lebih lunak akibat hujan malam. Keadaannya sama pada

hari berikutnya. Penduduk kampung berusaha membuat tikar buluh untuk menutupi bahagian yang terburuk tetapi apabila Bruce berjalan di landasan itu pada 20hb, dia mendapati keadaan itu tidak cukup kering. Fikirannya melayang kepada Rut dan kerunsingan perasaannya bergelora di hati setiap kali dia menerbang kapal terbang kerana dia tidak tahu apa yang akan terjadi. Dia terasa sungguh tidak berdaya tetapi tiba-tiba, dia menyedari ada angin yang meniup dari arah Barat. Dia mempertimbangkan kemungkinan berangkat dari sudut Timur. Dia tidak pernah berangkat dengan cara begini kerana mutu landasan itu. Selain itu, keberangkatan dari kawasan Timur bererti dia harus menempuh cabaran pergunungan yang berdekatan di hujung bahagian Barat setelah dia berangkat. Bagaimanapun angin yang kencang itu mungkin dapat menolong dia mengangkat kapal terbang hampir 40 ela di landasan yang ditutupi oleh tikar dengan selamat. Dia akan mencuba cara ini.

"Aku melepaskan brek dan kapal terbang itu meluncur ke depan di tanah yang becak itu," tulis Bruce. "Kapal terbang itu seakan-seakan mendekati tikar itu dengan laju tetapi sebelum tiba, sekonyong-konyong kapal terbang itu terangkat oleh angin yang kencang."

Dia terlambat tiba ke Lawas selama tiga hari tetapi tanpa angin itu dia akan lebih lewat lagi.

Pemeliharaan Tuhan

Kemalangan dahsyat pernah terjadi tiga tahun kemudiannya. Suasananya hampir sama dengan suasana di Long Pa Sia namun situasinya amat berbeza. Itu satu-satunya kemalangan terbesar yang pernah terjadi pada kapal terbang Misi selama 28 tahun penerbangannya.

Cuaca buruk mencengkam, Bruce terpaksa melandas di Long Atip pada hari Isnin, 30hb April kerana hujan lebat. Sebahagian dari landasan itu dibanjiri oleh air dan keadaan itu tidak dapat dielakkan. Roda kapal terbang itu telah menanjap air lalu terbabas, bagaimanapun Bruce dan penumpangnya tidak tercedera. Long Atip merupakan satu-satunya landasan di dalam pedalaman di mana kapal terbang boleh dibongkar dan dibawa ke hilir sungai. Beberapa bulan kemudian Bruce menulis, "Setelah satu jangka waktu, kami semakin yakin bahawa Tuhan telah mengizinkannya. Kami memuji Tuhan apabila penguasaan Tuhan pada

waktu kemalangan itu semakin ketara, apalagi apabila kami mendapati empat bahagian badan pesawat sudah hancur. Jika penerbangan dilanjutkan tanpa kesedaran kami, kemalangan yang lebih ngeri mungkin terjadi. Kemalangan ini itu berpunca dari klip yang terpasang dengan tidak teliti sewaktu menjalani pemeriksaan biasa.

Kapal terbang BEM kedua, Auster Aiglet, yang diberikan oleh seorang ahli peniaga Australia telah mengalami kemalangan. Sebaliknya, kapal terbang, Aeronca yang terkecil dapat bertahan.

“Anda tidak menggunakan truk yang boleh memuat 5 ton untuk memunggah barangan yang berberat 10 ton,” itulah penjelasan Charles Aiglet sewaktu dia menyerahkan Aiglet dengan injin tambahannya. Peristiwa ini terjadi sewaktu Stafford Young berada di England dalam rangka membentuk Majlis Induk bagi BEM dan sewaktu dia berada dalam perjalanan memperkenalkan BEM. Dia memiliki kesempatan tepat untuk membeli kapal terbang baru yang diperlukan.

Seminggu sebelum kemalangan yang terjadi di Long Atip, Syarikat Minyak Shell telah memberi ‘Auster Autocar’ kepada Misi itu. Walau bagaimana pun ia dianggap tidak berguna lagi apabila helikopter diperkenalkan dan ia memerlukan enjin yang baru. Apabila mereka mengetahui bahawa Misi memerlukan enjin tambahan, mereka menderma dengan murah hati dan jumlah sumbangan peralatan hampir bernilai seribu paun.

Sekurang-kurangnya 150 tetamu telah menghadiri upacara persembahan kapal terbang kepada Misi pada 24hb. April 1956 di Anduke, Seria, lapangan udara Shell. Encik R.E. Gales, pengarah pengurus BMP dan SOL, memberi ucapan yang dilaporkan dalam suratkhbar Salam. Encik Hales memberi ulasan umum mengenai pekerjaan mubaligh dan kemudian berkata:

“Tanpa menyebut sesiapa dalam Misi secara khusus, perhimpunan kami pada hari ini, bertujuan untuk menyebut tentang perkembangan BEM yang romantik dan pencapaiannya yang unik dalam bidang komunikasi...” Selanjutnya dia menjelaskan, “Sesiapa yang mengetahui permukaan bumi di pedalaman ini dan bahaya gunung ganang serta lembah-lembah yang diselimuti kabut tebal akan mengetahui bahawa Misi penerbangan yang menggunakan hanya satu enjin tanpa pertolongan radio itu suatu keajaiban.”

Seminggu setelah kemalangan Aiglet, Autocar sudah berada di udara dan memiliki kelebihan untuk memuat radio HF tanpa mengurangi keberatannya.

Tuhan telah menjawab banyak doa untuk merealisasi program penerbangan. Hal ini bertentangan kepercayaan para skeptis yang berpendapat kapal terbang misi tidak hanya bergantung pada doa tanpa pemeliharaan yang mahir dan teliti. Pada mula-mulanya, jurutera Quantas di Labuan berusaha menolong dengan semampunya tetapi akhirnya, Bruce menjalankan pekerjaannya sendiri.

Pada tahun 1955, Ken Cooper telah tamat peperiksaan kejuterannya. Ini bererti buat pertama kalinya penyelidikan untuk sijil kelayakan penerbangan udara dapat diselenggarakan di Lawas. Ini menjimatkan banyak kos dan waktu yang bernilai. Di bawah ajaran Ken, Bruce telah menimba banyak pengalaman sehingga mampu mengambil peperiksaan kejuruteraan. Di bawah ajaran Bruce, Ken memperoleh lesen juruterbangnya di keadaan Borneo dan diiktiraf sebagai juruterbang Misi yang kedua. Tebari Ukab telah menyertai rombongan ini pada 1956 tetapi mereka masih memerlukan seorang juruterbang lagi.

Harold Parsons berusia 40 tahun ketika dia dipanggil oleh Tuhan untuk menyertai Misi. Dia mempunyai satu perniagaan yang berjaya dan begitu hairan dengan panggilan Tuhan.

"Aku tidak dapat menjadi seorang mubaligh," dia berfikir seraya mempertimbangkan kemampuannya untuk berkhotbah atau menterjemah dan latihan perubatan yang diperlukannya. "Tetapi mungkin ada sesuatu pratikal yang dapat aku lakukan."

Dia menjualkan perniagaannya supaya dilatih sebagai juruterbang serta jurutera sambil melakukan pekerjaan sambilan untuk memenuhi syarat-syarat jam-jam tambahan bagi memenuhi syarat kursus penerbangannya. Dia pergi ke Borneo pada 21 hb.Julai 1957 setelah berkelulusan penuh, dan memperoleh pengalaman menerbang Auster Aircraft. Pada mula-mulanya, dia menggantikan Ken Cooper yang bercuti di Australia sambil menjalani latihan tambahan. Akhirnya, dia diminta tinggal dan menyelesaikan kunjungan empat tahun. Bruce memberi tunjuk ajar tentang cara menerbang kapal terbang di pedalaman. Akhirnya, dia dan isterinya, Hazel menjadi anggota penuh rombongan mubaligh.

Aiglet diperbaiki dan dijual setelah mengakhiri riwayat penerbangannya selama sedekad, lalu Piper Tripacer diberikan kepada Misi. Kali ini, Tuhan menggunakan saudagar dari England untuk menghadiahinya. Seorang wanita tua kecil memberi senaskah Surat Edaran BEM kepada orang ini sewaktu dia masih seorang Kristian baru. Dia anggota gereja Westminster yang kecil. Pada waktu itu, Dr Martyn Lloyd Jones berjawat sebagai pendeta gerejanya. John Stott telah menerima jemputan Stafford Young untuk menjadi anggota Lembaga Penasihat Majlis BEM yang didirikan di England. Setiausaha terhormat, Eric Pearson yang menetap di England juga anggota gereja Westminster. Dia telah bertungkus lumus bersendirian selama enam tahun pada tahun 1957. Akhirnya, dia disertai John Smith, ahli peniaga yang telah mengenal Tuhan sewaktu dia bertugas sebagai tentera di Malaya selama beberapa tahun. Tiga daripada mubaligh orang Inggris yang menyertai anggota Australia dan New Zealand BEM juga berasal dari gereja kecil Westminster.

Maka amat sesuaih jika kapal terbang itu dinamakan Westminster Chapel. Kapal terbang ini dihadiahkan sewaktu Misi membuka kawasan baru dan memerlukan kapal terbang yang canggih. Perhubungan komunikasi baru semakin meluas dan program kapal terbang telah menjadi sesuatu yang amat diperlukan. Kapal terbang ini dipakai ke maksimum oleh kakitangan yang berjumlah kecil.


Tidak lama lagi, ahli peniaga sama telah memberi Tripacer kedua. Mereka menamakan kapal terbang ini Sidang Injil Borneo kerana gereja ini semakin berkembang. Kedua-dua kapal terbang ini telah memberi pertolongan penting selama beberapa tahun sebelum digantikan oleh Helio Courier pada tahun 1970.

Penjimatan Waktu Dan Kos

Kapal terbang pertama memberi perkhidmatan aktif sewaktu Tuhan membimbing Misi merancang Panduan Dasar Pengunduran Lima Belas Tahun. Pemberian kapal terbang dan juruterbang yang berturut-turut termasuk pemberian pertolongan dari Persekutuan Penerbangan Mubaligh (Missionary Aviation Fellowship) merupakan sarana penyelamatan waktu dan tenaga yang mungkin akan memakan masa bukan berhari-hari bahkan berminggu-minggu. Perjalanan yang menelan

10 hari telah dikurangi ke 45 menit dan kos mengendalikan kapalterbang turun ke separuh kos dibandingkan dengan perbelanjaan yang diperlukan untuk mengupah pembimbing dan kenderaan. Dengan cara sedemikian, tenaga penting telah digunakan dengan berkesan untuk pengajaran dan penterjemahan firman Tuhan yang mendesak di gereja.

Hakcipta @ Upstream Publishing



Ken Cooper dan Bruce Morton bersyukur atas pemeliharaan Tuhan sewaktu menerbang kapal terbang.



Kapalterbang Selamat II



Pelayanan kapalterbang mendarat di salah satu daerah suku Kayan di Baram.



Kemalangan di Long Atip pada 30hb. April, 1956.



Kebaktian di gereja Taginambur, 1959.



Para mubaligh BEM berdiri di depan kapal terbang Tripacer, 1955.



Pembinaan landasan kapal terbang di Long Jawi, 1970.



Para penterjemah Apa Saging, Ray, Pejalung, Kule, Lepo Tau, Suai, 1969.



Penterjemahan Perjanjian Baru sedang dijalankan.



Tripacer di depan rumah BEM, 1959.



Ray Cunningham dan isterinya kini tinggal di Australia, 2009.

BAB 11

PANDUAN TERTULIS

Seorang deakon telah menyerahkan segala kekayaannya untuk melayani gereja dan menjabat sebagai seorang pastor di sebuah kampung yang tidak jauh dari pusat kerajaan, di Kinangau, daerah tanah tengah tinggi, Sabah. Kawasan ini sungguh indah dan bergunung ganang. Isterinya jatuh sakit dan telah dibawa ke hospital kerajaan untuk dirawat. Tanpa dugaan, kecantikannya menawan hati seorang pegawai kesihatan.

Sedihnya, pastor itu membawa dia kembali ke kampung mereka kerana dia tidak dapat lagi menjabat sebagai seorang pastor. Isterinya tidak mahu mengakui kesalahannya. Beberapa kawannya bercakap dengan isterinya tetapi dia tidak mahu mendengar, dan mereka memanggil seorang mubaligh dari Lawas tetapi responnya tetap sama.

Akhirnya, Balang Selutan yang telah kembali dari Kayan bercakap dengan dia.

“Bagaimana segalanya?” tanya mubaligh itu.

“Oh, segalanya baik-baik sahaja. Dia sudah bertaubat,” adalah jawapan lansung daripada Balang.

“Balang, mengapa kami semua berusaha tetapi gagal?” tanya mubaligh yang sungguh hairan.

“Saya hanya membaca ayat-ayat Alkitab mengenai perzinaan.”

“Tetapi apakah yang kamu katakan?”

“Tidak ada...saya hanya berduduk dan menunggu Roh Kudus bersabda kepada dia.”

Padaahal, kesabaran resminya telah memampukan dia menunggu hampir setengah jam sehingga Roh Kudus menggunakan firman Tuhan untuk meyakinkan isteri pastor dan membimbing dia untuk bertaubat.

Misi Penterjemahan Yang Mendesak

Peristiwa seperti ini menegaskan lagi kebenaran yang ditekankan oleh William Tyndale, empat ratus tahun yang lalu. “Pengalaman aku mengesahkan bahawa pengukuhan kaum awam hampir mustahil tanpa membentangkan firman Tuhan dalam bahasa ibunda di depan mata mereka.” Rombongan BEM selalu menyedari akan hakikat ini tetapi mereka tidak berkemampuan melakukan banyak.

Semasa pra-perang, desakan untuk selalu mengembara dan mengajar telah menyulitkan mereka untuk memberi prioriti kepada tugas penterjemahan yang diingini. Selepas perang pula, terlalu banyak permintaan datang dari pelbagai arah dan perjalanan memakan banyak waktu sehingga sulit bagi mereka menyandang tugas penterjemahan Perjanjian Baru apalagi beberapa penterjemahan yang lain.

Walaupun pelancaran kapalterbang mengatasi masalah waktu, Panduan Dasar Lima Belas Tahun telah memberi desakan kepada mubaligh untuk menyelesaikan program pengajaran bukan sahaja dari segi waktu tetapi juga penyelesaian penterjemahan.

Sekalipun sekolah-sekolah telah didirikan dan penduduknya dididik dalam bahasa lain namun tanpa firman Tuhan dalam bahasa ibunda mereka, sebuah gereja tidak boleh berdikari atau bertumbuh dalam rahmat. Gereja tidak hanya terdiri daripada bangunan-bangunan, persatuan-persatuan, atau wanita dan lelaki yang terdidik tetapi juga wanita tua yang sedang mendukung cucu-cucu mereka, lelaki tua yang memimpin kampung, wanita yang bekerja di ladang padi, kanak-kanak yang mendewasa sebagai manusia yang biasa. Semakin awal manusia yang biasa ini memiliki Alkitab dalam bahasa mereka sendiri, semakin awal gereja bertumbuh di bawah bimbingan Roh Kudus dan berdikari supaya mereka tidak perlu bersandar pada mubaligh-mubaligh dari negara lain.

Pekerjaan penterjemahan menjadi sesuatu yang sangat penting, tetapi ini tidak dapat dilakukan sehingga pelbagai bahasa mempunyai bahasa yang tertulis. Pada persidangan 1952, mereka berkeputusan bahawa usaha untuk mendapat orthograf dan menyamakan semua bahasa yang diusahakan oleh Misi. Pekerjaan ini dapat dipercepatkan dan mereka sungguh bersyukur atas latihan yang diterima oleh beberapa mubaligh daripada “Summer Institute of Linguistics.”

Satu artikel dalam laporan surat, April 1953, berpendapat latihan linguistik yang digabungkan doa berkobar-korbar dapat mengatasi masalah orang Dusun, salah satu bahasa yang cukup sulit.

“Sewaktu kami tiba, kami mendapati bahawa Tuhan sudah tiba terlebih dahulu dan dia telah menyediakan beberapa penolong bahasa yang begitu mahir. Dalam tempoh dua minggu, Tuhan telah memberi kami huruf fonemik. In bererti hanya beberapa abjab untuk mencakupi semua bunyi yang penting serta mengelakkan kesusahan ejaan dirumuskan. Apabila sistem bahasa ini diuji, ia berkesan. Penduduk Dusun dan orang muda yang dapat membaca Bahasa Malaysia juga dapat membaca dan mengeja Bahasa Dusun dengan abjab dalam masa yang singkat.

Namun masalah huruf bukan sahaja masalah yang tersulit yang dihadapi oleh keluarga Gollan dan Dusun. Tatabahasanya sungguh rumit dan tidak ada sistem pengetahuan yang teratur. Kata kerjanya cukup sulit dan biasanya orang Dusun yang bersemangat akan menyebutnya dalam dua bentuk kata kerja yang berlainan.

“Oh sungguh berbeza...ya hampir sama...benar hampir sama.”

“Bahasa ini seperti perkataan-perkataan lain dalam Bahasa Inggeris yang hanya dapat dijelaskan oleh kamus Oxford dengan serentetan contoh-contoh dalam pemakaiannya. Salah seorang penolong Dusun berkata, “Kamu mesti menggunakannya, aku tidak dapat menjelaskannya dalam Bahasa Malaysia. Bahasa Malaysia seperti tidak memerlukannya tetapi kami tidak dapat bercakap-cakap tanpanya.”

Tentu saja, Bahasa Malaysia mempunyai elemen bahasa ini tetapi ia berbeza dan digunakan dalam sudut yang berbeza. Kita tidak mempunyai cara lain selain daripada membanting tulang untuk mengumpul banyak contoh-contoh perkataan kecil penting yang digunakan dalam Bahasa Dusun namun bukan Dusun yang tulen. Perkataan ini tetap satu misteri dan dari kesulitan ini kami boleh melihat tangan Tuhan yang berkarya.

Kami memuji Tuhan yang telah mengeluarkan kami dari kesusahan, kami telah memohon Dia untuk menghuraikan tatabahasa dalam dua setengah bulan. Tuhan telah memberi kami satu tanda pada 3hb November sewaktu Misi Penyebaran Alkitab sedang mengingat kami dalam doa. Dia telah memberi satu lagi jawapan pada 4 hb Disember iaitu sehari setelah hari

doa BEM. Dia terus menghuraikan struktur Bahasa Dusun supaya keluarga Gollan mampu mengambil tugas penterjemahan Perjanjian Baru setelah berbincang dengan mereka yang sedang mengusahakan Bahasa Dusun.

Keluarga Gollan mempunyai beberapa penolong untuk melakukan penterjemahan tetapi kebanyakan tugas penterjemahan Perjanjian Baru dilakukan oleh Dayeh Batasan. Ketika Dayeh berumur 14 tahun, lututnya telah dilukai. Dia tidak mampu berjalan, dia tinggal di rumah sementara keluarganya pergi ke ladang setiap hari. Pada hari itu, tidak ada pertolongan perubatan untuk seorang pesakit yang tidak mampu berjalan lima hari ke pantai. Suatu hari, dia bermimpi tentang pertolongan yang akan datang dan beberapa minggu kemudian, Trevor White and Kentuni tiba di kampung.

Kekurangan pertolongan perubatan telah menyebabkan Dayeh cacat selama-lamanya, tetapi dia telah mendengar sedikit tentang khabar baik dan menghaus lebih. Dia berjalan incang-incut selama lapan batu ke Ranau ditemani ibunya. Mereka tinggal di sana untuk belajar tentang cara orang Kristian dan pada waktu yang sama dia menolong para mubaligh mempelajari bahasanya.

Beberapa tahun kemudian, Tuhan memanggil Dayeh untuk menolong dengan penterjemahan Perjanjian Baru. Sekalipun cacat, Dayeh begitu aktif dan gigih. Walaupun dia mendapati tugas itu sulit pada mula-mulanya tetapi panggilannya telah memberi dia ketekunan selama tujuh tahun sekalipun kesihatannya tidak sempurna. Akhirnya, apabila Perjanjian Baru hampir disiapkan, Dayeh menjadi terlalu uzur untuk melanjutkan pekerjaan. Pada tahun 1969 Ogos, dia telah meninggal dunia dan pergi kepada Tuhan yang dilayaninya selama dua puluh tahun.

Mencari penolong bahasa merupakan masalah yang besar untuk Perjanjian Baru Kayan. Pelbagai penolong telah dicuba dan beberapa contoh penulisan dari daerah yang berbeza telah dikumpulkan. Salah seorang lelaki tua mempunyai penguasaan yang bagus dalam bahasanya.

"Oh ya, itu Bahasa Kayan yang indah," adalah reaksi yang diterima.

"Ia begitu dalam, sungguh dalam sehingga kita tidak mampu memahaminya."

Selain itu, kami juga mempunyai beberapa penterjemahan daripada beberapa budak sekolah.

“Ya, memang bagus,” kata beberapa orang. “Ia firman Tuhan tetapi ia kedengaran seperti diterjemahkan oleh seseorang yang angkuh.”

Kemudian mubaligh itu mula bekerjasama dengan Taman Ngau yang berusia dua puluhan, pendiam, seorang yang berfikiran serius dan dihormati oleh orangnya. Dia seorang deakon yang sungguh mengasihi Tuhan. Mereka melakukan beberapa penterjemahan bersama dan itu gabungan yang bagus. Taman Ngau melanjutkan penterjemahan sehingga 1968.

Penolong bahasa yang bagus ibarat emas kerana mereka sangat mustahak kepada tugas penterjemahan. Penterjemahan Perjanjian Baru Tagal belum dimulai sehingga akhir lima puluhan dan kerja ini dilakukan dengan pertolongan anak ketua penghulu. Dia berkobar-kobar tentang penggunaan bahasanya sendiri namun setelah dia berkecimpung dalam politik agak sukar kami mencari seseorang setandingnya. Akan tetapi, Tuhan memanggil kakak iparnya, Sumayong, anak penghulu. Bapanya begitu hebat dan berkemampuan sehingga apabila dia meninggal dunia, dia digantikan oleh tiga orang. Sumayong tidak begitu bersemangat dan tidak berkobar-korbar seperti kakak iparnya yang sangat berbakat namun dia mempunyai kesempatan memperoleh pelajaran sekolah rendah penuh. Bapanya telah mengutusnya ke sekolah Cina pada mula-mulanya ketika tidak ada sekolah lain. Apabila pendidikan Bahasa Malaysia datang ke kawasannya, Sumayong mempelajari bahasa ketiga untuk melanjutkan sekolahnya. Dia mempunyai fikiran yang tajam dan berusaha agar naskah Perjanjian Baru diselesaikan walaupun dia hampir angkat tangan beberapa kali.

Tubu Padan, seorang Penterjemah Perjanjian Baru Lun Bawang, juga hampir angkat tangan. Padahal pada suatu kali, dia pernah kembali ke kampung tetapi dia dirayu oleh deakon-deakon untuk menyelesaikan pekerjaannya. Ketika dia mengimbas dari kedudukannya sebagai Pengerusi SIB di Sarawak, pada 1977 iaitu dua puluh tahun kemudian, dia gembira kerana dia telah menyelesaikan tugasnya walaupun begitu sulit.

“Kini, apabila saya mengenanginya,” katanya, “saya begitu gembira kerana saya tidak dibayar. Suku Lun Bawang telah berubah begitu banyak melalui firman Tuhan dan saya begitu gembira kerana Tuhan telah memanggil saya untuk menterjemahnya.”

Madge Belcher telah memulakan Perjanjian Baru Lun Bawang bersama dengan Racha di kampung di mana dia melayani sebagai seorang pastor. Mereka telah menterjemahkan Injil Matius sebelum tanggungjawab Racha semakin bertambah sehingga dia menyerahkan tugas ini kepada Tubu.

Tugas penterjemahan begitu sulit sehingga Madge menyimpan sebuah diari untuk mencatat kemajuan mereka dari sehari ke sehari.

Catatan satu hari berbunyi begini:

“Racha dan saya tidak lagi sabar dengan sesama kerana penterjemahan kami. Kami berdua sungguh sedih. Saya meminta maaf lalu kami berdoa.”

Catatan satu hari yang lain:

“Pekerjaan memang susah. Kami berdua hampir pengsan pada waktu makan tengah hari.”

Namun ada catatan yang indah tentang betapa indah Firman Tuhan kepada jiwanya dan dia menjelaskan, “Inilah waktu yang sangat bahagia.”

Racha juga mendapati bahawa firman Tuhan yang diterjemahkannya juga sedang bersabda kepadanya.

Apabila mereka sampai ke Matius 18, mereka bertanya, “Adakah ini bererti kita mesti pergi dan bercakap dengan mereka yang sedang berdosa?”

Apabila Madge menjawab bahawa memang begitu ertinya, Racha berkata, “Kenapakah para mubaligh tidak mengajar kami berbuat demikian?”

Madge meminta maaf. Beberapa minggu kemudian ketika dia berada di Lawas, Racha menulis untuk menjelaskan bagaimana dia telah menerapkan Matius 18:15-17 dalam urusannya.

“Saya sangat gembira kerana Tuhan telah menolong saya menjaga gereja di sini...apabila saya pergi menegur penghulu, dia segera mengakui dosanya, demikian juga anaknya. Ramai yang lain juga berbuat demikian.”

Firman Tuhan dalam bahasa sendiri banyak mencabar Racha. Dengan rendah hati serta dalam sikap doa, dia menunggu kesempatan yang diberikan oleh Tuhan untuk merayukan setiap orang agar hidup benar

di hadirat Tuhan. Tidak lama kemudian, seluruh kampung menyadari akan dosa mereka dan keperluan mereka untuk penyucian. Roh Kudus telah datang kepada mereka untuk memenuhi keperluan ini. Semua ini berpunca daripada seorang salih yang telah membaca firman Tuhan dalam bahasa sendiri.

Penterjemahan sebuah buku yang biasa bukanlah tugas yang mudah apalagi kesulitan menterjemah sebuah Alkitab. Kami memikul tanggungjawab menterjemahnya dengan tepat, mudah dibaca, agar seluruh gereja dapat dibangun dan tidak menyimpang dari jalan yang benar.

Selama setahun perkataan yang kami gunakan untuk “Roh Kudus” dalam bahasa Tagal ialah “Karuruo.” Karuruo bermaksud sejenis roh yang akan meninggalkan seseorang yang mati ke alam yang lain.

“Adakah Tuhan mati?” tanya seorang deakon yang telah menjadi tiang gereja selama bertahun-tahun.

“Mati? Oh tidak, tentu tidak, Dia tidak mati. Dia masih hidup,” jawab mubaligh yang terperanjat.

“Tetapi kalau Dia belum mati, bagaimana Dia boleh mempunyai Karuruo?” Ini menyebabkan pekerjaan penterjemahan diletakkan sementara kerana mubaligh terpaksa memberi pengajaran yang lebih mendalam tentang Tuhan yang hidup dan kebangkitan-Nya. Kemudian satu perbincangan yang panjang telah diadakan dan perkataan itu ditukarkan dalam naskah drafnya. Puji Tuhan, ia belum diterbitkan lagi kerana sepatah dua perkataan boleh mengelirukan gereja dan menyimpang mereka daripada Tuhan hidup dan yang telah membangkitkan Tuhan Yesus dari maut.

Mencari perkataan yang tepat mengambil beberapa tahun walaupun perkataan itu tidak sepenting perkataan “Roh.”

Penterjemah Kayan itu telah tinggal di daerah Kayan selama lima tahun namun dia belum mencari ungkapan orang Kayan untuk (“sama ada”)-saya tidak tahu sama ada dia akan datang atau tidak. Dia menjelaskan satu cerita yang begitu penting bagi penterjemah, dan kesempatan itu hampir terlepas.

“Oh...wanita tua itu datang lagi.” Dia suka bersembang-sembang dan saya selalu harus memberitahu dia bahawa saya sangat sibuk dan saya perlu bekerja sekarang, atau berkata, “Oh, kamu akan balik sekarang! Saya akan menemani awak ke rumah panjang.” Hari ini saya memohon kesabaran daripada Tuhan. Saya duduk bersamanya sehingga dia sudah bersedia untuk pulang walaupun belum petang lagi. Dia bersembang terus...dan terus...Apa itu? Maaf, bolehkah awak mengulangnya lagi? Itulah. “Saya tidak tahu sama ada dia akan datang atau dia tidak akan datang.” Terima kasih Tuhan, saya akan meletakkannya dalam kamus.”

Hadiah pengkajian yang mendalam dan kerja membanting tulang beratusan lipat ganda apabila Perjanjian Baru menjadi bererti kepada gereja. Beberapa ayat dalam Roma 1 telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Kayan untuk tujuan pengajaran dan telah disebarkan kepada sekumpulan penghuni di rumah panjang.

“Benarkah kami dikasihi Tuhan?”

“Bilakah ia ditulis?”

“Bagaimanakah mereka mungkin mengenali orang Kayan sejak zaman dahulu?”

Beberapa tahun kemudian, kitab Roma telah diselesaikan. Penterjemah terpaksa mencungkil fikiran mereka seperti mencari perkataan, “perdamaian.” Dalam pengertian orang Kayan ini bererti memberi palu-palu dan pisau-pisau yang berpercikan darah ayam yang terkorban. Perkataan ‘korban’ juga bererti berbisik sesuatu ke dalam telinga babi, membunuhnya, lalu mengeluarkan hatinya dan membaca bintik-bintik yang ada padanya untuk menentukan jawapan daripada roh-roh.

Mereka telah banyak bertungkus lumus menterjemah buku yang hebat namun susah dan mubaligh itu berkata kepada Taman Ngau:

“Kitab Roma ialah sebuah kitab yang sulit. Saya tidak memahaminya dengan sepenuhnya.”

“Kenapa,” jawab Taman Ngau, “Bacanya dalam Bahasa Kayan kerana ia lebih mudah difahami.”

Setiap bahasa mempunyai kesulitan masing-masing tetapi gereja mesti mempunyai Firman Tuhan. Pada awal tahun 1950, Persatuan Alkitab merasa waktu dan wang harus disalurkan kepada daerah-daerah besar yang mempunyai bahasa sendiri, dan suku-suku yang hanya berjumlah beribuan akan mendapat prioriti rendah. Namun, salah seorang Setiausaha Persatuan Alkitab mengunjungi persidangan antarsuku di Pa Mein pada tahun 1955 berpendapat, "Orang-orang ini mesti mempunyai Perjanjian Baru." Itu pandangannya dan dari situ, dia mendesak Belcher untuk, "Meneruskan dan menyelesaikan Perjanjian Baru."

Persatuan Alkitab Nasional Skotland dengan pertolongan Persatuan Alkitab New Zealand dengan murah hati mendukung kewangan penterjemahan Perjanjian Baru Lun Bawang. Jemaah semakin terhutang budi kepada Persatuan-Persatuan Alkitab atas persetujuan dua ciri khas: ia termasuk sistem rujukan silang dan penyediaan ruang tepi muka surat yang lebar sehingga Perjanjian Baru ini boleh dijadikan buku-buku pengajian yang memenuhi kekurangan bahan-bahan Pengajian Alkitab. Persatuan Alkitab juga memberi mereka kulit buku yang tebal yang dapat dibawa ke mana sahaja dalam hutan, rumah panjang, dan pondok-pondok di ladang.

Seorang Setiausaha Persatuan Alkitab Skotland yang telah melawat ladang pada 1958 juga pulang dan menegaskan keperluan penterjemahan Alkitab bukan sahaja untuk orang Lun bawang tetapi juga untuk semua bahasa. Dia tulis pada waktu itu, "Saya telah melihat betapa mustahak dan perlunya suku-suku ini akan Alkitab. Saya telah melihat bagaimana gereja ini bertumbuh apabila beberapa bahagian Alkitab disediakan dalam bahasa mereka sama ada dalam keadaan draf kasar atau beberapa salinan yang dibuat dengan mimeograf. Banyak orang lebih berminat membaca dan mereka seperti menjunjung kewibawaan Alkitab. Mereka seperti orang yang tidak hanya membaca Alkitab atau mendengar Alkitab sahaja tetapi juga ingin melaksanakannya."

Prioriti yang tinggi telah diberikan untuk menterjemahkan Alkitab pada tahun 1950-an dan 1960-an, tetapi tentu sahaja waktu ini juga diberikan untuk penterjemahan buku-buku nyanyian. Semua usaha ini sangat berguna bagi orang yang setengah buta huruf dan ia juga dapat diajarkan kepada orang yang belum tahu membaca. Waktu juga perlu diluangkan untuk menyiapkan bacaan dasar agar ratusan orang yang tinggal di pedalaman dapat diajar untuk membaca.

Perjanjian Baru dalam Bahasa Lun Bawang merupakan Perjanjian Baru yang pertama dicetak. Penterjemahan itu dimulakan pada tahun 1952 dan disiapkan pada 1956. Kemudian ini diikuti usaha susah selama beberapa tahun seperti menyemak ejaannya serta memastikan keharmonian antara kitab Injil-Injil, yang melibatkan 2,000 ayat dan usaha membanding perkataannya. Tambahan pula, mereka perlu membandingkannya dengan Bahasa Lun Bawang dari Indonesia kerana mereka akan menggunakan penterjemahan ini juga. Hanya pada tahun 1962, naskah yang lengkap telah tiba di Lawas.

Pada 6hb. Mei, satu minggu khas telah dikhususkan untuk melancarkan Alkitab di Lawas. Sebuah gereja yang penuh dengan wakil daripada Lembaga Alkitab Skotland dan New Zealand menghadiri upacara menghadihi Alkitab-Alkitab ini kepada gereja Lun Bawang. Indah sekali, Alkitab itu dipinggiri warna keemasan dan berkulit merah tua.

Penterjemahan Perjanjian Baru Lun Bawang disusuri oleh penterjemahan-penterjemahan yang lain beberapa tahun berikutnya. Pada permulaan 1969, Alkitab Tagal yang tercetak telah tiba. Draft seluruh Perjanjian Baru telah disiapkan pada tahun 1966 tetapi mubaligh-mubalighnya telah mengambil cuti sehingga mereka tidak dapat menyemak seluruhnya. Persatuan Alkitab tidak mengikuti pendirian mereka untuk hanya menerbitkan seluruh Perjanjian Baru dengan kulit yang tebal. Dengan murah hati, mereka telah menerbitkan separuh Perjanjian Baru dalam Bahasa Tagal dengan kulit yang menarik yang sama dengan Perjanjian Baru Lun Bawang. Pada tahun 1970-an, penterjemahan Perjanjian Baru Kayan telah disemak. Perjanjian Baru Bahasa Dusun telah dihantar ke Persatuan Alkitab untuk dicetak. Empat puluh peratus daripada Perjanjian Baru Alkitab Bahasa Kayan diterbit. Setengah Alkitab Bahasa Penan telah diterjemahkan dan kitab Para Rasul juga dicetak. Satu antologi Perjanjian Baru dan Perjanjian Lama telah diterbit dalam Bahasa Kayan, Bahasa Dusun, dan Bahasa Kenya. Perjanjian Baru juga dimulakan dalam Bahasa Lun Bawang.

Madge Belcher telah memberi waktu untuk menyelesaikan Perjanjian Baru dan memulakan Perjanjian Lama dalam Lun Bawang. Sementara, penterjemahan Alkitab Kelabit dimulakan oleh Kuda Pengiran. Kuda adalah seorang Kelabit yang telah masuk ke Sekolah Alkitab pada tahun 1949, dan telah membuat draf beberapa kitab-kitab dalam bahasanya sendiri. Apabila orang Kelabit melihat Perjanjian Baru Lun Bawang yang



Seorang wanita Dusun

begitu menarik dan memiliki kulit yang tahan lasak mereka berkeputusan bahasa-bahasa mereka cukup dekat dengan Bahasa Lun Bawang dan mereka boleh memakainya.

Setelah cetakannya, pada mula-mulanya mereka mengalami masalah menggalakkan suku-suku ini untuk membaca dalam bahasa mereka sendiri. Suatu peristiwa yang terjadi di kalangan orang Tagal boleh mewakili daerah-daerah lain di ladang mereka.

Ansaning seorang deakon memiliki Perjanjian Baru dalam Bahasa Melayu dan sangat suka membacanya. Orang ini sedikit angkuh kerana dia mampu membaca dalam Bahasa Melayu. Sewaktu Injil Matius dalam Bahasaanya tiba di kampungnya, dia tidak berminat membeli senaskah. Tetapi, sewaktu dia pergi ke sebuah sekolah Alkitab jangka pendek, semua pelajaran dari

sekolah itu diambil daripada terjemahan Matius dalam Bahasa Tagal. Dia membeli senaskah dengan berat hati dan mulai membacanya.

Kemudian, dia mendapati dirinya membaca Alkitab ini sepanjang waktu di sekolah. Setelah sebulan, dia pulang rumah dan begitu teruja dengan Firman Tuhan yang tertulis dalam bahasanya sendiri apalagi dia mampu membacanya dengan lancar. Ansaning telah membaca Alkitab dalam bahasa sendiri hampir bercanggahan kemahuan hatinya namun dia telah membuktikan bahawa Alkitab dalam bahasa ibunda dapat menembusi hati jauh lebih mendalam daripada bahasa perdagangan yang difahami mereka.

Bahasa seperti dikatakan oleh Edwin Smith dalam judul bukunya, “Adalah bait jiwa seseorang.”



Seorang gadis Kayan dengan tarian traditional pada perayaan Gawai



Seorang lelaki Suku Kelabit

BAB 12

PERKEMBANGAN SPONTAN

Amat Lasong Menginjili Bekas Pengayau

Ansaning memperoleh kehidupan Kristiannya melalui seorang musuh iaitu bekas pengayau yang rela menginjili kampungnya di Sabah. Bapanya, Amat Lasong, pernah menyerang orang Tagal lalu mengayau kepala mereka.

"Saya tidak berani ke kawasan orang Tagal kecuali Tuhan memanggil saya," jelas Amat kepada Pegawai Daerah mereka pada tahun 1952. Dia tahu walaupun mengayau kepala sudah dilarang di sisi undang-undang tetapi dia juga tahu orang Tagal begitu mahir dengan penggunaan racun hutan rimba.



Suku Penan tinggal di hutan dan suka bersembang-sembang hingga larut malam di sekeliling obor api.

Amat seorang Kristian yang berasal daripada suku Lun Bawang mempunyai kerinduan rohani sejak dia masih muda lagi. Apabila dia mendengar khabar angin mengenai keadaan yang dialami oleh Lun Bawang pada tahun 1930-an, dia begitu berminat terhadap mereka. Pada suatu hari, seseorang berkata Tuhan Yesus sudah sampai ke Trusan, dia pun menyiasat akan perkara ini, tetapi sebenarnya itu keluarga Davidson yang baru datang. Berita baik yang didengar oleh Amat sungguh memuaskan

dia sehingga setelah mendengarnya, dia berkeputusan untuk menjadi seorang Kristian seperti yang diajari kepadanya. Beberapa bulan setelah itu, dia mengunjungi mereka untuk belajar dengan lebih mendalam.

Dia mempunyai tingkah laku yang lebih baik dibandingkan ramai orang Lun Bawang yang lain kerana kelaparan rohaninya telah menyebabkan dia menjauhkan diri daripada tabiat kemabukan sukunya. Dia membangun sebuah rumah dengan papan yang dipahatnya sendiri. Apabila orang Lun Bawang yang agak lemah di Trusan menghadapi kesulitan membangun sebuah gereja mereka, dia telah menyediakan lima puluh papan untuk menolong mereka. Kemudian Amat dan orang Lun Bawang membangun sebuah gereja yang kemudian dibakar oleh orang Jepun. Sisa gereja yang terbakar ini dan serpihan gereja yang terbakar dan sebuah gedung baru yang menggantikannya telah menyambut Hudson Southwell sewaktu dia kembali ke Borneo.

Sekalipun Amat sudah berumur hampir 40 tahun, dia masih mengaji ke Sekolah Alkitab. Belajar memang agak sukar baginya tetapi dia banyak mengaji Perjanjian Baru dengan tekun dan Alkitab dibawanya setiap saat. Sewaktu berada di sekolah, dia terbeban menginjili orang Tagal kerana tidak ada mubaligh yang dapat memenuhi panggilan untuk mengajar mereka. Setelah dia menamat pengajian di Sekolah Alkitab, baru dia belajar membaca Bahasa Tagal. Dia menjadi orang Lun Bawang pertama yang mempelopori pekerjaan baru tanpa pertolongan mubaligh. Selain itu dia telah mendirikan gereja di daerah musuhnya.

BEM Dan Amat Menginjili Orang Tagal

BEM dari semasa ke semasa pernah menghubungi penduduk Tagal sewaktu mereka melewati perbatasan-perbatasan kawasan penduduk ini pada 1937 dan beban mereka terhadap mereka sering disebutkan dalam laporan. Suku Tagal dianggap mereka sebagai suku yang kejam, kurang stabil dan hina oleh mereka yang terpaksa meredakan beberapa pemberontakan mereka. Mubaligh-mubaligh dari Indonesia berusaha berkhotbah kepada mereka pada tahun 1930 tetapi terpaksa meninggalkan tempat itu kerana reaksi mereka yang tidak terduga di kalangan mereka. Jelas, kemerosotan mereka dapat dilihat oleh semua orang. Seorang pelawat pada tahun 1948 berkata, "Alangkah sulit menggambarkan kekotoran, kehinaan, penyakit dan kemerosotan di rumah panjang." Namun, dia menyelip satu nota yang ceria tentang kerinduan besarnya untuk mengajar mereka.

Keadaan mereka sungguh merosot kerana mereka ketagihan minuman keras dan memeluk banyak kepercayaan karut serta pantang larang. Wanita yang hamil dan ibu yang menyusui tidak dibenarkan memakan sayur mayur untuk zat besi mereka. Namun, mereka mempunyai banyak kemahiran dan berkemampuan kraftangan yang tinggi. Banyak di kalangan mereka membuat sumpit sendiri dan membentuk kayunya sehingga melengkung sedikit pada hujungnya agar graviti dapat meluruskannya sewaktu mereka melentur sumpit mereka. Mereka juga terkenal dengan tarian lompat-lompat mereka yang istimewa sebelum trampolin menjadi terkenal di Barat.

Walau bagaimanapun, mereka hampir terpusus. Banci pada tahun 1950 menunjukkan jumlah mereka 18,724, dan pada tahun 1930, 5000 telah hilang. Kerajaan mendesak Misi untuk pergi kepada mereka dan berkata, "Situasi di kalangan orang ini sungguh tenat dan satu-satunya pengharapan ialah permulaan pekerjaan para mubaligh di kalangan mereka." Adakah sikap yang diambil kerajaan berpunca daripada perubahan yang ketara yang diperhatikan mereka di kalangan orang Lun Bawang?

Keluarga Belcher telah pergi dengan beberapa murid-murid sekolah Alkitab untuk menghadiri Irau besar (Easter) pada tahun 1950 di Sipitang yang terletak di perbatasan Sabah dari Lawas. Mereka berkumpul dengan lima puluh penduduk Tagal yang telah mengahdirinya sebagai tamu dari pedalaman dan telah melihat perubahan pada orang Lun Bawang beberapa akhir tahun itu. Mereka merayu agar seorang guru diutus kepada mereka tetapi Misi tidak cukup kakitangan. Encik Belcher tidak dapat melihat pilihan lain kecuali untuk mencuba sesuatu. Dia mencadang agar suku Tagal ini memilih satu pasangan muda yang baru kahwin untuk menuntut di Sekolah Alkitab.

Sewaktu Racha dan Amat mengunjungi Meligan, kampung orang Tagal, mereka mendapati lima pasangan sudah bersedia ke Sekolah Alkitab tetapi terhalang kerana padi mereka tidak berhasil akibat pantang larang dan kepercayaan karut. Kampung itu hampir kelaparan dan tidak mampu mendukung mereka secara kewangan. Kawan-kawan di Australia yang dikenali dengan "Kumpulan Hari Jadi" telah bersetuju mendukung kewangan dua pasangan dan oleh kerana itu, Impau, adik penghulu dan Lutus bersama dengan isteri mereka telah masuk Sekolah Alkitab.

Salah seorang guru dalam Sekolah Alkitab telah menulis kepada kawan-kawannya di Australia dan menjelaskan suku Tagal sebagai orang kafir

yang mentah, dan tidak tahu cara menyesuaikan diri dengan kehidupan yang teratur. Kalau saya melihat Lutus datang, dia pasti mahu nasi atau minyak tanah atau garam.

Apabila hari cuti datang, Impau dan Lutus mengumpulkan semua orang Meligan dan menyampaikan apa yang telah dipelajari oleh mereka di sekolah. Penduduk di kampung ini begitu bersemangat sehingga mereka bersedia membangun rumah atau membuka landasan kapal terbang jika mubaligh-mubaligh ingin datang.

Ketika mengambil cuti di Labuan pada bulan Januari 1951, keluarga Belcher telah diundang makan oleh Sir Ralph Hone, gabenor Sabah, dan Encik Combe, residen bagi Labuan dan kawasan pedalaman. Kedua-dua orang ini begitu mengingini Misi memulakan pekerjaan di kalangan orang Tagal dan telah berjanji menghulurkan bantuan untuk memulakan pekerjaan seperti ini.

Kesempatan menjelang ketika Alan Belcher mengunjungi Meligan pada Ogos. 1951. Bersama dengan Lutus dan Impau, dia berkhutbah di beberapa kebaktian selama beberapa hari dan mencari tempat yang sesuai untuk membuat landasan kapal terbang itu. Dia telah mengukur sebuah lapangan yang berukuran 400 ela panjang dan 15 ela luas. Tempat ini sungguh baik kerana tidak ada pokok kayu. Sebelum Alan pergi mengunjungi gereja Lun Bawang di Pa Matang, dia telah menukarkan keluasan nya ke 12 ela. Sebelas hari kemudian dia kembali dan pekerjaan sudah bermula lancar namun projek ini hampir-hampir tergendala.

Penghulu sedang membuat keputusan dan berpendapat bahawa projek itu terlalu besar dan dia ingin membatalkannya. Syukurlah keluasan lapangan itu telah diubah tepat pada waktunya. Tambahan pula, mereka hanya mempunyai enam atau lapan cangkul, kapak-kapak kecil dan beberapa bilah parang untuk mencantas tumbuhan hutan. Tanah hanya boleh diangkat dengan tangan atau penyodok yang dibuat daripada pelepah pokok.

Selain kekurangan peralatan, pantang larang lain berkaitan dengan kehamilan juga menghambat projek ini. Pada waktu ini, lelaki atau wanita tidak dibenarkan untuk menggali kerana ia ibarat menggali kubur! Isteri atau bayi mereka akan mati! Tetapi Impau dan Lutus tidak hanya mengelola pembukaan jalur kapal terbang itu tetapi juga mengajar mereka tentang pembebasan dari kebelengguan yang terdapat dalam

Kristus. Tidak lama kemudian perubahan dapat dilihat, seorang lepas seorang yang pada mula-mula hanya rela menebas rumput, mulai rela menggali tanah. Itu merupakan langkah besar untuk mengatasi kebelengguan pantang larang, dan landasan itu sudah siap tepat pada masanya bagi Bruce Morton untuk melandas buat pertama kali. Beberapa bulan kemudian, Impau dan Lutus serta isteri mereka meminta dibaptiskan, dan ini juga permulaan pelayanan Amat di Meligan.

Amat mengajar dengan tidak mengenal lelah. Empat puluh lima orang bertemu di 'sekolah' setiap pagi dan bekerja di ladang mereka pada tengah hari. Setiap hari mereka mengadakan persekutuan subuh pagi. Pada waktu malam, dia mengendalikan kelas khas untuk mereka yang dipimpin oleh dirinya untuk mengambil peranan pimpinan gereja. Pada Sabtu malam pula, rumah pastor dibanjiri dengan tetamu yang datang dari pondok-pondok di sekelilingnya. Mereka tinggal terlalu jauh dan tidak akan sempat beribadah pada hari Ahad seandainya mereka tidak datang lebih awal. Tidak lama kemudian, rumah-rumah tetap dibangunkan dan lapangan bola sepak dibuka untuk keperluan sebuah masyarakat kecil yang sedang berkembang.

Amat tiba pada November 1952 dan pada bulan Febuari berikutnya dilaporkan bahawa sepuluh pasangan telah dibaptiskan, dua deakon dipilih dan sejumlah orang telah menemani Amat sewaktu dia pergi berkhotbah. Amat menduga orang Kristian yang baru mungkin ingin menyebarkan apa yang diketahui oleh mereka. Selain mengembara, dia juga mengutus mereka setelah mengajar mereka dengan baik-baik. Beberapa lagu rohani yang mengandungi kebenaran dasar diterjemahkan lalu dihafal untuk dinyanyikan

"Apakah tanggapan mereka ketika anda memberitahu mereka tentang Tuhan?" adalah pertanyaan pertama ketika mereka pulang. Apabila seorang mubaligh mendengar tentang jawapan yang diungkapkan, dia merasa malu akan kekurangan keyakinan pada karya Roh Kudus dalam kehidupan orang Kristian muda, dan selalu hanya bertanya, "Apakah anda mempunyai kesempatan berbincang tentang Tuhan?"

Sementara Amat melanjutkan pembangunan gereja di Meligan dan mengurus perkembangan yang kian merebak, para mubaligh, murid-murid Sekolah Alkitab dan pastor pergi ke ladang lain.

Salah satu kumpulan ini termasuk Impau dan Sabilar, isterinya, dan Pastor

Upai Baru yang baru kembali dari Baram Hulu. Mereka berjalan selama enam minggu untuk menaiki pergunungan Pensiangan dan kemudian 114 batu ke Keningau. Beberapa mubaligh yang memakai kasut pasir telah merempuh perjalanan selama enam minggu.

Para mubaligh begitu terpesona dengan sebuah alat yang berbentuk kayu bulat yang mempunyai tujuh lubang di dalamnya dan satu kayu kecil di salah satu lubang yang terukir oleh penduduk di daerah sungai Tagal yang mengalir ke arah Pensiangan. Apakah kepentingan kekafiran yang dibawa oleh kayu ini?

“Kami telah mendengar bahawa orang Kristian memelihara satu hari dalam seminggu. Kami akan mengerakkan kayu kecil ini setiap hari dan pada hari ketujuh, kami tidak akan bekerja.”

Ramai orang telah berjalan sepuluh hari dari Meligan kerana mereka terdengar apa yang terjadi di sana dan ingin mengetahui lebih banyak lagi.

Sepasang mubaligh kini bersedia tinggal di kalangan orang Tagal tetapi suatu masalah yang sulit muncul. Kerajaan sedang mendesak agar Misi itu memberi pendidikan dan bukan hanya ajaran Kristian sebelum mereka beredar ke tempat lain. Misi juga menghadapi masalah yang sama di Limbang sebelum perang. Mereka terpaksa bertungkus lumus di daerah di mana penduduknya tidak memberi respon selama bertahun-tahun sementara mereka yang kelaparan rohani di tempat lain terpaksa diabaikan.

Sekeping gambar dalam suratkhbar “Weekly Times” telah mengubahkan situasi. Sewaktu seorang mubaligh mengunjungi pejabat seorang Residen, dia diundang ke rumahnya pada petang itu. Sewaktu dia ke sana, dia tertarik dengan foto yang begitu menarik.

“Kalau tak salah, saya pernah melihat foto ini pada Weekly Times,” ujarnya.

“Foto ini sungguh indah dan memang wajar diterbitkan.”

Ini disusuli satu perbincangan yang panjang dan mesra tentang subjek yang begitu mesra dalam hati mereka berdua.

Ini suatu peristiwa kecil yang kelihatan seakan-akan tidak penting

tetapi Tuhan telah menggunakannya untuk merapatkan hati Residen serta memberi kesempatan untuk menjelaskan alasan-alasan Misi untuk mengutus sepasang mubaligh ke Meligan dan bukan ke daerah lain yang diinginiya. Dia memberi izinnya.

Setiba di sana, para mubaligh mendapati orang di sana masih terbelenggu oleh adat pemakanan walaupun mereka sudah menjadi orang Kristian selama dua tahun. Sewaktu seorang mubaligh yang menjadi doktor sedang melihat dua barisan pesakit yang begitu panjang, dua wanita berlari-lari tercungap-cungap menaiki tangga yang terikat pada rumah itu. Dalam gendungan mereka masing-masing, seorang bayi yang sakit dan kurus. Kedua-dua ibu dan bayi mereka kekurangan darah. Beberapa pil zat besi mungkin dapat menyembuh wanita itu sementara bayi-bayi itu seperti tidak mempunyai pengharapan. Walau bagaimana pun, doktor itu tidak mahu mereka berhutang dengan pedagang Cina di pantai di mana mereka membeli pil besi mahal apabila mubaligh tidak ada di sana. Dia memanggil penghulu dan memberitahu mereka bahawa mereka harus menyediakan lebih banyak sayur mayur tiga kali sehari untuk wanita-wanita ini.

“Kami akan mati,” mereka merengut ketika teringat semua pantang larang mereka dengan jelas tetapi mereka sudah menjadi Kristian kini dan mereka telah dirayu untuk memakannya.

Pada akhir minggu yang keempat, wanita ini dapat memanjat tangga kayu yang terikat itu tanpa terengah-engah, tambahan pula, seorang bayi bertambah baik kesihatannya. Dalam satu tahun, kesihatan seluruh daerah itu telah bertambah baik. Berita-beritanya pun tersebar, dan orang kafir telah memecahkan kebelengguan pantang larang itu. Kini, mereka sedang menanam sayur dan memakan sayur mayur, dan rindu akan lebih banyak pengajaran. Injil menghasilkan kesan sihat dan ini merupakan jambatan ke daerah-daerah lain.

Pada waktu Impau menamat pengajiannya, penghulu di sana mendesak agar adiknya yang lebih muda kembali ke Meligan. Amat pun berpindah ke Ulu Tomani dengan menempuh perjalanan dua hari lalu mendaki gunung ke daerah timur. Mereka telah mendengar bahawa penduduk Meligan sedang meminta seorang pastor. Mereka mengungkapkan kesediaan mereka untuk menyaranya dan telah membangun sebuah rumah. Sebanyak lima puluh keluarga secara ramai-ramai telah berpaling kepada Kristianiti namun segera terjadi serangan balas. Semangat menggebu-

gebu serta langkah iman besar untuk berpaling daripada ketakutan akan roh-roh segera digantikan keadaan suam-suam. Kehadiran di gereja setiap minggu, pelepasan daripada kemabukan dan perzinaan, kerelaan mengkhabarkan iman mereka, semua ini telah menggantikan iman yang murni dan akhirnya menjadi satu kebiasaan rutin sahaja. Keperluan saat itu ialah untuk mengajar mereka dengan segera.

Pada 1958, mubaligh meminta izin untuk memasuki daerah dari Ulu Tomani hingga ke lembah Padas lalu terus ke Tenom setelah menerima panggilan yang bertubi-tubi selama tiga tahun. Pegawai Daerah begitu terkejut dan waswas terhadap permintaan itu, dan berasa misi itu sedang berkelakuan secara agak tersembunyi-semunyi.

“Padahal kamu sudah masuk ke kawasan ini,” dia berkata dalam suara yang jengkel.

Bagaimanapun Misi sangat berhati-hati agar tidak berkhotbah di seluruh daerah kerana mereka tahu kerajaan masih begitu peka terhadap pembahagian daerah. Walau bagaimanapun orang Tagal dari Ulu Tomani telah melintasi lembah ini untuk berdagang, dan Tagal dari Meligan telah ke Padas untuk mendapat pekerjaan.

“Kita tidak boleh menghentikan orang Tagal daripada bercakap,” itulah pendapat para mubaligh. Pegawai daerah dengan berat hati bersetuju bahawa itu perkembangan yang spontan dan tidak ada yang dapat menghalanginya. Izin telah diberikan kepada BEM untuk memasuki daerah itu secara rasmi.

Dengan segera, setiap sudut daerah meminta seorang pastor. Kampung lepas kampung, telah membangun rumah pastor dan gereja kecil, serta meminta pastor untuk ke sana untuk mengajar. Permintaan yang paling menarik datang daripada kumpulan yang terdiri daripada seratus hingga dua ratus orang di Muara Tomani. Sebuah gereja telah bertumbuh akibat khutbah seorang deakon yang pernah jatuh dalam dosa.

Sepuluh tahun sebelum ini, orang ini pernah menjadi deakon di gereja Hilir Trusan. Dia telah jatuh dalam dosa dan telah didisplin oleh gerejanya. Walaupun dia malu tetapi dia enggan bertaubat, dan telah bekerja di pejabat kerajaan di daerah Tagal. Setelah lapan tahun, Tuhan telah bertemu dengan dia.

Permintaan untuk pastor tidak hanya terbatas pada daerah Padas sahaja. Tidak lama kemudian, permintaan datang dari daerah Keningau, iaitu tiga jam perjalanannya ke Tenom. Seorang Kristian yang baru telah mengunjungi saudara maranya di sana telah memberitakan Injil dan mereka mahu menjadi Kristian. Untuk memasuki pedalaman, mereka mengambil empat hari, dan di sana mereka telah mendengar Injil daripada seorang Lun Bawang dan mereka juga ingin seorang pastor.

“Di kalangan mereka, api yang hangat telah dinyalakan. Api belukar mula menyala di suatu daerah yang kecil kemudian merebak serta membakar dengan sangat hangat. Api yang tidak dapat dikawal merebak berbatu-batu jauhnya ke semak.”

Pengajaran begitu penting kerana api yang tidak terkawal itu kadangkala membawa beberapa keanehan yang terkenal di kalangan orang Tagal. Selain pengajaran di Meligan, deakon-deakon orang Tagal juga pergi ke sekolah suku Lun Bawang. Pada 1956, sekolah orang Tagal diadakan selama sebulan di Meligan dan kemudian menjadi peristiwa tahunan. Pada tahun 1959, sekolah itu diadakan di kampung seorang bekas deakon Lun Bawang.

Pada akhir pengajian sekolah itu, sebuah pertemuan istimewa telah diadakan. Hasil dari pertemuan itu, 20 peratus anggota bersetuju untuk meluankan bulan pertama 1960 untuk menginjili daerah yang jarang dijangkau Injil, tetapi permintaan untuk pengajaran juga agak mendesak. Ini bererti beberapa deakon akan memberi dua bulan atau lebih untuk belajar lalu menyalurkan apa yang dipelajari mereka. Bagaimana pula dengan ladang mereka? Anggota-anggota gereja asal mereka bersetuju untuk menjaga ladang mereka ketika mereka tidak ada di sana.

Suku Penan Suka Berkumpul Di Sekeliling Obor Api Dan Bersebang

Sementara itu, satu perkembangan semula jadi terjadi di kalangan orang Penan, suku pengembara di Sarawak.

Suku Penan ini tinggal di hutan rimba yang paling terpencil dan mereka hanya tinggal sementara di pondok-pondok kecil yang dibuat daripada ranting dan pelepah daun. Mereka akan memilih tempat yang bertumbuhan sago liar dan mempunyai permainan yang cukup. Kalau

semua ini sudah habis, mereka akan berpindah lagi. Ketakutan mereka akan matahari yang akan mencairkan otak mereka dan roh-roh sungai, menyebabkan mereka tidak pernah meninggalkan rimba yang tebal melainkan untuk menghadiri perkumpulan dagang (tamu). Di sini mereka bertukaran damar dengan kuali, kalungan, kain dan garam.

Wajah mereka menyerupai suku-suku lain di daerah yang sering dirantau oleh mereka. Potongan rambut mereka sama dengan suku Kelabit, suku Kenyah dan suku Kayan, yang berbentuk mangkuk orang Cina namun tidak dijaga rapi. Kadangkala telinga mereka terjuntai anting-anting tembaga yang berayun-ayun. Selain itu, telinga yang panjang ini juga ditusuk dengan kayu-kayu kecil yang ringan. Inilah yang membezakan mereka. Suku Penan ini juga pucat seperti adunan kerana mereka terlindung di bawah rimba yang tebal. Mereka cuma bercawat sahaja. Beberapa kalung manik bergantung pada leher mereka dan mereka memakai lalang-lalang yang anyam di bawah lutut mereka. Di sini mereka menggantungkan diari atau kalendar mereka, setiap anyaman melambangkan satu hari. Kaki mereka mempunyai luka-luka gigitan lintah darat, garutan dan parut-parut akibat pemburuan dan permainan liar.

Suku Penan ini bergerak dalam hutan rimba dalam kumpulan-kumpulan yang berjumlah sepuluh hingga ke empat puluh. Mereka hanya beberapa ribuan sahaja. Mereka selalu dipandang rendah oleh jiran-jiran mereka yang lebih halus dan tidak berpindah randah sehingga mereka sering dipergunakan oleh mereka. Namun setelah suku Kelabit, Kayan, dan Kenya menjadi Kristian, mereka mulai mengambil berat akan suku-suku pengembara yang dipandang rendah ini. Beberapa bulan setelah menjalin perhubungan dengan suku Penan di sungai Silat ini, iaitu anak Sungai Baram, maka dilaporkan bahawa orang Kenyah sungguh-sungguh terbeban untuk keselamatan suku Penan ini.

Di Apoh, pada tahun berikutnya, beberapa orang sudah menjadi Kristian setelah diajar oleh orang Kelabit. Yang lain meminta pula deakon-deakon Kayan dan budak-budak sekolah untuk datang menolong mereka membuang azimat mereka dan mengajar mereka tentang Tuhan.

Injil telah bergerak di hutan rimba dengan sunyi dan tidak kelihatan seperti suku Penan bergerak di hutan rimba, dan kita tidak tahu di mana mereka mendengarnya. Mereka tiba-tiba muncul kadangkala untuk ajaran lalu hilang beberapa bulan.

Satu perkembangan besar dalam pekerjaan Penan terjadi pada 1955 apabila seorang Penan muda meluangkan dua tahun dan berusaha menyesuaikan diri dengan kehidupan di sekolah dengan orang Kenya di Lio Matu setelah dia berkeputusan bahawa Tuhan telah memanggil dia ke Sekolah Alkitab. Tahun berikutnya persidangan Misi berkeputusan bahawa para mubaligh mesti belajar bahasa mereka dan merumuskannya dalam tulisan. Ini dilakukan di Lio Matu kerana itu pusat dagang yang besar bagi suku Penan. Sebelas orang Penan yang datang daripada pelbagai kumpulan telah datang untuk pengajaran dengan matlamat kembali mengajar kumpulan mereka. Mereka menjual hasil daripada hutan untuk mendukung diri mereka walaupun ini bererti penyesuaian yang besar, seperti yang disaksikan oleh salah seorang mereka:

“Penduduk kampung saya bertanya kenapa aku tidak mahu tinggal dengan mereka dan makan banyak khinzir (babi), tetapi saya mahu belajar lebih banyak tentang Tuhan walaupun ini bererti tidak memenuhi kerinduan untuk daging.”

Masalah besar ialah penyakit yang sering menjangkiti mereka yang berpunca daripada kehidupan yang lebih teratur, dan pembelajaran sering terganggu. Selama lima bulan, bahan-bahan bacaan disiapkan dan buku kecil yang memuat ayat-ayat Alkitab telah diterjemahkan dan kumpulan Penan ini mulai membacanya. Pada waktu ini juga, orang-orang Penan lain datang bukan hanya untuk berdagang tetapi untuk menerima ajaran. Mereka belajar sebanyak mungkin sebelum kelaparan membawa mereka kembali ke hutan rimba.

Mubaligh yang dipanggil oleh Tuhan untuk memelihara dan mengajar suku yang berpindah randah ini pada pertama kali ditugaskan di Kayan, di Long Bedian, hulu dari Long Atip. Satu hari, dia ditanya oleh seorang wanita Penan tua yang pekat, “Apa maksud semua doa ini?”

Sewaktu mubaligh berteriak Injil dalam telinganya, dia membuka hatinya kepada Tuhan. Wanita yang panjang lampai ini mempunyai gigi yang patah. Dia sering mengarut kepalanya dengan sepuluh jarinya, dan hanya memakai coli sahaja tetapi Tuhan Yesus sudah tinggal di hatinya dan dia telah mendapat kepastian penyelamatan sehingga dia dapat memberitahu yang lain dalam hutan rimba.

Orang Penan tidak tahu hidup yang teratur. Para mubaligh memerhatikan bahawa mereka pun jarang tidur. Kadangkala mereka akan berduduk di

sekeliling obor api, bersebang –sebang dan makan sepanjang malam. Mereka juga berbincang tentang Khabar Baik dengan sesama sambil bercakap-cakap.

Pada tahun 1958 sebuah sekolah dimulakan di Long Bedian. Sekolah itu merupakan persiapan tidak formal untuk orang Penan yang merupakan bakal murid-murid bagi Sekolah Alkitab.

“Empat puluh orang Penan yang baru muncul dari hutan rimba mula belajar untuk menyanyi. Mereka semua sedang menyanyi lagu rohani sama dalam 40 nada yang berlainan” adalah pendahuluan laporan sekolah ini. Mereka mempelajari Injil Markus yang baru diterjemahkan, dan mereka belajar membaca dan menulis. Mereka mempelajari Bahasa Melayu dan Ilmu Hisab yang mudah. Laporan itu dilanjutkan, “Mereka sekarang tahu harga tiga bakul damar dan tidak perlu memakai jejeri tangan dan kaki atau jejeri kaki jiran mereka.”

Sedikit pengetahuan tentang hitung menghitung sangat berguna khususnya apabila musim buah keras menjelang. Pohon-pohon buah ini hanya akan berbuah sekali dalam enam atau tujuh tahun. Sekolah akan menjadi kosong ketika musim mengutip buah ini kerana banyak permintaan daripada pembuat coklat. Empat minggu kemudian, mereka akan kembali dengan lelah tetapi sangat gembira. Bakul-bakul yang dibuat dari buluh dipenuhi buah-buah ini disusun baris lepas baris.

“Baris ini kepunyaanku, yang kedua ini kepunyaan Geng, yang kecil ini milik Sigang. Dia tidak sekuat kami.”

“Dan bakul yang terbesar ini kepunyaan siapa?”

“Oh! Itu kepunyaan Tuhan yang kami sisihkan setiap minggu.”

“Dan yang besar ini?”

“Ini milik Nyipin. Kakinya terjangkit penyakit dan tidak dapat sebiji pun, jadi setiap kami memberi dia sedikit buah.”

Setelah mereka menerima \$400 ringgit daripada orang tengah, mereka berpuratanya sehingga setiap orang memberi \$27.50, maka mereka mempunyai \$100 untuk diberikan dengan penuh pujian.

Injil Menyebar Dengan Semula Jadi

Injil telah merebak secara semula jadi dari mulut ke mulut di kalangan suku ini dan demikian juga tersebar di kalangan orang Tagal yang berdagang, mencari pekerjaan, mengunjungi saudara mara atau sewaktu mengadakan pertemuan yang tidak rasmi di hutan. Aktiviti-aktiviti ini telah menyediakan jambatan-jambatan ke daerah-daerah yang baru. Injil bergerak ke selatan Sarawak melalui cara demikian.

Ajaibnya, seorang Kenya akan berjalan sepuluh hari dari Hulu Baram untuk mengunjungi saudara maranya di daerah Balui. Orang-orang ini kafir dan saudara mara mereka orang Kristian. Dia telah menimbulkan keinginan mereka untuk mengikut Kristianiti dan mengajar mereka beberapa lagu rohani. Dalam tempoh beberapa tahun, sebuah gereja yang terdiri daripada sebelas keluarga dan beberapa orang lain juga berminat mengenal Kristianiti. Ini terjadi di Long Geng di mana keluarga Cunningham menerima undangan mengajar ke sana, dan di sini mereka menemui dialek yang paling baik untuk menterjemahkan Perjanjian Baru Kenya.

Sup sarang telah menjadi saluran bagi Injil di kawasan sungai di pedalaman Tatau, Belaga. Seorang suku Kayan telah memiliki beberapa sarang burung di Hulu Tatau yang memerlukan perjalanan tiga hari dari rumah panjang untuk mengambilnya di sana.

Apabila dia memugut sarang ini, dia mengunjungi rumah panjang untuk menyampaikan sedikit daripada pengetahuannya mengenai Khabar Baik. SIB dan BEM kemudian menerima sepucuk surat daripada beberapa orang puta, suku Beketen kecil yang meminta pengajaran. Satu rombongan diutus ke sana dan mereka menghadapi cabaran rohani kerana orang-orang yang kasar serta memiliki badan yang dicacar, dan bertelingga panjang bergelut untuk dibebaskan daripada roh-roh.

"Jangan kita terburu-buru, biarlah kita perlahan-lahan mengucapkan selamat tinggal kepada roh-roh ini," demikianlah nasihat dukun-dukun, dan oleh kerana itu perasaan ragu-ragu berlanjutan.

"Catatkan nama saya terlebih dahulu," kata seorang dukun yang akhirnya berpendirian tegas.

"Aku ingin menjadi seorang Kristian," ujar dia.

Kebelengguan diputuskan dan semua orang mengikutnya.

Penyebaran terjadi secara spontan namun para mubaligh juga melayani dan menginjili mereka. Di daerah Dusun, mereka bergerak dari Ranau ke timur Labuk. Di daerah kelima di Sarawak, kunjungan telah dibuat ke Limbang, dan dua puluh tahun kemudian pekerjaan telah dibuka semula di Limpasong oleh sepasang mubaligh. Para mubaligh telah pergi membuka satu pusat di pertengahan Barang di Long Lama. Para mubaligh dan orang Kayan telah menerima panggilan dari Bintulu.

Di daerah Belaga, para mubaligh dan para pastor telah bergabung untuk membuka pekerjaan di kalangan penduduk Sekapan dan mubaligh-mubaligh telah menuju ke kawasan kemasukan di daerah Bintulu. Dengan semua ini dan perkembangan yang lain, maka dijangka bahawa pada permulaan 1960-an, kuasa pengaruh BEM akan mencakupi daerah yang berjumlah 100,000 orang dan kebanyakan mereka orang Iban.



Suku Penan tidak ketinggalan untuk diinjili melalui kapal terbang di Long Tebangan.



Suku Penan bersembang-sembang dengan mubaligh.

BAB 13

KENAPA BUKAN ORANG IBAN?



“Kenapa kamu melihat ular itu?” jerit seorang Iban. Labo Tadam, seorang pastor yang bersuku Lun Bawang sedang menolong sekumpulan orang Iban berdekatan Padan di ladang mereka. Mereka baru sahaja memeluk Kristianiti dan mereka mahu agar Labo tinggal bersama mereka kerana mereka masih takut akan adat lama. Selain itu, pelayanannya disokong oleh mereka. Seekor ular baru masuk ke dalam sebatang kayu yang kosong dan menurut adat mereka, ini menggambarkan maut. Perbuatan Labo memandang ular bererti seseorang akan mati sebelum musim menuai.

“Jangan kkuatir, saya memahami akan hal ini,” jawab Labo. “Adat kami juga begitu tetapi kami tidak takut kuasa roh sekarang.”

Dia berdoa bersama mereka dan berasa lega tetapi ketakutan masih terngiang-ngiang di telinga mereka. Ketakutan mereka lenyap setelah hasil tuaian mereka dipungut pada musim tuaian.

“Sekarang aku tahu Tuhan engkau sungguh berkuasa,” kata pemilik ladang. “Dalam adat lama kami, saya tidak mungkin dapat hidup sebelum padi kami dituaikan.”

Penduduk yang tinggal berdekatan dengan daerah Pakan begitu gembira tinggal bersama Labo. Sebuah laporan Pakan 1960 melaporkan dua pastor Lun Bawang dan isteri mereka sedang belajar Bahasa Iban. Mereka sangat disayangi oleh orang yang di bawah pengembalaan mereka. Beratusan penduduk di daerah sana telah menjadi pengikut Tuhan Yesus menurut laporan ini.

Pelayanan di Pakan tetap diteruskan kerana masih ada ratusan orang yang belum mempercayai Tuhan. Beberapa mubaligh dan pastor telah ke sana untuk mengajar sekumpulan orang Kristian kecil sambil menginjili seluruh daerah itu.

Pada Ogos 1965, sekumpulan orang Iban telah dihubungi di hulu sungai Niah, kawasan Selatan Sungai Miri. Dua gembala Lun Bawang yang berbahasa Iban telah menemani Percy King, mubaligh OMF, yang diutus dan diupah BEM pada tahun 1963 untuk melayani orang Cina. Memang pun, dia pernah mendengar tentang orang Iban sewaktu berada dalam perjalanan dari Miri dalam rangka mengunjungi orang Cina. Pastor dan para mubaligh BEM kemudian mengunjungi daerah ini. Pada tahun 1966, kumpulan ini dilaporkan sudah bersedia membuang azimat mereka. Mubaligh yang melawat ke sana menulis, “Kami telah masuk dari satu bilik ke satu bilik yang lain untuk mencari, mengumpul, membaca firman dan berdoa bersama dengan mereka, menyanyi lagu-lagu rohani serta menghalau roh dalam Nama-Nya dan darah Tuhan Yesus. Ini menelan lima jam. Kami begitu letih dalam roh dan jasmani kami. Kami semua berkumpul untuk membakar semua barangan yang digunakan untuk penyembahan iblis. Ini saat yang istimewa, mereka menyaksi api menjilat semua barangan kepercayaan karut mereka.

Setelah mengunjungi rumah panjang lain, mereka kembali ke rumah panjang tadi dan mendapati suasana rumah sana sungguh murung kerana anak lelaki seorang pemimpin telah jatuh sakit

“Apakah yang harus kami buat?” tanya mereka. Semua azimat yang boleh digunakan untuk menyembuh anak ini sudah termusnah.

Mubaligh tidak pernah menghadapi keadaan seperti ini. Mereka mengajak penduduk ini untuk berdoa, peristiwa ini memang menguji iman mereka. Dia berdoa agar Tuhan menyatakan kuasa-Nya dan kasih-Nya melalui cara yang boleh difahami oleh mereka serta menguatkan iman mereka yang masih lemah.

“Setelah aku berdoa, aku mencabar Tuhan untuk membangunkan dia di depan mata mereka,” katanya. Selama tiga minit, dia tidak bergerak tetapi tiba-tiba dia bangun lalu berlari kepada ibunya. Aku bersorak-sorak dengan gembira.”

Pastor-pastor yang melayani kelompok Iban yang terselerak ini bukan hanya terdiri daripada orang Lun Bawang tetapi juga seorang Kenyah yang berbadan besar. Dia telah pergi melayani orang Iban di Bakong yang berdekatan anak sungai Baram padahal bangsa Iban ini bekas pengayau yang pernah menjadi musuhnya. Sekalipun mereka telah menjadi Kristian setelah dikunjungi oleh orang Kristian, pastor-pastor tetap berasa takut akan mereka. Siapa tahu kalau mereka tidak berhati-hati dan tidak sengaja menaikkan darah mereka? Penduduk ini memang terkenal dengan sifat yang cepat naik darah. Pastor dan isterinya disambut dengan mesra tetapi keadaan kehidupan mereka di sana sangat susah. Mereka terpaksa berkhemah di serambi bersama anjing, ayam sabung dan ayam-ayam kampung lain. Golongan Kristian baru ini hanya menerima sedikit pengajaran tentang kebersihan dan kesihatan. Isteri pastor pula terpaksa berulang alik untuk mencuci pakaian mereka.

Orang Iban begitu berminat tetapi kebaktian mereka tidak teratur. Mereka meminta ajaran bagi anak-anak mereka dan juga ajaran bagi diri mereka sendiri setiap malam bahkan mereka akan menahan gaji pastor jika mereka hanya mengajar kanak-kanak mereka selama empat jam. Gaji akan dibayar kalau mereka tidak mengajar seperti jadual sekolah kerajaan. Walau bagaimanapun sambutan mereka sewaktu mereka berada di sana dan setelah mereka kembali masih terngiang-niang di telinga rombongan ini.

Persahabatan dengan orang Iban di Lubai diperbaharui pada tahun 1960-an. Kali ini mereka lebih berminat pada Injil tetapi mereka masih lebih berminat dalam pendidikan. "Tolong mendidik pemuda-pemudi kami. Mereka sudah mendengar berita anda dan mereka mahu menjadi orang Kristian. Kami terlalu tua dan sudah berakar umbi dalam kehidupan kami. Sukarlah kami berubah."

BEM lagi sekali tercabar oleh orang Iban setelah dua puluh tahun. Di kalangan mereka memang ada beberapa gelintir orang yang memberi respon dan beberapa kumpulan-kumpulan lain yang sedang berusaha mempertahankan cara kehidupan Kristian di tengah-tengah masyarakat orang kafir. Selain itu, mereka tidak ada perhubungan alamiah dengan gereja-gereja SIB kerana mereka jarang dikunjungi kerana mereka tinggal begitu jauh. Suku Lun Bawang, Kenyah, Kayan, semua berusaha untuk menginjili pengayau yang pernah menjadi musuh mereka. Mereka sedang bekerja di kalangan suku yang berjumlah 300,000 orang dan membentuk 30 peratus penduduk Sarawak menurut banci 1970. Suku Iban di Limbang yang pernah menolak Injil masih terukir pada ingatan mereka. Mereka berpendapat bahawa golongan ini sesungguhnya berlainan.

Ternyata perbezaannya hanya pada angka sahaja. SIB mempunyai banyak gereja di kalangan suku Dusun di Sabah tetapi di Sarawak mereka hanya merupakan suku kecil di gereja. Suku Iban mendominasi kebudayaan di Sarawak. Orang-orang Cina mempelajari Bahasa Iban supaya mereka dapat berkomunikasi dengan orang Iban. Suku Lun Bawang yang menetap di hilir Limbang juga mempelajari Bahasa Iban untuk berkomunikasi dengan mereka yang di menetap hulu sungai. Struktur masyarakat orang Iban juga agak berlainan.

Derek Freeman dalam monografinya mengenai orang Iban melukiskan mereka sebagai orang yang tidak dapat dikuasai, agresif serta angkuh dalam pembawaan mereka. Mereka juga kekurangan kemampuan untuk menurut dan menghormati pemimpin. Sekalipun mereka tinggal dalam rumah panjang seperti kebanyakan suku yang lain, Freeman menjelaskan bahawa, "atap yang sambung menyambung telah menyembunyikan kenyataan bahawa orang Iban pada dasarnya terdiri daripada keluarga yang suka bersaing dan mereka mempertahankan hak masing-masing." Bilik keluarga merupakan unit yang mustahak dan agak lumrah untuk anggota keluarga berpindah ke sana jika ada ikatan kekeluargaan. Setiap

bilik itu berdikari dalam ekonomi dan corak kehidupan. Ini membuat corak BEM/SIB yang memerlukan setiap suku mendukung pastor sendiri, dan pastor-pastor yang melayani di situasi ini mengalami kesusahan.

Tambahan lagi, suku Iban ini mempunyai adat yang kuat. Adat mereka lebih menonjol daripada suku-suku lain. Penduduk Iban yang mengalami perkembangan mampu menerima modernisasi dan pendidikan tanpa keluputan struktur dan nilai-nilai masyarakat tradisional mereka. Baru-baru ini seorang Iban yang belajar di luar negeri telah kembali untuk menguruskan adat istiadat pengembungan bapanya.

Penginjalan Di Kota

BEM dan SIB lebih memusatkan perhatian mereka di situasi pedalaman padahal banyak Iban sedang tinggal kota-kota berdekatan pantai dan jalanraya-jalanraya yang baru mulai dibina melintasi seluruh daerah. Pada tahun 1960-an, Misi telah menghadapi cabaran yang baru daripada orang Iban. Mula-mula hanya setitis namun tidak lama kemudian ia membual menjadi banjir, suku-suku ini membanjiri kota-kota yang berkembang.

Sekolah-sekolah menengah mula menjamur di seluruh daerah itu. Pada tahun 1954, Hudson Southwell yang selalu giat dengan pertumbuhan aktiviti Misi, mahu mengundur dari BEM untuk memenuhi cabaran-cabaran baru kaum generasi yang lebih muda dan berpendidikan. Dia memimpin satu projek perkembangan masyarakat di Long Lama. Di sana, dia dapat melayani keperluan orang muda yang telah berpindah dari kampung untuk melanjutkan pendidikan. Walaupun ini bererti perpisahan dalam satu pengertian, mereka tetap bergotong royong dengan BEM ketika ia bergerak ke situasi kota.

Pada tahun 1961, beberapa pasangan mubaligh BEM mula melayani di kalangan pemuda di sekolah kerajaan Miri. Pihak kerajaan begitu rindu melihat pemuda-pemudi ini menerima pengaruh yang baik kerana mereka akan terdedah kepada kebahayaan apabila mereka menceburi kehidupan di pantai. Pelayan ini memulakan kunjungan ke Sekolah Menengah Limbang dan pada tahun 1963, sebuah sekolah dibuka di Marudi. Di sini, para mubaligh mendapati ramai penuntut Kayan, Kenyah, dan Kelabit yang terdiri daripada sepertiga penuntut yang berminat menyertai persekutuan. Apabila Sekolah Menengah Bario dibuka di pergunungan

Kelabit, kunjungan diadakan di sana juga.

Biasanya hanya para juruterbang dan isteri mereka akan mengunjungi mereka pada akhir minggu tetapi ini tidak mungkin dilakukan dari Lawas tanpa kemudahan pengangkutan kapal terbang. Kunjungan-kunjungan ini adalah aktiviti tambahan selain daripada program padat. Sesungguhnya, anggota BEM memeras segala tenaga mereka untuk menjangkau gereja-gereja pedalaman dan daerah yang belum diinjili.

Persidangan yang diadakan dua tahun sekali pada Julai 1962 telah menyiasat keadaan itu. Wakil-wakil mubaligh menceritakan kemajuan dan kekecewaan mereka. Sebuah gereja yang penting dan bersemangat telah muncul tetapi gereja di Baram begitu malu dan takut. Di daerah-daerah yang lain, perkembangan diikuti oleh gejala suam-suam di gereja. Laporan yang selanjutnya berbunyi demikian: "Banci 1960 telah menunjukkan pertumbuhan orang Kristian pada dekad terakhir ini bukan disebabkan oleh mubaligh asing tetapi akibat penyebaran Injil oleh penduduk tempatan yang telah menghasilkan "gerakan kelompok." Inilah cara yang digunakan oleh Tuhan bagi penduduk ini. Pekerjaan Tuhan seperti ini mudah menjadi kering oleh kerana ini tanggungjawab berat yang terletak pada bahu SIB dan BEM."

Racha Umong telah memberi pernyataan tentang prioriti BEM pada suatu persidangan yang dihidirinya di Australia pada tahun itu.

"Satu perkara yang terpenting dalam pekerjaan kita ialah penyampaian Injil kepada mereka yang baru percaya dan kepada mereka yang masih kafir serta menterjemah firman Tuhan dalam setiap bahasa. Mintalah kepada Tuhan untuk mengutus mubaligh-mubaligh yang tepat ke Borneo agar mereka boleh menterjemah firman-Nya dan mengajar umat di sana. Pekerjaan seperti ini sangat penting kepada Borneo pada hari ini."

Sebulan kemudian pada Disember 1962, pemberontakan tercetus di permukaan bumi Borneo yang aman dan pelayanan menjadi sangat sulit. Perubahan telah menjelang segera tanpa disedari. Mungkinkah perkara seperti ini menjadi lebih rumit pada masa yang akan datang. Sudahkah gereja bersiap sedia? Adakah Misi sudah terlambat menyerahkan tanggungjawab dan pekerjaan penterjemahan sehingga apabila ranga dihapuskan, adakah bangunan ini akan terombang ambing? Perpindahan sementara para penuntut dan kakitangan Sekolah Alkitab Lawas juga

mencetuskan banyak fikiran.

Suasana ini memang nyata di kawasan pedalaman di mana konfrontasi dengan Indonesia tercetus. Pencerobohan ini membawa askar-askar kembali ke perkampungan yang terpencil ini. Landasan-landasan kapal terbang lama telah diperpanjangkan dan yang baru dibangunkan. Kapal terbang Misi yang sangat terbatas gerakannya kini digantikan helikopter-helikopter tentera dan beberapa kapal terbang perang yang merondai langit. Apakah perubahan lain diperlukan?

Lawas telah dipilih menjadi pusat SIB dan di sini juga terletak Sekolah Alkitab, Ibu Pejabat Misi dan Pusat Program Penerbangan. Perlukah mereka mengurangi kegiatan mubaligh di Lawas agar SIB berpeluang berfungsi sendiri? Cadangan ini dikemukakan kepada beberapa mubaligh namun mereka berkata waktunya belum matang lagi. Keadaan gereja menjadi pokok kekhuatiran sewaktu persidangan diadakan sebelum pemberontakan Brunei, maka ini satu petunjuk bahawa ini bukan waktu untuk mengambil tindakan perubahan radikal.

Suara bulat telah tercapai dan cadangan itu pun dibatalkan namun perbezaan pendapat telah menimbulkan ketegangan. Ketegangan itu telah membawa padah kepada kerohanian.

Tuhan Bersabda Kepada Alan Belcher

Pada tahun 1964, satu persidangan lagi telah diadakan namun suasananya sungguh sunyi. Alan Belcher yang dipilih sebagai Tuan Pengerusi selama dua tahun lagi telah menulis, "Pada Persidangan Pengutusan tahun 1950, kami telah dibimbing untuk mempertimbangkan sama ada tugas yang diberikan oleh Tuhan kepada kami sudah selesai...sekarang sudah 14 tahun, kami melihat gereja SIB memang ada perkembangan dari segi peraturan, organisasi, dan pelayanan. Dari segi keperluan kewangan, mereka tidak lagi tergantung pada BEM lagi. Ini satu perkembangan yang besar tetapi Alan menanyakan sejauh manakah mereka sudah menyelesaikan tugas mereka. Jawapan itu telah diberikan dalam minit laporan Persidangan SIB.

Sewaktu kami merancang masa depan Misi, sasaran untuk membentuk sebuah gereja dewasa dan yang dipenuhi oleh Roh Kudus sangat

diperlukan agar pekerjaan yang diberikan oleh Tuhan dapat diselesaikan. Kami belum berjaya dalam hal ini. Kami mengakui bahawa ini berpunca daripada kegagalan kami untuk hidup dalam kelimpahan Roh Kudus. Kami mengucapkan syukur kepada Tuhan yang telah mencelik mata kami pada waktu keperluan rohani yang besar. Dengan demikian, kami menyerahkan diri kepada Tuhan untuk diperbaharui supaya tujuan panggilan-Nya ke Borneo tercapai.”

Doa tentang pembaharuan ini telah dijawab oleh Tuhan menurut waktu-Nya pada tahun 1970-an. Walau bagaimanapun para mubaligh tetap bertungkus lumus dengan tugas penterjemahan dan program latihan yang begitu penting untuk melengkapi gereja agar dapat berdikari.

Pelayanan di pantai sungguh mencabar namun tidak ada seorang pun dapat ditempatkan di sana, akan tetapi pendidikan yang semakin meningkat dan kemampuan membaca yang lebih tinggi menjadikan surat menyurat semakin menarik bagi mereka yang tinggal di kota-kota. Pada tahun 1974, 134 orang menyertai kursus mengaji Alkitab ini dan pelayanan ini bukan satu-satunya tugas sampingan bagi mubaligh yang sudah mempunyai program lain yang penuh. Namun, apabila Dr. Bill Hawes tiba pada tahun itu, situasinya berubah.

Panggilan Bill ke Borneo disebabkan oleh minatnya yang semakin meningkat sewaktu dia berada di Negara Inggeris. Encik John Smith yang menjadi Setiausaha Kehormat pada tahun 1957 telah mengikut cara kerja Harold McCracken. Dia telah melayani Misi dari pejabat sendiri serta mengupah seorang setiausaha untuk meniad. Pada tahun 1962, Encik Lesley Hobb dilantik menjadi Setiausaha Pejabat sepenuh waktu, dia telah menggunakan tempat yang sama. John banyak pergi merantau dan menceritakan mengenai Borneo pada waktu lapangnya. Beberapa mubaligh yang lain dari Negara Inggeris turut menyertai mereka.

Bill ialah seorang doktor dari Universiti London yang terbeban khusus untuk mengajar Alkitab.

Dia berkata, “Sewaktu aku masih menuntut dalam bidang perubatan, aku tahu aku tidak saja dipanggil dalam perubatan tetapi juga untuk mengajar Alkitab. Apabila aku menghubungi BEM, aku mengetahui Misi mempunyai pelayanan mengajar Alkitab. Pengajaran Alkitab diadakan di Sekolah Alkitab di kampung dan juga demi membangun gereja di Borneo.”

Hal ini ditekankan oleh fakta bahawa Bill menghubungi BEM tepat pada waktu mereka sedang berdoa. "Hampir pada minggu yang sama, mereka juga sedang mendoakan kedatangan seorang doktor dengan panggilan khusus untuk mengajar." Ini kelihatan seperti permintaan yang aneh tetapi ini cara BEM menetapkan peraturan mencari kakitangan perubatan. Semua mubaligh yang datang dari Australia dan New Zealand pernah mengambil kursus perubatan tropikal di Melbourne. Kunjungan ke gereja, cara memulakan gereja baru, cara pengendalian sekolah, penterjemahan, dan segala petua memberi pertolongan perubatan menjadi kandungan kursus mereka.

Seorang doktor yang melayani Misi ini sejak tahun 1952, berpendapat sehaluan dengan BEM bahawa mereka tidak patut melibatkan diri dalam pembinaan rumah sakit namun doktor ini menekankan keperluan perubatan pencegahan. Bahan-bahan bacaan disediakan bukan hanya untuk menolong orang membaca tetapi juga bertindak sebagai bahan-bahan bacaan untuk menganut kebersihan dan perubahan gaya pemakanan. Masyarakat yang penuh dengan pantang larang dan praktis tidak sihat telah membawa penyakit berbahaya. Pelepasan dari ikatan akibat Injil serta pengajaran nilai-nilai makanan telah membawa revolusi dalam gaya pemakanan mereka. Misi juga menunjukkan kasih Tuhan sewaktu menyembuh orang sakit, mencegah penyakit, dan semua ini rangka sebuah bangunan yang tidak boleh diikat pada program institusi. Gereja yang sihat telah menjadi saksi yang hebat untuk penyebaran Injil.

Seorang mubaligh telah mengimbas kembali perubahan yang terjadi pada beberapa tahun ini. "Kami mengajar mereka cara mencuci lantai, cara memakan sayur mayur, dan juga cara menghapuskan kutu-kutu rambut mereka. Kini, apabila kami mengunjungi rumah panjang mereka yang besar dan tegap, suasananya bersih serta bersimen di bawah rumah dan dilengkapi padang permaninan di belakang dan di depan rumah. Penghuninya juga berpakaian rapi dan sihat, kanak-kanak mereka juga sihat ria.

Bill Hawes tiba pada Mei 1964 dan menumpukan waktu untuk mengembangkan kursus pengajian Alkitab melalui surat menyurat. Pada pertengahan tahun 1966, jumlah kursus melalui surat menyurat telah meningkat ke 2,500. Semua orang ini telah membayar kursus mereka dengan kewangan sendiri. Pelayanan ini dibantu oleh tiga hamba tempatan. Kursus ini juga menjadi sumber galakan dan program

pembentukan pastor di tempat terpencil. Para pastor bukan sahaja golongan yang bermanfaat dari kursus ini tetapi juga orang lain termasuk pelajar, polis, polis hutan, pesakit di rumah sakit, banduan dan penduduk di kawasan pedalaman. Cara ini telah membantu penduduk Kristian di sana untuk mengaji Alkitab dan mendewasa dalam iman mereka.

Seorang mubaligh bersemangat telah menyebarkan kursus ini dan menceritakannya sewaktu dia membuat kunjungan ke rumah seorang ketua kampung kafir. "Ketua suku ini memiliki kekayaan dan tinggal di sebuah rumah yang menjadi kebanggaan daerah itu. Dia bukan sahaja memiliki radio, meja dan kerusi, pinggan mangkuk, tetapi juga sederet canang besar, tajau arak serta berekar-ekar ladang pokok getah tua." Di suatu tempat gelap, terletak tajau yang dipenuhi tuak yang berbuih-buih. Bau tauk ini memening kepala, apalagi kekotoran tempat itu di mana anjing, ayam dan kanak-kanak yang kotor berkeliaran cukup memuakkan tetapi anak sulungnya mahu belajar. Semangatnya telah mendorong mereka untuk tidak menghiraukan tempat yang gelap ini.

Mubaligh itu telah meluangkan beberapa jam dengan salah seorang pengikut untuk memberi tunjuk ajar tentang bagaimana mengikuti kursus surat menyurat dalam Bahasa Malaysia. Orang ini begitu hairan ketika dia mendapat jawapannya dari Injil Markus dalam bahasa sendiri. Pada waktu dahulu, pembacaannya begitu kaku dan dia tidak beberapa memahami firman Tuhan. "Kekotoran, kegelapan, dan bau tidak menjadi kisah ketika kami melihat kegembiraan, keseronokan yang terukir pada wajah anak ketua kampung yang sulung itu," kata seorang mubaligh. Penduduk kafir ini mulai membaca Perjanjian Baru bagi diri sendiri.

Minat membaca yang ditunjukkan oleh mereka menjadi bukti bahawa kitab-kitab ini menjadi semakin penting bagi mereka. Sebuah kedai buku kecil dibuka pada tahun 1960. Buku-buku yang dijual bukan sahaja Alkitab, kitab-kitab tertentu daripada Alkitab tetapi juga buku-buku baik yang diterjemahkan. Keinginan membaca para pembaca telah menggalakkan para mubaligh untuk mencetak sebuah majalah dalam bahasa-bahasa suku. Majalah Kayan telah diedarkan selama sembilan tahun. Selain itu, majalah-majalah lain dicetak dalam Bahasa Kenyah, Bahasa Penan, dan Bahasa Malaysia untuk Sekolah Alkitab dan para gembala. Majalah yang tersebar luas ialah majalah orang Dusun. Pada Mei 1963, 400 naskah yang pertama telah diedarkan ke 45 kampung. Pada tahun 1965, penjualan majalah ini telah mencecah beribu ringgit.

“Sekarang saya memahami erti pengampunan yang sebenarnya,” kata seorang pembeli. Apabila majalah itu tiba, saya akan membacanya sehingga kadangkala saya akan membacanya sepanjang pagi sehingga mata saya berlinangan airmata.”

Program ini berkembang dan majalah ini memberi sumbangan yang besar terhadap pertumbuhan rohani seramai sebelas atau dua belas ribu orang Dusun di pedalaman seluruh kota. Kemudian, pada tahun 1970, para mubaligh terpaksa meninggalkan tempat itu bersama dengan orang putih yang lain. Tanggungjawab pengelolaan majalah itu diambil alih oleh Iban Gilingan, bekas pengetua Sekolah Alkitab Nemaus dan bakal pemimpin SIB Sabah.

Perubahan besar terjadi di Borneo pada tahun 1960-an. Tuhan sedang menyiapkan Misi dan gereja-Nya untuk perubahan yang selanjutnya pada tahun 1970-an. Pada tahun 1968, perubahan besar terjadi di Persidangan Ladang, Misi. Perubahan ini bermula pada 29hb. Jun, Hari Doa Antarabangsa iaitu sewaktu keluarga besar BEM sedang mengingati BEM dan SIB dalam doa mereka oleh kerana suatu perselisihan faham yang telah tercetus tahun yang lalu. Sikap saling mengampuni akhirnya telah memulihkan persekutuan antara anggota Misi. Tuhan telah mengarahkan satu pertukaran kepemimpinan akibat kejadian ini.

Harold McCracken yang sedang mengunjungi Lawas sewaktu menghadiri persidangan telah melapor, “Pada hari kedua persidangan itu, hati kami begitu terharu apabila Encik A. Belcher mengumumkan bahawa dia dan isterinya sering berdoa untuk meminta bimbingan-Nya beberapa hari sebelum ini. Tuhan telah memberitahu A. Belcher bahawa dia tidak akan memegang jawatan pengerusi pelayanan dan Puan Belcher tidak akan memegang jawatan Pengetua Sekolah Alkitab. Ini salah satu saat dramatik yang telah menunjukkan tangan Tuhan. Wakil-wakil SIB begitu terkejut, mereka selalu berfikir bahawa tiada orang lain selain Meripa (nama Lun Bawang) Alan yang layak memegang teraju pimpinan Misi. Cara Alan menghadapi situasi ini telah menolong mereka mengalami perubahan yang begitu besar. Keyakinan mereka kepada A. Belcher memampukan mereka melihat kehendak Tuhan dan mengakui ketaatan mereka kepada pemimpin baru.”

Akhirnya, Bill Hawas yang berumur 32 tahun mengambil alih jawatan daripada Alan Belcher. Alan Belcher juga berumur 32 tahun sewaktu dia mengambil alih jawatan daripada Hudson Southwell yang melayani selama dua puluh tahun.

Tuhan telah membimbing Bill dengan jelas sebelum dia berbuat keputusan itu. John Smith yang berada di Persidangan itu menceritakan ketenangan hati Bill di tengah-tengah situasi yang sulit. Dia berkata, "Tuhan telah bersabda kepada Bill pada hari Khamis yang lepas mengenai masa depannya di Misi itu." Sewaktu dia berpindah ke pejabat barunya, Bill mengimbas kembali tahun-tahun yang lepas dengan berwawasan memandang ke depan demi menghadapi perubahan tidak terduga yang mungkin akan dibawa oleh Tuhan pada tahun 1970-an.



*Contoh dansa tarian
gadis Kayan, Kenyah, dan Kelabit*



*Seorang gadis Iban
berpakaian tradisional*

BAB 14

PEMIKIRAN SEMULA DAN PEMBAHARUAN

BEM telah mendirikan sebuah gereja pribumi yang berkembang pesat, akan tetapi Persidangan Ladang Pelayanan telah menerima laporan-laporan bahawa pertumbuhan jumlah anggota semakin lamban di beberapa gereja tempatan. Mungkinkah ini berpunca daripada api kehangatan rohani yang semakin malap? Ini mungkin salah satu puncanya tetapi banyak faktor lain mengakibatkannya juga. Gejala umum dunia seperti yang diperhatikan oleh Dr. Donald Mc. Gravan seorang penulis terkenal dalam bidang pertumbuhan gereja menjadi puncanya.

Para mubaligh yang berjaya menanam gereja-gereja pribumi ini begitu berdedikasi sehingga mereka ragu-ragu mengadakan program penginjilan baru yang kreatif. Tambahan pula, pemimpin-pemimpin pribumi begitu giat dengan aktiviti gereja sehingga penginjilan mengambil tempat yang kedua. Misi yang tidak berubah juga mengakibatkan gereja tidak dapat bergerak. Benarkah gejala ini terjadi di Borneo dan kalau sedemikian, apakah yang harus dilakukan oleh mereka?

Apakah Prioriti Gereja?

Apabila para mubaligh berkumpul di persidangan, pertanyaan yang muncul di benak fikiran mereka ialah, "Perkara apakah yang menjadi prioriti?"

"Haruskah kita menumpukan perhatian pada penginjilan, pengajian Alkitab, pelatihan jemaah, penterjemahan atau apa?" tanya mereka.

Tuhan telah mengarahkan tiga puluh lima mubaligh yang hadir untuk mempertimbangkan prioriti mereka. Mereka sebulat hati bersetuju bahawa keperluan yang terutama dan terpenting ialah, "Kekuatan keperibadian mereka dan keperluan bersandar sepenuhnya kepada Tuhan yang Maha Esa."

Sewaktu anggota rombongan kami bertemu pada 1972, Tuhan sudah bekerja dalam diri kami masing-masing sehingga kami bersekutu dengan lebih akrab dan lebih tekun berdoa. Ini bererti pertimbangan kami demi

kepentingan pelayanan yang berada dalam benak Ahli Jawatan Kuasa selama dua tahun dapat dilaksanakan dalam suasana kasih, saling faham memahami serta perbincangan yang terbuka.

Pertemuan ini telah menghasilkan “Dua Tugas Dasar” iaitu “Penekanan Pengajian Alkitab” serta “Latihan Kepemimpinan” yang akan dilaksanakan seiringan tugas penterjemahan yang menjadi keutamaan selama hampir dua dekad. Pada pihak yang lain, juga terdapat penekanan baru untuk berkecimpung dalam penginjilan dan pembangunan gereja.

Kertas yang diulaskan oleh setiausaha, Colin Reasbeck, mengenai pertumbuhan gereja telah merangsang banyak fikiran yang dibentang dalam surat edaran pada Ogos 1972.

“Hairankah anda kalau BEM pada tahun 1972 mengatakan penginjilan dan pembangunan gereja harus menjadi dua matlamat dasarnya? Anda sudah salah faham mengenai pekerjaan Tuhan di Malaysia Timur dari tiga sudut.

Selanjutnya, dia menulis tiga garis besar mengenai perkara itu. Pertama, kita mudah sahaja menganggap negara ini sudah dinjili. Di bahagian utara Sarawak dan Sabah, suku-suku penduduk di sana sungguh hangat namun mudah sahaja kita lupa bahawa di Sarawak, mereka ini hanya suku-suku yang kecil. Mereka terdiri daripada 5% penduduk Sarawak dan 10% penduduk pribumi. Contohnya, apabila perkataan Iban disebutkan maka timbal dalam benak fikiran orang ramai “orang kafir.”

Hal kedua yang sering menimbulkan salah faham ialah keadaan tertentu tidak memungkinkan penginjilan. Sistem pembahagian daerah yang tertentu telah membatasi penginjilan tetapi keadaan ini tidak wujud lagi. Hal ini membolehkan kita bergerak ke banyak daerah yang baru dan Colin mengujar lagi, “Tidak pernah ada negara yang begitu terbuka, tidak pernah ada negara yang begitu memerlukan penginjilan, dan tidak pernah ada negara yang memiliki komunikasi yang begitu baik.”

Hal ketiga yang terpenting ialah pertimbangan bahawa penginjilan harus menjadi tanggungjawab pribumi sendiri. Colin menjelaskan alang menariknya melihat gereja-gereja ini melaksanakan penginjilan di seluruh dunia tetapi pada beberapa tahun ini, misi seluruh dunia telah menyedari kesan gejala ini terhadap mereka. BEM tidak dikecualikan daripada corak ini kerana mereka kekurangan mubaligh umum seperti pengasas gereja

sementara mubaligh yang berkelulusan teknikal ramai jumlahnya. Jika mubaligh ini hanya digunakan untuk program gereja, “Mereka akan menimbulkan kesan yang dapat mencacatkan gereja serta membekukan Misi kerana hakikat untuk memberitakan Injil tidak tercapai. Gereja yang dibantu mereka juga akan turut menjadi kaku.”

Sementara Tuhan menunjukkan kepada BEM mengenai keperluan melibatkan diri dalam penginjilan, Dia juga sedang memberi beban yang sama kepada pelajar Sekolah Alkitab dan anggota SIB yang lain. Pihak SIB begitu ingin menginjili tempatnya sendiri, dan mereka meminta agar BEM melaksanakan dua tugas dasar mereka.

Di kota, kedua-dua sasaran ini berjalan seiringan secara istimewa. Di sana memang ada keperluan mendesak untuk menolong dan menguatkan orang muda yang datang ke kota daripada latar belakang gereja desa, serta beratusan orang yang datang dari latar belakang kafir dan orang Kristian yang suam-suam sahaja. Mereka semua ini berbahasa Inggeris, berpendidikan, dan golongan yang berada.

“Dahulu nenek moyang kami pengayau tetapi kami ke universiti,” kata seorang Kayan muda ketika dia berangkat ke New Zealand.

Selain itu juga ada orang bandar khususnya orang Cina yang tidak begitu berminat terhadap Injil namun bagaimanapun ada sekumpulan orang Kristian Cina kecil yang wujud di Lawas, Miri, dan Brunei yang sering bertemu dan dilayani dengan firman Tuhan oleh sahabat-sahabat dari Misi ini.

Dua mubaligh serta tuan dan puan Percy King telah berpindah ke Kuching pada tahun 1969. Salah seorang daripada mereka telah diutus oleh OMF, dan dia merupakan setiausaha yang selalu membuat kunjungan bagi Persekutuan Jururawat. Seorang lagi diutus untuk bekerja di kalangan gereja SIB, pemuda pemudi di kolej Perguruan dan hospital-hospital. Mereka akan menjadi mubaligh-mubaligh yang akan ditempatkan di kota-kota berdekatan pantai untuk pelayanan penggembalaan, pelayanan pelajar dan jururawat, Scripture Union, kunjungan ke hospital-hospital dan sekolah. Selain itu, perkembangan bidang literatur juga bermaju pesat.

Bilakah Kebangunan Rohani Terjadi

Pada tahun 1972, sepasangan mubaligh pertama telah berpindah dan tinggal di Miri. Beberapa bulan kemudian, satu pasangan serta seorang wanita bujang telah berpindah dengan sekelompok pelajar daripada Kolej Alkitab Bahasa Inggris dari Lawas untuk mendirikan sebuah sekolah Alkitab di Miri. Hudson Southwell juga berpindah ke Miri sebagai pengetua sekolah ini dan menjabat sebagai pengetua sekolah ini dan melayani para pemuda. Ini suatu permulaan yang kecil tetapi beberapa tahun kemudian pelayanannya berkembang. Salah satu faktornya disebabkan pembaharuan yang bermula di pedalaman dan merebak ke kota.

Usaha untuk menentukan tarikh permulaan kebangunan rohani selalu diperhadapkan dengan pelbagai kesulitan seperti usaha menentukan pekerjaan Tuhan yang lain. Tuhan tidak dibatasi oleh waktu mahupun tarikh-tarikh atau serentetan faktor tersembunyi yang tidak pernah diketahui. Pencurahan Roh Kudus seakan-akan bermula di Bario pada tahun 1973 tetapi alangkah baik kalau kita meneliti beberapa peristiwa menjelang hari-hari yang memuncak ini.

Pada suatu malam seorang mubaligh sedang berbaring dalam kelambunya sambil mendengar beberapa orang Kayan bersembang-sembang sebelum mereka tidur. Mereka sedang berbual tentang kebaikan para mubaligh dan keajaiban suntikan yang telah diberikan kepada mereka. Selain itu, mereka mengagumi kehebatan kapal terbang yang mengunjungi mereka untuk membawa pesakit ke hospital namun mereka tidak pernah menyebut sepatah pun tentang Tuhan.

Tentu sahaja para mubaligh berdoa untuk mereka tetapi perbualan ini menyebabkan mereka berdoa dengan lebih tekun lagi. Daerah itu memang sukar untuk diinjili tetapi sebenarnya mereka sedang melihat secara perlahan-lahan suatu permulaan kepercayaan kepada Kristianiti.

“Orang tua kita tidak sungguh-sungguh memahaminya,” itulah pendapat salah seorang yang menghargai pengajaran mendalam yang diterimanya daripada sekolah kecil di Long Atip. Sewaktu dia sedang mengadakan kebaktian di serambi rumah panjang, seorang wanita tua muncul dan berbisik kepada dia, “Saya mahu bertaubat daripada dosa saya. Saya memahami kebenaran tetapi saya tidak mahu merendahkan hati saya.”

Inilah waktu untuk menuai dan membuat persiapan untuk karya Roh Kudus bertahun-tahun kemudian. Tuhan telah memberikan para mubaligh tanda yang menggalakkan di pelbagai daerah, bagaimana pun tuaian ini berselerakan di merata tempat. Pada Persidangan Pengutusan tahun 1970, beberapa tahun kemudian, Tuhan bekerja melalui para mubaligh ini. Para mubaligh dan anggota SIB menekan keperluan untuk berdoa, Tuhan telah bekerja melalui pelbagai cara yang istimewa di Sekolah Alkitab. Dalam satu laporan bulanan iaitu April 1970, beberapa pelajar meminta izin agar tidak mengikuti kuliah kerana firman Tuhan menusuk mereka bagai pisau. Seorang penuntut yang lebih dewasa terbeban berdoa agar penuntut tidak sahaja dapat menamat pengajian mereka dan lulus akademik mereka tetapi mereka juga mahu lebih meningkat dalam kerohanian mereka. Dia mulai berdoa dengan seorang penuntut lain yang menjalin persahabatan akrab dengannya.

Titik perubahan datang pada suatu malam ketika penuntut-penuntut meluangkan hampir seluruh malam dalam persekutuan doa. Menjelang pagi, doa mereka berubah menjadi pujian. Penuntut-penuntut ini mulai mengalami kasih yang besar untuk sesama dan kerinduan untuk menyebarkan berita baik kepada orang lain. Apabila hari cuti sampai, mereka berkelompok dalam lima belas rombongan untuk keluar dan memberitakan khabar baik kepada penduduk kampung dan tidak menggunakan kesempatan ini untuk mencari wang.

“Bolehkah Tuhan mencukupi keperluan seseorang yang menyerahkan hari cutinya untuk memberitakan Injil?” merupakan pertanyaan yang mencabar iman mereka. Puji Tuhan, mereka kembali ke sekolah pada semester depan dengan cerita-cerita tentang jawapan doa mereka. Mereka bergembira kerana Tuhan telah membimbing dan memelihara mereka.

Laporan yang sama menyusul dari Sekolah Alkitab Nemaus beberapa bulan kemudian. Salah seorang mubaligh yang ditugaskan di Sabah untuk memberi pertolongan dan nasihat kepada kakitangan sekolah itu menulis bahawa suatu perubahan yang sangat ketara yang pernah dialami beberapa bulan yang dahulu dialami sekarang. “Biasanya mereka akan bergelak tawa dan bercanda dengan lantang selepas pengajian petang tetapi kini, saya hanya terdengar doa dan nyanyian.”

Beban doa yang terbesar untuk pembaharuan di kalangan gereja-gereja Dusun ialah “Tuhan menyatakan kuasa-Nya agar semua orang dapat

melihat.” Pada waktu yang sama, Tuhan menggunakan kakitangan dan murid-murid untuk membawa berkat kepada gereja-gereja Dusun. Menurut satu laporan, pada tahun 1973, hampir lapan puluh orang di gereja-gereja dan banyak orang lain di kampung lain telah membinasakan azimat yang berharga beratusan ringgit. Ajaib, penduduk tua mahupun muda menerima kehidupan baru. Laporan ini mengatakan banyak orang merendahkan diri dan mengakui dosa. Tambahan pula, banyak rombongan telah keluar memberitakan Injil. Jumlah murid yang memohon untuk masuk ke Sekolah Alkitab juga bertambah pesat dan gereja-gereja mulai mendukung kewangan sekolah ini. Laporan ini diakhiri dengan doa bahawa, “Api Roh Kudus akan tetap menyala.”

Kebangunan Rohani Di Sekolah Alkitab

Perubahan juga dialami di Sekolah-Sekolah Menengah Marudi. “Saya ada masalah dengan Saat Teduh,” seorang murid memberitahu seorang mubaligh yang melayani di sana. Dia berfikir ini semua disebabkan kesuntukan waktu, kekurangan tempat yang sunyi ataupun kekurangan kecenderungan tetapi ia bukan disebabkan oleh semua ini.

“Semua yang saya ingini ialah meluangkan lebih banyak waktu untuk memuji dan berterima kasih kepada-Nya. Saya mempunyai satu atau dua jam pada sebelah petang untuk membaca firman Tuhan. Saya akan membaca sehingga Tuhan bersabda kepada saya dan saya akan berdoa namun saya tidak dapat menumpukan perhatian. Adakah salah kalau saya meluangkan begitu banyak waktu untuk Tuhan?”

Mereka berbincang dan berdoa bersama serta meminta agar Tuhan membawa disiplin dan keteraturan dalam kehidupannya. Seminggu kemudian, dia bergembira kerana Tuhan telah menolongnya memberi waktu yang cukup untuk Tuhan dan pengajiannya.

Beberapa bulan lagi, pada Jun 1972, para mubaligh mengadakan jamuan bagi murid-murid dan menekankan keperluan berdoa. Dua murid mulai berdoa setiap petang pada 9.30 pm lalu yang lain turut menyertai mereka sehingga satu kelompok sudah terlalu besar. Mereka membahagi kelompok itu menjadi dua kumpulan. Pada bulan Disember, empat kelompok lelaki dan dua kelompok berkumpul untuk berdoa serta mengaji Alkitab bersama. Mereka tidak sahaja berdoa untuk kawan-kawan mereka

dan anggota-anggota suku-suku mereka sahaja tetapi juga untuk banyak orang Iban dan orang Cina yang menginap di sekeliling mereka.

Kedatangan Dr. Petrus Octavianius

Pada akhir tahun 1972, satu langkah kemajuan yang besar terjadi dalam serangkaian peristiwa. Dr. Petrus Octavianus dari Yayasan Perkhbaran Injil Indonesia telah datang untuk berkhotbah pada persidangan dwitahunan di SIB, Lawas. Pada Isnin pagi sekitar pukul 6.30 am, persekutuan doa begitu sulit dan ia diakhiri dengan pengusiran iblis, "Kami mengikat iblis dan semua malaikat yang membohong dalam Nama Tuhan Yesus."

Dua khutbahnya yang berikut telah digunakan oleh Roh Kudus untuk meyakini yang tua dan muda akan dosa. Pengakuan dan kaunselling bermula; wanita dan lelaki berbaris untuk menunggu giliran mereka sehingga larut malam dan mereka datang lagi pada pukul 6 a.m. Dr. Petrus selalu menegaskan bahawa kaunselling harus dilakukan segera, jadi Alan dan Madge Belcher menolong banyak anggota untuk melepaskan diri daripada kebelengguan kuasa iblis. Perselisihan faham antara pasangan suami isteri telah diakui dan segala azimat diserahkan. Pengakuan dosa termasuk dosa penglibatan dalam ilmu sihir, pencurian, kerakusan, perzinaan, penggunaan ilmu ubat-ubatan. Sewaktu mereka dibersihkan dan dibebaskan melalui kuasa darah Yesus, mereka berseru memuji Tuhan, "Puji Tuhan."

Berita tentang pekerjaan Tuhan telah tersebar cepat dan tidak lama kemudian, persidangan itu dihadiri oleh ramai orang di sekitar gereja. Dr. Petrus meminta agar khutbahnya diterjemahkan ke dalam Bahasa Lun Bawang agar berkat tidak terhalang. Pengajarannya seimbang dan telah mencakupi pelbagai kebenaran rohani dan doktrin Kristian."

Kemudian, Dr. Petrus pergi ke Sabah di mana beratusan orang berkumpul dari jauh dan dekat untuk mendengarnya. Ibin Gillingen melaporkan cara Tuhan menguji mereka dan menjawab doa mereka kerana mereka tidak pasti Dr. Petrus akan datang. Mereka menunggu sepanjang hari dan banyak waktu telah diluangkan dalam doa. Beberapa pastor juga mengajar sehingga pukul 7.30 malam. Pada pukul 7.30 malam mereka masuk ke dalam gereja tetapi beberapa orang yang datang dari jauh mulai mengkhawatiri akan kerbau dan ayam-ayam mereka yang tertinggal di

kampung. Ibin menggalakkan mereka untuk bersabar, "Jika kita tidak sabar menunggu kedatangan Dr. Petrus, bagaimana pula kita dapat bersabar menunggu kedatangan Tuhan Yesus sedangkan waktu kedatangan-Nya tidak diketahui?" Setelah mendengar demikian, tidak ada seorang pun yang pulang ataupun mengomel.

Akhirnya, Dr. Petrus tiba dan Tuhan sudah bekerja sebelum dia mengakhiri khutbahnya. Dosa telah diakui, ada di kalangan mereka mengakui bahawa mereka sudah begitu dingin dalam iman, lemah dalam iman, dan masih menyimpan azimat. Seorang wanita berdiri sambil menangis tersedusedu seraya meminta agar Tuhan memberi dia Roh Kudus. Ramai orang menerima Roh Kudus secara sunyi dan buat pertama kalinya, mereka ingin bersaksi bagi Tuhan.

Pada akhir kebaktian itu, Dr. Petrus mendoakan penyembuhan bagi beberapa pesakit dan mereka tersembuh. Ibin bersaksi bahawa dia tersembuh dari penyakit perut. Dia berkata, "Kita sedar bahawa Tuhan biasanya tidak memberi kami mukjizat yang besar pada kunjungan-Nya yang pertama namun Dia tahu keadaan negara ini."

Dari Ranau, Dr. Petrus pergi ke Batu 10 dan Tuhan bekerja di sana juga. Ibin mengakhiri laporannya dengan berkata, "Tolong berdoa bersama kami supaya gereja di Sabah mendapat kebangunan rohani yang akan merebak ke merata tempat di negara ini."

Dr. Petrus meninggalkan Borneo dan menuju ke Singapura. Sewaktu dia bersinggah di lapangan kapal terbang sewaktu transit, dia berdoa agar Tuhan akan membuka jalan baginya untuk berkhotbah di bandar yang kaya dan sedang berkembang pesat.

Empat bulan kemudian, dia kembali lagi untuk berkhotbah di empat Perhimpunan Irau (Easter) pada tahun 1973. Tidak ada seorang pun yang mengetahui bahawa Dr. Petrus telah memohon untuk berkhotbah di gereja Miri.

Ramai orang dari merata tempat datang ke Irau: orang Kelabit dan Saban dari ladang kelapa sawit, Iban dari Batu Niah, orang Kenyah dari kem pembalakan, orang Cina dari kota Miri, orang Lun Bawang dan orang Kelabit dari angkatan tentera dan penuntut-penuntut yang menuntut di tingkatan enam. Dalam situasi yang indah ini, panggilan untuk menerima Injil telah disambut dengan penuh kerelaan. Ramai orang menunjukkan keinginan untuk memeluk kebebasan dalam Kristus.

Kemudian, Dr. Petrus pergi ke tempat lain dan di Long Atip, beliau menuai benih yang ditabur oleh orang lain. Sejak tahun 1970, Tuhan telah bekerja di kalangan pemuda di Persidangan Tahunan yang diadakan oleh mubaligh. Tuhan telah melaksanakan pekerjaan yang mendalam di Baram apabila Dr. G.D. James daripada Persekutuan Injili Asia menjadi pengkhotbah pada perhimpunan 1972. Pada waktu itu, tiga puluh orang telah menyerahkan diri mereka kepada Tuhan, kemudian mereka menjadi begitu aktif dalam khutbah, doa, dan penganjuran kepada kelompok Iban yang tinggal berdekatan Bintulu lalu mereka ke sungai Balui dan daerah Belaga. Beberapa pemuda telah menghadiri kursus Alkitab dan pada 1972, para pastor ini telah kembali dari persidangan SIB dengan semangat yang berkorbar-korbar bagi Tuhan. Banyak orang Kristian yang suam-suam dan yang sudah berjauhan daripada Tuhan telah disentuh oleh Tuhan. Dosa diakui, banyak orang dibaptiskan dan gereja yang setengah kosong telah dipenuhi.

Begitu ramai orang lapar dan bersiap sedia untuk mendengar firman Tuhan sewaktu mereka bertemu untuk persidangan di Long Atip. Seramai 4,600 berkumpul dan banyak keluarga sedang menampung tambahan hampir 40 hingga 60 ramai orang di rumah panjang mereka. Sesetengah orang bangun tengah malam untuk memasak bagi mereka yang mendengar firman Tuhan. Dua jam sebelum persidangan bermula, banyak orang sudah berduyun-duyun ke gereja yang diperlebarkan untuk Irau. Banyak orang tersentuh oleh Tuhan sehingga mereka membanjiri bilik seperti di bilik rawatan doktor. Dua ratus orang telah dibaptiskan sebelum persidangan itu berakhir.

Dr. Petrus berkhotbah satu mesej yang mudah. Dia tidak berbongabunga dalam bahasanya mahupun memakai pelbagai daya tarikan. Dia menjelaskan bahawa kebangunan rohani tidak bermula kerana semua orang mempunyai waktu yang seronok. Kebangunan rohani bermula dengan hati yang hancur dan penuh dengan kesesalan. Keperluan dasar gereja seperti yang dilaporkan oleh seseorang, "Bukanlah perkumpulan gereja yang meriah atau keseronokan emosi yang berlebihan tetapi pertaubatan, pengakuan dan keputusan untuk berpaling dari dosa."

Tentu sahaja, Tuhan sedang bekerja sehingga beratusan orang bertaubat dan kaunseling dijalani di pelbagai tempat sehingga subuh pagi. Penyembuhan dialami juga dan ini bukan bahagian yang terbesar atau yang terpenting dalam pelayanan Dr. Petrus kerana dia hanya memberi penyembuhan jasmani pada akhir kebaktian.

Ketika Dr. Petrus mengundang mereka yang mahu penyembuhan untuk mengangkat tangan sewaktu dia berdoa, seorang Kayan yang berpengaruh sedang menghadiri Persidangan SIB itu mengangkat tangannya.

Taman Wan meletakkan tangannya pada hatinya dan mengakui, "Hati aku penuh dengan dosa." Dr. Petrus tidak segera berdoa untuk dia tetapi dia menjelaskan bahawa Tuhan yang menjadi Penyembuh dan bukan doa beliau. Wan teringat perutnya sakit lalu dia meletakkan tangannya pada perutnya yang sakit tetapi Dr. Petrus tidak mahu berdoa untuknya. Dia mahu agar Wan percaya akan Tuhan yang boleh menyembuh dan bukan pada dirinya. Encik Taman Wan juga teringat penyakit kulit di kakinya yang tidak dapat diubati oleh doktor moden.

"Tuhan aku meletakkan tanganku pada dadaku kerana aku begitu berdosa. Tuhan, aku meletakkan tangan pada perutku. Tuhan, Engkau mencipta aku dengan dua tangan sahaja, tolong ingat akan kakiku."

Akhirnya, Dr. Petrus berdoa, Wan tersembuh dengan serta merta dan penyakitnya lenyap. Berita ini tersebar luas. Adakah ini kebangunan rohani? Dr. Petrus tidak bersetuju, "Saya percaya ini permulaan kebangunan rohani di tengah-tengah anda," kata beliau sebelum beliau meninggalkan tempat itu. Anggapan beliau memang benar!



Dr. Petrus Octavanius dan mubaligh-mubaligh selepas kebaktian kebangunan rohani.

BAB 15

KEBANGUNAN ROHANI

Pagi Isnin, Oktober 1973 seperti pagi biasa di Sekolah Menengah Bario, tanah tinggi Kelabit namun penuntut-penuntut tahun ketiga cukup gelisah kerana kalau mereka tidak lulus, mereka tidak akan naik tingkatan empat di sekolah menengah bandar itu.

Agan telah mengundang sahabatnya, Galang, ke biliknya di hujung rumah panjang yang berbentuk L di Ulong Palang agar mereka dapat mengulang kaji bersama-sama. Mereka berdua masing masing sudah mengakui dosa dan menyerahkan hati kepada Tuhan pada hari Ahad. Mereka mahu memberitahu hal ini kepada sesama tetapi mereka tidak berani menceritakannya. Mereka berdoa lalu yakin bahawa mereka mesti saling memberitahu perkara ini.

Apabila Galang berdoa, Agan mulai menangis dan seluruh tubuhnya menggigil lalu dia mengakui dosanya. Mereka berdoa untuk kehidupan rohani mereka dan bukan peperiksaan mereka. Setelah makan tengah hari, mereka turun ke sawah padi untuk berdoa dan kuasa doa mereka begitu berapi-api sehingga orang yang berlalu di sana berasa haus akan Tuhan apabila terdengar doa mereka.

Budak lelaki itu kemudian pulang ke rumah. Sina Balang, ibu Agan, ingin menanyakan mereka tentang apa yang terjadi tetapi dia tidak dapat berbuat begitu. Budak-budak itu terus berdoa lagi dan pada hari berikutnya orang lain menyertai mereka. Ibu mereka begitu khuatir kalau-kalau mereka tidak dapat lulus peperiksaan jika mereka berdoa begini. Selain itu, mereka selalu berdoa dalam bahasa Inggeris, dia tidak dapat memahami mereka.

“Ya Tuhan, tolong mereka berdoa dalam bahasa Kelabit supaya saya dapat tahu sama ada doa mereka baik atau buruk,” mohon Sina Balang.

Kemudian mereka berdoa dengan suara lantang seperti yang lazim dilakukan oleh orang Borneo namun mereka tidak menunjukkan apa-apa kekeliruan. Tiba-tiba Sina Balang menjadi begitu hairan apabila dia mendengar suara anaknya lebih nyaring daripada suara orang lain.

“Tuhan telah meminta saya untuk berdoa dalam bahasa Kelabit supaya ibu bapaku dapat memahaminya.”

Bapa Agan, seorang guru sekolah itu, khuatir apabila adik iparnya mendengar apa yang terjadi lantas dia datang ke rumah panjang serta meminta mereka memberi penjelasan.

Budak-budak itu tidak menjelaskan apa yang terjadi sebaliknya mereka berdoa. Adik iparnya begitu terharu sehingga dia mengakui dosanya. Sina Balang begitu gembira mendengar tentang perkara ini kerana dia sendiri pernah mengakui dosanya sewaktu Dr. Petrus Octavianus berkhutbah di persidangan awal tahun itu. Kemudian dia begitu hairan apabila anaknya mulai menegurnya, “Ibu, engkau berfikir engkau tidak ada dosa untuk diakui padahal engkau masih banyak dosa lagi.”

Sekalipun telinga Sina Balang yang panjang itu telah dijahit, dia tetap seorang Kelabit yang menarik. Dia begitu tua tetapi kedut di kelopak matanya hanya menambahkan kecantikan pada mukanya sewaktu dia bercerita.

“Saya menangis kerana saya seakan-akan tertusuk sesuatu yang tajam lalu saya memeluk adik saya dan meminta pengampunan atas kemarahan yang terpendam di hati saya terhadap dia. Saya tidak pernah terfikir bahawa kami harus memulihkan aspek perhubungan ini. Bukankah dia adik saya? Saya begitu gembira,” ujarnya. Wajahnya berseri-seri sewaktu dia mengenangi kegembiraan saat itu selepas empat tahun.

Suaminya begitu khuatir kerana walaupun seorang guru telah menyertai budak-budak ini tetapi para pelayan gereja masih mencurigai mereka. Sewaktu mereka sedang merancang pembangunan gereja baru mereka di tepi rumah panjang, mereka tidak hanya terdengar doa budak-budak ini tetapi juga jeritan dan tangisan yang seakan-akan di luar kawalan mereka.

“Mungkinkah itu tsung?” tanya mereka kepada sesama. Menurut pengalaman mereka, kelakuan seperti ini hanya boleh dijelaskan dengan kedatangan roh jahat atas dukun.

“Ya Tuhan, adakah ini benar atau tidak?” doa Bapa Agan kepada Tuhan.

“Saya masih tidak tahu,” beritahu dia kepada para pelayan.

“Saya masih tidak tahu tetapi saya tahu akan satu perkara. Apa yang sedang terjadi telah membawa saya lebih dekat kepada Tuhan dan tentu ini bukan roh yang jahat,” katanya. Dia sendiri bertaubat dan menerima berkat tidak lama kemudian.

Gerakan ini tersebar ke seluruh sekolah sehingga salah seorang guru mengakui tidak mampu memimpin kebaktian mereka. “Hati saya tidak berkenan kepada Tuhan,” katanya. Bagaimanapun seorang penuntut meminta agar dia berdoa. Sewaktu dia mengakui dosanya, semua orang mengikut dia dan kebaktian dilakukan dengan tangisan serta pengakuan dosa. Mereka berseru-seru dan menyanyi pujian kepada Tuhan.

Guru besar di sekolah itu berpendapat mereka semua terpesong perasaan. Dia begitu khuatir sekolahnya akan terganggu dan banyak penuntut akan gagal. Dia mulai menghukum penuntut-penuntut dengan memberi mereka lebih banyak tugasan rumah. Beliau begitu hairan kerana penuntut-penuntut ini mengerjakan tugasan mereka dengan begitu gembira. Penuntut-penuntut ini mendoakannya dan meminta agar mereka dapat bercakap dengan dia.

“Tuan, kami ingin berdoa untuk anda,” kata mereka dengan bersopan santun. Guru besar sekolah itu menjadi begitu marah kerana mereka berani mendekatinya dengan begitu sahaja. Kemudian, dia menjelaskan bahawa dia sungguh hairan kerana mereka berdua pendiam namun pembawaan mereka sudah agak berlainan.

Biasanya mereka tidak akan bercakap dengan dia kecuali dia yang terlebih dahulu menghampiri mereka.

“Tuhan, seandainya permintaan mereka sungguh-sungguh daripada Tuhan, biarlah mereka kembali,” doa guru besar sekolah itu. Mereka kembali beberapa saat kemudian lalu guru besar itu menceritakan peristiwa itu kepada seorang mubaligh beberapa minggu kemudian.

“Roh Kudus telah bekerja di sini dengan pelbagai cara yang ajaib sejak awal bulan ini. Persekutuan Kristian Sekolah Tinggi tergerak oleh-Nya dan kemudian saya sendiri, orang yang tidak percaya serta terkeji, dan yang paling berdosa seperti Saul yang menganiayai Tuhan telah diampuni-Nya.

Mereka berdua telah digunakan oleh Roh Kudus supaya saya menyerahkan diri kepada Tuhan melalui gaya mereka bercakap dengan saya serta doa mereka.”

Dia mencampak semua azimatnya kecuali satu kerana beberapa hari kemudian, dia akan menjadi peserta dalam perbahasan yang senget; dia berasa dia memerlukan azimat yang berkuasa untuk menolongnya melawan pihak lawannya.

Dalam beberapa hari pertama kebangunan rohani itu, mereka begitu menekankan tentang dosa khususnya penyimpanan azimat dan perdamaian perhubungan. Kadangkala mereka yang menentang Tuhan akan rebah ke tanah lalu tidak menyedari diri selama beberapa jam. Kemudian seorang lepas seorang mengalami sukacita dan kedamaian kerana mereka mengetahui dosa mereka telah diampuni dan kasih mereka telah dipulihkan untuk Tuhan dan orang lain. Pelayan di gereja khuatir akan gejala ini kerana semua ini terjadi di luar kawalan mereka kerana semakin banyak peristiwa yang aneh-aneh terjadi pada akhir-akhir ini. Mereka berpendapat satu-satunya jalan keluar hanyalah menghentikan semua gejala yang tidak dapat dijelaskan atau difahami oleh mereka. Sudah tentu mereka tidak mahu didapati bersalah kerana membiarkan ‘isung’ (roh jahat) berleluasa. Pemuda-pemudi dilarang berkhotbah di gereja pada hari minggu itu.

Hari selesai berikut, Lian Matu, seorang pelayan gereja yang lebih dewasa telah kembali ke Bario. Dia telah ke luar negeri dan memiliki beberapa tugas yang mendesak untuk dilaksanakan sebelum dia pulang. Dia kembali tepat saatnya.

“Sewaktu aku keluar dari kapal terbang, aku sudah dapat berasa bahawa sesuatu yang baru sedang berlaku,” katanya kemudian. Hal ini terbukti kerana orang pertama yang bercakap dengannya ialah pengetua sekolah. Dia bertubi-tubi meminta maaf kerana dia telah mencaci orang yang salih ini.

Dua rombongan orang datang bertemu dengan dia. Pelayan-pelayan gereja mengungkapkan keraguan dan ketakutan mereka kemudian sekumpulan pemuda-pemudi datang memberitahu dia tentang pengalaman baru yang telah memenuhi mereka dengan kegembiraan. Beberapa hari kemudian, Lian Mutu menghadiri kebaktian di Sekolah

Menengah. Kehadirannya di sana telah memberi keberanian kepada golongan yang lebih tua untuk menghadiri kebaktian itu. Ramai orang bertaubat, dan kehidupan mereka mulai berubah.

Satu kebaktian telah diadakan pada sebelah malam sewaktu guru besar mengadakan mesyuarat penting. Dia terpaksa melewati sekolah itu, dan ingin bersinggah untuk melihat sama ada segala sesuatu berlansung dengan lancar. Sebelum dia melangkah masuk ke bilik, dia terdengar seorang pelajar bercakap.

"Ada seorang di sini sedang memegang sesuatu yang jahat di tangannya. Barang itu sangat berkuasa. Dia sedang menggengam azimat di tangannya dan berfikir kita tidak akan mengetahuinya kerana tidak ada sesiapa dapat melihat azimat yang kecil itu," kata seorang murid. Setelah itu, pengetua berdiri di depan penuntut-penuntutnya dan kakitangan lain serta mengakui keberatannya untuk membuang azimat yang berkuasa itu,

"Katilku dibanjiri airmata," tulis guru besar itu. "Semua dosa saya dinyatakan kepada saya," katanya. Saya telah menyerahkan semuanya kepada Tuhan dengan segenap hati kemudian saya berasa begitu gembira dan lega malahan saya bermimpi saya telah bertemu dengan Tuhan. Saya menjawab Dia dan mencurahkan segala keangkuhan keperibadian saya lalu menangis tersedu-sedu dalam mimpi itu. Dia menunjukkan sebuah buku yang bersih kepada saya, dan aku boleh menulis semula bahawa Yusuf Jun Kalang adalah seorang yang berdosa tetapi kini dia telah menyerahkan dirinya...saya dipenuhi kegembiraan yang tak terhingga..." cerita Lian Matu selanjutnya.

"Saya tahu pekerjaan Tuhan sungguh ajaib. Displin di sekolah itu tidak lagi menjadi satu masalah. Jika seseorang menemui lima sen, dengan segera dia akan memulangkannya. Orang yang susah diinjili telah bertaubat dan saya ingin seluruh gereja bergembira atas pengalaman ini. Inilah yang telah kami doakan sekian lamanya."

Setelah berbincang dengan para pelayan, mereka bersetuju bahawa satu pertemuan harus diadakah pada hari minggu berikutnya, 14hb. Oktober, untuk menyiasat sama ada peristiwa ini bertunjangkan Alkitab. Sebelum ini, Lian Matu berjaya mengatur satu kebaktian doa di rumah panjangnya di Ulong Palang pada hari Khamis berikutnya.

“Inilah permulaan kebangunan rohani secara besar-besaran,” jelas Lian.

Undangan diberikan kepada penghuni di sekitarnya dan Lian sendiri membimbing kebaktian. Mula-mulanya, suasana kebaktian itu seperti tidak ada sesuatu pun yang akan terjadi. Dia menanyakan mereka sama ada mereka mahu bercakap tetapi mereka berkata Tuhan tidak meminta mereka untuk bercakap. Setelah mereka menyanyi beberapa lagu, Lian bercadang mereka berdoa lagi.

“Kenapa Engkau kelihatan seperti begitu jauh daripada aku, ya Tuhan?” Agan sedang berdoa. Beberapa saat kemudian, dia berdoa, “Ya Tuhan, Engkau berada di sini, Engkau dekat dan berada di dalam hati kami.” Kemudian hampir dua puluh orang dipanggil, mereka bertaubat dengan sedu sedan sambil meminta pengampunan daripada Tuhan.

“Pengakuan itu sungguh berlainan dengan pengakuan yang pernah kami dengar pada masa yang lalu,” jelas Lian. Dia membiarkan mereka bercakap selama lima belas minit. Apabila mereka berdiam, dia berkata, “Saya tahu anda sedang bertaubat tetapi saya tidak tahu sama ada anda sudah yakin akan keselamatan anda. Saya meminta agar anda berdoa lagi dan berusaha mengakui dan meminta pengampunan atas dosa yang boleh anda ingat dan tidak dapat ingat lagi. Minta agar Tuhan bersihkan dosa anda dan memenuhi hati anda dengan Roh Kudus-Nya. Beberapa orang menyebut nama orang yang pernah bergaduh dengannya lalu memulihkan perhubungan dengan mereka. Banyak kes mahkamah telah dibatalkan kerana pihak yang terlibat telah diperdamaikan secara ajaib dengan tangisan dan kasih Tuhan. Setelah dosa mereka telah diampuni Tuhan, kebaktian itu dilanjutkan dengan nyanyian pujian yang lantang sambil berlinangan airmata.”

Penentangan segera muncul dan hal ini memang tidak dapat dielakkan.

“Iblis sangat marah dan di Bario, ia telah menyerang kebangunan rohani dengan ajaran palsu, perpecahan, keangkuhan rohani, dan banyak lagi gejala. Orang yang baru percaya sangat peka dan Iblis akan berpura-pura mengutus berita dan tanda daripada Tuhan.”

Salah seorang wanita mulai menangis dan bernubuat mengenai dosa lalu ramai tampil untuk bertaubat. Orang yang lain menerima kata-kata nubuat ini dalam fikiran mereka tetapi kadangkala nubuat itu disalahgunakan.

Pada suatu hari, seorang guru yang banyak bersaksi serta membimbing mereka untuk bertaubat kepada Tuhan telah menerima satu mesej. “Aku telah berbuat salah dan kata-kata saya bukan daripada Tuhan,” kata dia dengan sedih kepada Lian.

Lian yang melihat gejala yang berbahaya itu meminta agar mereka memohon Tuhan memberi mereka kurnia untuk membezakan yang benar dan yang salah. Tuhan memberitahu mereka bahawa iblis berusaha menghancurkan khutbah murni yang disampaikan oleh Tuhan. Tuhan tetap menggunakan Lian dalam pelbagai cara untuk mengajar dan membimbing orang yang baru percaya. Mereka yang tergerak oleh kebangunan rohani kemudian dipelihara oleh ajaran dasar rohani yang kukuh.

Dari Oktober ke Disember, kejadian luarbiasa terjadi berbulan-bulan di dataran tinggi orang Kelabit, dan mereka diselubungi kesukacitaan. Perasaan sukacita yang dialami dalam kebaktian itu serta pujian yang dinaikkan kepada Tuhan mungkin menyebabkan mereka ingin terus tinggal di situ, serta menikmati kebebasan beribadah dan menyanyi lagu-lagu baru dan lagu-lagu singkat yang diilhami mereka. Bagaimanapun sekarang mereka ingin keluar dan membagikan berkat kepada sanak saudara dan sahabat-sahabat. Mereka tersebar ke merata tempat di Sarawak pada waktu cuti sekolah. Tuhan meluaskan pekerjaan-Nya, dan rombongan pengkhutbah ini telah pergi ke pelbagai tempat walaupun mereka terpaksa menanggung biaya pengangkutan yang berat. Mereka telah menerima pemberian Tuhan yang ajaib apabila guru-guru sekolah menerima gaji mereka pada bulan itu.

Penghulu yang tidak mempunyai kes mahkamah untuk diadili turut menyertai guru besar dan orang lain dalam perjalanan yang jauh ke sungai Baram. Beliau berkhutbah lalu melihat bagaimana Tuhan menyertai firman-Nya dengan keyakinan, pertaubatan, sukacita yang baru serta mukjizat-mukjizat.

Kebangunan rohani ini telah mempengaruhi setiap aspek kehidupan dan kesannya masih terasa sehingga hari ini dalam masyarakat yang sudah berubah.

“Buah limau masih ada pada pokok aku,” jelas seorang Kelabit dalam bahasa kiasan mereka yang bermaksud budak-budak itu tidak lagi mencuri.

Apakah yang terjadi kepada budak-budak yang sedang mengulang kaji untuk peperiksaan mereka? Jawapannya terdapat pada tesis Lian Saging yang dikutip, "Permulaan kebangunan rohani ini telah menyebabkan pembubaran kelas di sekolah menengah dan sekolah rendah namun ini tidak menghalangi pengajian mereka kerana Tuhan telah memberkati mereka. Sekolah Menengah Bario telah meraih pencapaian kelulusan yang paling tinggi pada tahun itu untuk peperiksaan 'Junior Examinations.' Sekolah itu telah mencapai keputusan yang terbaik sekalipun kemudahannya tidak canggih".

Berkat sedemikian juga dialami di tempat lain. Di Apoh, berkat dicurahkan di kalangan orang muda yang merindukan kebangunan rohani. Mereka sedang mengadakan kebaktian malam dan setelah mereka mendengar apa yang terjadi di Bario, mereka juga meminta Tuhan mengutus Roh Kudus kepada mereka juga.

Orang kampung yang berada di rumah panjang mereka dapat mendengar nyanyian di gereja.

"Nyanyian mereka kedengaran berlainan. Lagu mereka merdu dan manis," jelas Taman Ngau, penterjemah Perjanjian Baru Kayan. Kebaktian itu berlansung agak lama dan orang yang lebih tua balik tidur. Pada waktu itu, Taman Ngau bermimpi indah sehingga dia membangunkan isterinya dan menceritakan mimpi itu.

Mereka bersama-sama membaca Perjanjian Baru kerana dia berasa Tuhan ingin bersabda sesuatu kepada dia. Mereka merujuk ke Kisah Para Rasul dalam bab dua di mana Petrus bercakap mengenai pencurahan Roh Kudus pada hari-hari terakhir.

"Inilah penjelasannya, inilah yang dilakukan oleh Tuhan. Mari kita ke gereja."

Sewaktu mereka berjalan menelusuri papan lantai ke gereja, mereka menyedari banyak orang sedang berbondong-bondong ke gereja walaupun masih gelap. Seluruh kampung kelihatan seperti sedang menuju ke arah gereja.

"Di sana kami mengenal Tuhan," jelas Taman Ngau. "Seluruh tempat itu dipenuhi Roh Kudus Tuhan dan semua pemuda pemudi sedang berdoa

dan beribadah. Beberapa di kalangan mereka sedang mengakui dosa mereka dan kami juga berbuat demikian. Kami tidak menyadari kami pernah berdosa tetapi kami mulai melihat betapa kotornya diri kami di hadirat Tuhan yang suci.”

Tidak aneh kalau dua orang akan berdiri serentak dari penjuru gereja, bertemu, saling memaafkan serta berdamai antara satu sama lain. Tuhan telah bersabda kepada mereka agar mereka mengakui dosa kepada sesama dan diperdamaikan. Anak-anak kecil juga mengakui dosa mereka dan sesetengah mereka menegur ibu bapa mereka. Anak kecil Taman Ngau sedang menangis lalu bapanya menanyakan anak itu sebabnya. “...kerana Tuhan telah mati demi saya,” katanya.

Di Bario, seorang lepas seorang diberikan karunia berpengetahuan dan dosa tersembunyi telah disingkapkan.

“Awak tidak mengakui semua dosa awak,” kata seseorang kepada salah seorang lelaki. “Awak mempunyai azimat yang tersimpan di pondok awak di ladang untuk menjamin tuaian yang baik.”

Orang itu menyangkalnya tetapi seorang jemaah yang berkarunia berkata, “Pergi ke lantai papan ini dan di tiang ke kiri, awak akan menjumpai sebuah lubang di mana azimat itu disimpan.”

Para pelayan berasa mereka harus pergi dan menyiasatnya. Mereka membawa orang itu ke pondok ladangnya dan menjumpai azimat itu lalu dia bertaubat dan meminta pengampunan.

Di tempat lain, di mana gereja kekurangan pemimpin yang baik, wahyu disalahgunakan atau diputar belitkan oleh iblis untuk menyesat orang lain. Seorang wanita berdiri dan bernubuat, “Tuhan telah menunjukkan kepada saya bahawa kita tidak perlu membaca Alkitab kerana Dia telah memberi Roh Kudus yang dapat bersabda kepada kita secara langsung.” Kesannya terhadap kampung itu sangat ketara sehingga jemaah gereja berpecah belah kemudian berpaling daripada Tuhan namun kejadian seperti ini tidak sering berlaku setelah Tuhan menggunakan Lian Matu untuk meneguhkan iman baru yang dialami oleh mereka. Beberapa bulan ini, dia giat menulis surat bercirikan rasul Paulus. Ini bererti kebangunan rohani tetap bergiat tetapi di bawah pengawasan firman Tuhan yang dinyatakan.

Situasi di Sabah pada mula-mulanya kelihatan tidak baik. P emisahan dan pemecahan melandai golongan ini sewaktu kebangunan rohani tercetus di Sarawak. Seorang anak remaja gadis yang kemudian menyertai latihan di Sekolah Alkitab Miri melayani sebagai guru sekolah minggu ketika kebangunan rohani datang ke kampung Batu Sepuluh. Kimbing seorang pemimpin yang berpengalaman telah menjelaskan kepada guru sekolah minggunya mengenai kebangunan rohani di Indonesia. Dia bercadang agar mereka berdoa untuk kebangunan rohani di kampung mereka sendiri lalu mereka berdoa hampir setahun lamanya.

Pada akhir tahun 1973, apabila Tuhan sedang bekerja di kalangan orang Kelabit di Bario, sebuah Sekolah Alkitab telah diselenggarakan di kampung Batu Sepuluh. Mereka telah mengundang penduduk di sekitar kampung itu dan dua orang ratus orang telah datang. Sebuah kebaktian yang berbeza telah diatitkan bagi kanak-kanak kerana banyak kanak-kanak telah datang.

“Saya berada dalam kumpulan remaja pada hari yang kedua,” cerita Kimbato. Sewaktu berada di Sekolah Alkitab Miri. “Kami terdengar tangisan anak-anak kecil yang berada di bangunan yang berdekatan sewaktu kami berada di gereja. Kami pun mendekatinya dan melihat apa yang terjadi oleh kerana tangisan itu kedengaran berlainan sedikit.”

Kimbato mengamati bahawa kanak-kanak kecil yang nakal di Sekolah Minggunya sedang menangis dan berdoa. Mereka sedang mengakui dosa mereka dan meminta pengampunan. Dia begitu hairan kerana adiknya yang lebih muda juga sedang menangis.

“Kenapa?” tanya dia.

Adiknya melayang pandangan kepada dia lalu menangis dan memohon pengampunan kerana tidak pernah menurutnya.

“Perasaanku begitu terharu lalu saya merenungi keadaan saya yang semakin merosot khususnya dari segi rohani,” jelas Kimbato. “Tentu saja saya mengampuni awak,” itu saja yang sebutkan kemudian saya mulai menangis. Saya tidak dapat menahan perasaan saya.”

Dia mulai menceritakan bagaimana sahabatnya menjelaskan Roh Kudus yang tidak dapat difahami oleh dirinya. Dia pun berbahasa lidah lalu berdiri dan berdoa. Seorang teman meletakkan tangannya pada bahu Kimbato

dan berdoa untuk dia.

“Saya sendiri juga berbahasa dalam bahasa yang tidak saya fahami. Pada waktu itu saya sedang berfikir dalam satu bahasa tetapi mulut saya berbahasa lain.”

Bahasa lidah bukanlah gejala kebangunan rohani pada mula-mulanya di Sarawak, dan di Batu Sepuluh tidak ada seorang pun dapat memahaminya. Kekeliruan berleluasa di sana. Ayah Kimbatoi seorang pelayan gereja, mengambil keputusan untuk berdoa bersendirian. Apabila dia kembali orang yang lebih tua ini menyedari pekerjaan ini daripada Tuhan tetapi di sana juga wujud beberapa gejala yang tidak disukainya.

“Ini daripada Tuhan tetapi tidak semestinya semuanya,” katanya.

Pemuda yang dipersoalkan tentang karunia mereka tentu tidak menyukainya. Mereka yakin segala sesuatu wujud dalam kebangunan rohani ini datang daripada Tuhan. “Mereka sungguh dogmatik,” jelas Kimbatoi. “Mereka tidak mahu mendengar kata-kata Kimbing malahan berkata dia sedang menentang kebangunan rohani.”

Sedihnya, kedua-dua pihak ini tidak mahu mendengar sesiapa pun. Seorang pemimpin yang menulis dalam majalah SIB setahun kemudian menjelaskannya:

“Dalam setiap kebangunan rohani tentu akan timbul dua pihak yang berlawanan sikap iaitu termasuk orang Kristian. Pihak tertentu akan menolak segala sesuatu yang terjadi dan kehilangan berkat baru dan mukjizat rohani yang lebih mendalam bahkan kehilangan keselamatan sama sekali. Orang lain pula akan menerima segala sesuatu tanpa memeriksanya dan mereka begitu mudah tertipu iblis dan keinginan sendiri. Mereka ini berada dalam keadaan bahaya dan mudah menyimpang daripada kebenaran. Sementara kita mengakui pekerjaan Roh Kudus yang sejati; kita juga harus tahu bahawa iblis sangat cergas pada waktu kebangunan rohani. Dia berusaha menimbulkan pekerjaan palsu dan menyesatkan orang. Kebangunan rohani juga mempunyai gejala manusiawi seperti perasaan dan kemunafikan. Kedua-dua jenis orang ini akan kehilangan berkat. Kita harus mengakui pekerjaan Roh Kudus dan pada waktu yang sama juga menyedari keinginan kita sendiri. Pengalaman kita harus didasarkan pada Alkitab dan pegangan kita

yang seimbang. Berkat yang baru juga tersedia bagi orang Kristian yang matang dan puas dalam kerohaniannya, dan yang berasa mereka tidak memerlukan kebangunan rohani. Kita harus bersikap positif dan seimbang terhadap kebangunan rohani supaya kita boleh beroleh manfaatnya.”

Keadaan berpecah belah yang terjadi di kalangan jemaah di Batu Sepuluh berlanjutan selama satu setengah tahun. Kimbatoi memihak teman-temannya sehingga suatu hari tahun 1975, sewaktu dia mengadakan kebaktian doa, dia berasa sungguh bersalah kerana menuduh bahawa Kimbing sedang menentang kebangunan rohani.

Dia mulai menyedari bahawa Tuhan sedang bersabda kepadanya. Sementara mereka semua sedang berdoa, dia senyap-senyap keluar untuk menemui Kimbing tanpa diketahui sesiapa pun. Dia mengakui kesalahan mencaci dan memohon pengampunan. Kemudian dia kembali dan memujuk teman-teman lain untuk meminta pengampunan juga. Mereka semua menyetujui bahawa mereka seharusnya tidak menjadi umat yang berpecah belah. Akhirnya, Tuhan memulihkan mereka dan karunia-karunia dapat dilakukan dalam suasana kasih serta dengan pengertian baru.


Seorang mubaligh diminta untuk berkhotbah namun dia tidak memberi khotbahnya secara langsung. Sekalipun beratusan orang, ibu, datuk, nenek, dan kanak-kanak rindu akan firman Tuhan dan bersiap sedia untuk mendengar firman Tuhan, dia hanya mengajukan pertanyaan. Mereka dapat mengaji Alkitab sendiri dan apa yang disabdakan oleh Tuhan melaluinya.

“Kesediaan untuk menyerahkan diri mereka kepada firman Tuhan sungguh ajaib,” kata mubaligh itu.

Menjelang penutupan persidangan itu, seorang lepas seorang datang kepadanya untuk mengucapkan, “Terima kasih untuk firman Tuhan.”

BAB 16

FAJAR MENYINSING, UFUK BARU MENJELANG



Kebangunan rohani di Borneo bergerak daripada gerakan kampung di pedalaman ke kota-kota.

Perubahan memang intipati yang mewarnai seluruh Asia Tenggara pada hari ini. Sesungguhnya, BEM dan SIB tidak tersisih dari arus ini. Beberapa perubahan dan gejala-gejala yang berputik pada beberapa tahun ini berpunca daripada kebangunan rohani. Perkembangan pesat seluruh Asia Tenggara juga mendatangkan perubahan.

Kebangunan rohani merebak dari gerakan kampung di pedalaman hingga ke kota-kota yang berkembang pesat. Penglibatan BEM di Kuching sejak 1969 telah menghasilkan sebuah gereja yang membenih daripada pemuda pemudi yang berpindah ke ibu kota untuk pendidikan.

Pada suatu hari Ahad, Lian Matu menceritakan apa yang terjadi di Bario beberapa bulan yang lalu kepada kelompok ini. Setelah ibadah bersurai, dia berjalan bersama dengan pastornya ke ruangan belakang gereja. Tidak ada orang bergerak. Pastor bercadang agar Lian kembali ke ruangan depan kebaktian lalu dia mengundang anggota gerejanya untuk berdoa. Apabila mereka mulai menangis-nangis, dia mengambil berat akan hal ini ketika mengenangi beberapa ibadah di Bario. Gereja Kuching tidak mempunyai bangunan mereka sendiri dan mereka bertemu di lapangan terbuka di bawah rumah pastornya di kawasan perumahan.

“Sila menyelesaikan masalah anda dengan Tuhan dan mengaku dosa anda kepada-Nya tetapi tolong ingat perbezaan suasana di sini dan Bario. Tolong ingat jiran-jiran yang bukan Kristian dan menangis senyap-senyap sahaja,” ujar Lian.

Ramai anggota jemaah sudah memulihkan perhubungan mereka dengan Tuhan. Inilah permulaan suatu karya Roh Kudus yang hebat di Kuching. Dari sana, gerakan itu merebak ke kota-kota lain bila penduduknya berpindah randah. Kebangunan rohani itu terjadi di kota-kota yang memiliki lebih banyak kesempatan untuk mengadakan pengajian Alkitab. Selain itu, gereja juga mendasari setiap pengalaman teruja mereka pada firman Tuhan.

“Saya berusaha mengajar mereka berulang kali agar tidak hanya bergantung pada perasaan tetapi untuk bertunjangkan setiap pengalaman pada pengajian firman Tuhan,” kata Lian sambil mengimbas pembaharuan yang terjadi pada 1977. Beberapa orang yang pernah digunakan oleh Tuhan kini sudah mengundur dan berjauhan daripada Tuhan.

Alangkah sedihnya, beberapa pemuda yang berpindah dari Bario untuk melanjutkan pelajaran menengah mereka telah membiarkan kehidupan canggih mencekek iman mereka. Sebaliknya, mereka berasa tertekan kerana dikenali sebagai “lelaki yang memulakan kebangunan rohani.” Mereka telah berpaling dari iman mereka tetapi teman-teman yang bijaksana dan saudara mara mereka telah menolong mereka mencapai keseimbangan dalam iman mereka.

Pengalaman Perlu Bertunjangkan Firman Tuhan

Keperluan untuk pengembalaan jemaah dan pengajian firman Alkitab telah ditegaskan oleh pemimpin SIB dalam majalah 1977 yang diterbitkan untuk anggota jemaah Inggeris di SIB. "Kita perlu menasihati setiap bayi baru untuk mendapat bimbingan daripada orang Kristian yang lebih dewasa serta mengikuti firman Tuhan dengan ketat. Alang pentingnya setiap pembaharuan biarpun itu mimpi, penglihatan, atau nubuat, semuanya mesti bertunjangkan firman Tuhan."

Faktor genting tentang pengajian Firman Tuhan telah diungkapkan oleh Bill Hawes apabila dia mengimbas kebangunan rohani tiga tahun itu. Dia menjelaskan pertentangan yang terjadi dalam bentuk karunia Roh yang palsu seperti ujaran roh, mimpi dan penglihatan yang palsu. Keterlaluan telah tampak apabila kehidupan baru dan semangat berkorbar-korbar ini tidak bertunjangkan kebenaran Alkitab. Hal ini akan berleluasa apabila jemaah tidak ada kerelaan untuk menunduk di bawah kuasa Alkitab.

SIB dan BEM telah melihat keperluan untuk menumpukan perhatian baru pada pengasasan Alkitabiah yang lebih kukuh melalui penambahan latihan kepimpinan dan pendidikan rohani anggota biasa di gereja. Kebangunan rohani memberi kesan secara lansung terhadap program ini khususnya di daerah suku Kayan. Sebelum persidangan Irau(Hari Kebangkitan Tuhan Yesus) pada 1974, Sekolah Alkitab di Long Bedian telah tertutup selama beberapa tahun kerana kekurangan kewangan.

Kesan-Kesan Kebangunan Rohani

Setelah kebangunan rohani, dua ribu ringgit telah dikumpulkan dan diagihkan; separuhnya untuk penginjan dan separuhnya untuk pembangunan Sekolah Alkitab di Long Lama. Puji Tuhan, sumber tenaga dan bahan-bahan binaan sekolah ini disumbangkan jemaah. Hanya setahun kemudian pada May 1975, sekolah yang dibangunkan telah didukung oleh gereja-gereja Baram, termasuk orang Kenya dan orang Penan. Kakitangannya terdiri daripada sepasang suami isteri Kelabit yang didukung oleh suku Kayan. Sebenarnya semua wang ini datang daripada seorang Kayan terpengaruh yang menjadi sangat murah hati kerana tergerak oleh kebangunan rohani ini.

Memang benar, mencari penuntut-penuntut untuk sekolah Alkitab setelah kebangunan rohani ini tidak susah lagi malahan jumlah penuntut di Budok Aru dan Nemaus bertambah begitu pesat sehingga kakitangan mulai menghadapi masalah menanganinya. Jumlah di kedua-dua sekolah ini telah meningkat hingga ke seratus murid tetapi sesetengah penuntut yang datang dengan penuh semarak semangat kebangunan rohani telah pudar dan kemudian hilang begitu sahaja. Ini menegaskan keperluan pengajaran dan pilihan calon mahasiswa yang teliti. Kakitangan kedua-dua sekolah ini disediakan oleh SIB dan mereka memerlukan bantuan. Seorang mubaligh telah ditetapkan untuk memberi latihan kursus tahunan kepada semua guru. Bimbingan sambil mengajar di tempat pelayanan mereka serta peningkatan kaedah pengajaran, bantuan penulisan kurikulum, penghasilan bahan-bahan ajaran telah dihulurkan kepada guru-guru.

Pada Mei 1974, sebuah sekolah Alkitab lanjutan telah didirikan bagi mereka yang telah menyelesaikan latihan Alkitab mereka beberapa tahun yang lalu dan mereka yang memiliki sekurang-kurangnya dua tahun dalam pengalaman penggembalaan. Pada mula-mulanya, sekolah yang berkakitangan mubaligh ini bertujuan memberi latihan tambahan kepada pastor-pastor supaya mereka dapat mengajar pemimpin-pemimpin mereka kemudian. Kakitangan ini mengajar mereka kaedah mengaji Alkitab, bagaimana mencari prinsip-prinsip yang boleh diterapkan bagi gereja sendiri, bagaimana berkomunikasi Injil kepada pelbagai kelompok manusia dan bagaimana menanam dan memupuk pertumbuhan gereja-gereja.

Ramai penuntut ini orang dewasa dan mereka membawa keluarga mereka bersama mereka ke sekolah. Kursus dua tahun terpaksa disingkatkan menjadi satu tahun kerana mereka kekurangan kewangan. Beberapa penuntut telah meletakkan isteri mereka di bawah penjagaan gereja-gereja sementara mereka kembali ke kampung untuk menyampaikan pengetahuan dan kemahiran baru mereka kepada gereja. Biasanya penuntut seperti ini didukung kewangan mereka oleh gereja mereka tetapi yang lain bersusah payah sepanjang tahun.

“Betapa ajaibnya cara Tuhan mencukupi keperluan kami tahun yang lalu. Hampir setiap Sabtu, saya mendapat pekerjaan untuk menyara kami selama seminggu.”

Bahasa pengantar Sekolah Teologia Lanjutan ialah Bahasa Malaysia dan ini selenggarakan untuk memanfaatkan pastor-pastor dan gereja-gereja

di pedalaman. Bimbingan dalam Bahasa Inggeris diadakan di Sekolah Alkitab Miri pada tahun 1972. Setelah ditutup hampir selama sembilan bulan kerana masalah kakitangan, kolej itu dibukakan kembali pada tahun 1975. Bilangan penuntutnya kecil namun mereka berbakat. Pada mula-mulanya, kakitangan sekolah ini hanya terdiri daripada mubaligh tetapi pada tahun 1978, Elisa Paul menjadi staf pertamanya setelah menjalani latihan di "All Nations Christian College" di England. Mula-mulanya Elisha menolak pendidikan teologi namun Paul, bapanya yang bijak menggalakkan anaknya untuk belajar kerana dia berkemampuan. Setelah dia menjawat sebagai guru di Sekolah Menengah Marudi, Tuhan memanggil dia ke Sekolah Alkitab Lawas. Dia merupakan salah satu di kalangan enam penuntut yang telah berpindah ke Miri untuk melanjutkan pelajaran dalam Bahasa Inggeris pada 1972.

Beberapa tahun berikutnya, tiga angkatan penuntut itu berangkat ke Australia untuk melanjutkan latihan di Sekolah Alkitab sementara yang lain pergi ke Indonesia atau England. Mutu Sekolah Alkitab Miri telah meningkat hingga setaraf dengan Sekolah Alkitab luar negara. Hanya mereka yang perlu melanjutkan pelajaran mereka perlu pergi ke luar negara.

Sementara penuntut-penuntut pergi ke pelbagai Sekolah Alkitab dan Kolej untuk menjalani latihan, Sekolah Alkitab Tambahan juga mengambil penuntut-penuntut. Kursus yang beraliran Inggeris telah dimulakan di Kuching namun kemudian kursus ini menjadi kelas tambahan Sekolah Alkitab Miri. Kursus Bahasa Malaysia yang dimulakan tahun 1973 di Sabah melibatkan 45 pemimpin. Pas kerja jangka pendek yang diluluskan untuk seorang mubaligh telah melancarkan perkembangan sehingga mereka pulang pada tahun 1977.

Sekolah Latihan Kaum Awam juga berkembang pesat di daerah Belaga dan jangka waktu pengajiannya diperpanjangkan dari dua bulan ke setahun pada tahun 1972-5. Sepasang mubaligh menjadi kakitangannya; mereka sering mengunjungi kawasan sekitarnya dengan penuntut-penuntut mereka.

Penginjilan dan pembangunan gereja tetap dilanjutkan seperti di pusat-pusat lain sebagai sebahagian latihannya. Penginjilan bukan sahaja dilakukan di Lawas tetapi juga di kawasan Lun Bawang sehingga ke kawasan Limbang. Rombongan Sekolah Alkitab Miri telah pergi ke banyak arah khususnya ke Tubu Kayans, Iban di Bakong, dan ke ladang kelapa sawit di mana gereja baru dibuka untuk penginjilan.

Dua puluh tahun yang lalu, ketua pengayau di daerah Tubau dengan terang-terang menjelaskan bahawa mubaligh tidak akan disambut di daerah itu namun dia dan orangnya telah mengunjungi saudara mara di seberang gunung daerah Belaga. Penuntut-penuntut Sekolah Alkitab Miri yang telah melawat mereka lima kali selama lapan belas bulan telah mengalami kejutan budaya. Penuntut-penuntut ini berbahasa sama tetapi mereka berasal dari daerah Baram di mana perkampungan mereka menganut agama Kristian sejak dua puluh tahun yang lalu. Mereka terloya melihat keadaan kehidupan dan ketekalan kebelengguan penduduk ini oleh azimat, dukun dan pengaruh-pengaruh iblis. Kekejutan mereka telah menyebabkan mereka bersyukur kepada Tuhan apabila mereka teringat semula bagaimana mereka telah dibebaskan. Membakar azimat, ubat guna-guna dan azimat perlindungan yang bernilai beribu ringgit Malaysia merupakan pengalaman baru bagi pemuda-pemudi ini.

Kemajuan Teknologi Dan Penginjilan

Radio dan rakaman kaset telah menembusi beberapa daerah yang kurang pembangunan; gereja dan Misi segera menggunakan kemajuan teknologi ini. Beberapa bekas mubaligh ladang Dusun telah menyiapkan kaset bagi kampung-kampung yang terselerak.

Mubaligh-mubaligh yang terkejut dengan jumlah penduduk rumah panjang yang masih buta huruf telah menyiapkan beberapa kaset kerana mereka kesuntukan waktu untuk mengunjungi begitu banyak rumah panjang yang kecil. Program ini berjalar-jalar sehingga tiga puluh tempat yang berbeza tersenarai dalam senarai kiriman kaset. Pesanan kaset ini tidak sahaja datang daripada penduduk Iban yang buta huruf di rumah panjang bahkan juga mereka yang berpendidikan tinggi di Bandar, pesakit rumah sakit, dan Pusat Buta di Sarawak. Proses rakaman di Batu Niah memang sukar. Bayangkan, mereka dengan kerjasama anggota gereja terpaksa menggantung selimut tebal untuk membendung suara. Kaedah ini cukup baik dibandingkan dengan rakaman di studio baru di Lawas.

Studio ini salah satu projek serombongan rakyat New Zealand yang terdiri daripada 22 orang yang bernama, "Manusia Bermisi." Pembina rumah, pedagang dan ahli teknikal telah menyumbang perkhidmatan mereka kepada gereja Borneo sebagai tenaga praktikal. Pekerjaan mereka menjangkau dua gereja SIB, satu di Marudi iaitu gereja Cina yang dikongsi

bersama gereja tempatan, satu lagi di Lawas bagi orang Cina, sebuah studio rakaman, dan sebuah bangunan lain di Lawas. Luarbiasa, pelayanan kaset ini dijangka menggantikan pekerjaan Misi dan SIB selama tiga tahun di Borneo. Pada Februari 1974, SIB telah menyiarkan tiga puluh program Bahasa Malaysia yang juga disiarkan melalui FEBC.

Sementara beratusan pendengar belajar daripada radio dan kaset, yang lain menyedari bahawa pelayanan buku merupakan pelayanan yang belum diterokai lagi. Puji Tuhan, Dia telah memanggil seorang pemuda mengambil alih pengurusan penjualan buku-buku Kristian. Pemuda ini telah bertaubat sewaktu membaca sebuah buku Kristian lalu menyedari bahawa buku memang sumber hidup. Dia memulakan kempen penyebaran buku-buku. Dia bukan sahaja mengurus sebuah kedai di Kuching di mana jualan bukunya begitu laris tetapi juga membuka kedai buku di Sibul, Miri, dan Lawas.

Penterjemahan Alkitab Menjadi Prioriti

Yang pasti, kelaparan untuk buku-buku tercetus sejajaran dengan kerinduan firman Tuhan yang berpunca daripada kebangunan rohani. Mengenangi waktu antara 1973-1976, Bill Hawes berpendapat bahawa kebangunan rohani merupakan faktor terpenting untuk memacu pembangunan gereja. Ini terbukti oleh kehausan jemaah akan firman Tuhan, oleh kerana ini penterjemahan masih menjadi prioriti tertinggi.

Selepas ini, empat Perjanjian Baru telah menjangkau penduduk sana pada tahun 1970-an; Kayan pada 1970, diikuti oleh Kenyah yang terdiri daripada 40 peratus penduduk, Dusun pada 1973, dan Penan pada tahun 1975. Pada tahun 1977, Perjanjian Lama suku Kayan telah diterjemahkan serombongan orang yang terdiri daripada seorang mubaligh dan sepuluh orang Kayan. Keperluan kewangan mereka didukung oleh gereja Kayan. Dua di antara mereka berjawat sebagai staf sepenuh waktu. Tetapi, masih banyak kerja penyediaan yang perlu dilakukan dengan kerjasama akrab antara orang Kayan di Apoh dan mubaligh yang kembali ke tanahair mereka.

Satu-satunya Perjanjian Lama yang sudah siap dicetak ialah Alkitab Lun Bawang. Alkitab ini hasil usaha Belcher yang memusatkan perhatiannya hampir satu dekad namun naskah terjemahannya mesti dibaca dan diselidiki berbulan-bulan sebelum diletakkan di tangan suku Lun Bawang.

Di Tagal beberapa kitab telah disemak semula dan beberapa kitab Perjanjian Lama telah diterjemahkan, sementara di Kenya, Perjanjian Baru telah diselesaikan. Kemudian, dua lelaki Kenya menerima latihan untuk memulakan penterjemahan Perjanjian Lama.

Penempatan Bumiputera Dalam Pelayanan

Tidak hairanlah, kalau kebangunan rohani telah membuka pintu perubahan yang lebih besar. Jelas, peranan mubaligh juga sedang berubah. Pada tahun 1976, program penempatan semula bumiputera oleh kerajaan Sarawak telah memberi padah terhadap sembilan belas mubaligh kerana visa kerja mereka tidak diperpanjangkan dan visa kerja isteri mereka telah ditukar ke visa sosial. Halangan kemasukan orang asing di Sabah selama beberapa tahun kini mempengaruhi Sarawak. Sebaliknya, keadaan di Sabah menjadi lebih longgar dan dua permit pekerjaan telah diluluskan.

Yang pasti, Tuhan tidak terkejut oleh semua perubahan ini. Kebangunan rohani telah mempersiapkan gereja untuk perpisahan dengan banyak kakitangan mubaligh dan penempatan bumiputera sudah terancang jauh-jauh hari oleh Tuhan. Memang benar, Tuhan sudah sediakan payung sebelum berhujan.

Wajarlah peristiwa yang berlansung menyakiti hati kami tetapi kami meyakini sesama akan kebaikan dan kedaulatan Tuhan kita. Tentu saja, Dia akan memelihara gereja-Nya. Dia mengizinkan beberapa mubaligh menetap lebih lama untuk menolong gereja-gereja sementara yang lain akan disambut oleh gereja cabang SIB di daerah lain di Asia Tenggara.

Kakitangan SIB pula menyumbang kepada perkembangan gereja lain bahkan mereka sudah melangkah ke luar Malaysia Timur untuk mengajar dan menceritakan tentang kebaikan Tuhan sambil belajar daripada mereka.

Perubahan Positif

Kemucaknya, perhubungan SIB dan BEM diperkukuhkan di seluruh Asia Tenggara apabila BEM dan OMF bergabung pada tahun 1974. Benih-benih fikiran untuk gabungan ini telah membenih sejak lima tahun sebelum ia mengambil bentuk nyata apabila kedua-dua pengarah ini bermesyuarat

pada tahun 1973. Kertas-kertas bentangan telah dibincang dan nasihat seluruh BEM serta SIB telah diminta. Pada mula-mulanya, keraguan masih bergelora di benak fikiran banyak orang. Namun, apabila BEM bertemu untuk Persidangan pada Maret 1974, Tuhan memberi keyakinan kepada para mubaligh sewaktu mereka mencerita tentang kebangunan rohani SIB. Dua wakil dari Australia dan majlis UK telah melancarkan perbincangan jujur dan terbuka. Mereka menjelaskan dengan terbuka bahawa sudah tibanya waktu yang akan selalu dikenangi dalam ingatan semua yang hadir kerana Roh Kudus akan bersabda kepada mereka.

Sungguhpun fikiran yang bercanggah dibentangkan, suasana persidangan itu sungguh luarbiasa kerana kehangatan persekutuan dipertahankan. Apabila undian diambil, beberapa anggota yang pernah ragu-ragu atau duduk di atas pagar telah menerima bimbingan positif. Tidak dielakkan, keraguan masih bergelumang dalam benak beberapa orang.

Sikap positif yang berlanjutan setelah persidangan membuktikan bahawa kesatuan persekutuan tetap terpelihara. Mereka merasa persidangan yang selanjutnya harus diadakan pada tahun berikutnya kerana kesan persidangan ini begitu dalam kesannya. Dr. Michael Griffiths yang telah diberi peluang untuk menghadiri persidangan lain telah mengesahkan pembentukan perlembagaan dan pengubahsuaian BEM.

Perubahan besar Persidangan 1974 ialah perubahan peranan mubaligh BEM. Program penerbangan yang melayani gereja selama 28 tahun di pedalaman telah diambil alih oleh "Missionary Aviation Fellowship" (Persekutuan Penerbangan Mubaligh) dan ditanggung oleh BEM. Perbincangan dengan SIB mengenai pemindahan pentadbiran BEM ke Miri telah berlansung. Langkah peralihan Misi ini hanya berpusat di pedalaman sahaja. Misi pedalaman tidak diabaikan namun misi di Bandar semakin penting dan mendesak. Satu gerakan telah dilancarkan pada Febuari 1975.

Satu langkah wajar dalam persidangan 1976 ialah cadangan agar SIB mengambil alih pusat pentadbiran di Lawas. Walaupun hak milik telah dipindahkan kepada SIB tetapi Misi tetap bertanggungjawab atas perbelanjaan sehari-harian Sekolah Alkitab, pejabatnya, bilik simpanannya, perpustakaanannya, program penerbangannya dan juga studio kasetnya serta tempat tinggal para mubaligh. Untuk menyumbang lebih banyak kewangan, BEM telah menyewakan rumah-rumah mereka yang dibangunkan Misi banyak tahun yang lalu.

Mubaligh BEM masih memegang jawatan penting di kota-kota kerana pastor-pastor SIB belum memiliki kelayakan melayani. Pastor yang berpengalaman pula tidak fasih dalam Bahasa Inggeris. Misi telah menyediakan pastor yang berbahasa Inggeris untuk gereja di Kuching, Miri, dan Sibu yang berkembang pesat, dan beberapa cabangnya sekitar kawasan itu.

Sepasangan mubaligh pergi ke Limbang untuk melayani sementara waktu. Gereja di Miri telah dipersembahkan pada tahun 1974. Tanah untuk membangun sebuah gereja berdekatan bandar diberikan sejak 1967 setelah pinjaman untuk membeli tanah telah diluluskan untuk pembangunan gereja BEM/SIB dan gereja Gospel Chapel di Miri. Gereja Bahasa Cina telah dibangun dan digunakan sejak 1972. Apabila bangunan SIB dibangun, jumlah anggota yang menghadiri kebaktian Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia semakin bertambah.

Pada bulan yang sama, November 1974, SIB di Sabah telah membuka sebuah gereja di Kota Kinabalu. Di sana, mereka tidak membangun bangunan. Beberapa pemimpin muda SIB telah menghadiri persekutuan doa bulanan iaitu persekutuan antar denominasi dan telah mengutarakan keperluan sebuah gedung gereja. Tidak lama kemudian, mereka telah diizinkan untuk menggunakan sebuah gedung gereja Basel lama secara percuma. Jemaah Gereja Basel Cina telah berpindah ke bangunan baru. Bangunan lama ini dijadikan tempat tinggal para pastor dan juga pejabat baru SIB, Sabah.

Pembentukan SIB Sabah 1976 dilaporkan sebagai peristiwa gembira kerana pertikaian pendapat yang boleh memecah belah persekutuan tidak terjadi. Kesan perhubungan gereja dengan kerajaan telah mendesak mereka untuk sehaluan dan bersatu padu. Desakan ini menyebabkan pertumbuhan pesat dan menegaskan Sabah sebagai satu konstituensi. Setengah jemaah SIB berada di Sabah dan sepertiga gereja SIB di Sarawak; kebanyakan jemaah Sabah berasal daripada suku Dusun. Namun, SIB Sabah menjadi agak terpencil setelah penutupan perbatasan kepada orang Sarawak yang ingin menetap di sana, dan juga apabila para mubaligh terpaksa pulang.

Selembar dokumen telah ditandatangani oleh kedua-dua pihak sebelum persuraian persidangan itu. Ia berbunyi demikian, "Walaupun kita berada di bawah pentadbiran yang berbeza namun kita harus mempertahankan

persekutuan gereja.” Kedua-dua gereja ini akan bertemu dari waktu ke waktu dan tetap bertanggungjawab atas Sekolah Theologia Atasan, program penerbangan, studio rakaman dan Sekolah Alkitab Miri.

Bagaimana Pula Dengan Suku Iban

Perubahan pesat terjadi sehingga banyak gereja berjamuran di Sabah dan Sarawak tetapi bagaimana pula dengan suku Iban iaitu suku terbesar di Sarawak? Usaha untuk menginjili suku ini terancam oleh pelbagai kesusahan. Dua keluarga mubaligh telah diutuskan pada tahun 1974 ke Bintulu untuk mendirikan pekerjaan di kalangan orang Iban di daerah yang pernah dijangkau oleh BEM sejak 1928. Gareth merentasi daratan ke Bintulu pada hari Selasa, 9hb. Julai 1974 sementara isterinya, Glenda, terbang dari Miri pada hari berikutnya untuk menyertainya. Mereka telah merancang untuk bertemu di lapangan kapal terbang. Gareth sudah mengemaskan semua barangnya untuk menginap di rumah baru di Bintulu yang akan dikongsi dengan seorang tukang besi dan keluarganya yang begitu ramah.

Kira-kira pada pukul 7.30 pm, Gareth mendapati gas di dapurnya terbocor. Paip peti sejuknya sudah longgar lalu dia berusaha memperbaikinya dan menyala api tanpa menyedari bahawa seluruh ruangan dapurnya sudah dipenuhi gas! Sekonyong-konyong, api kilat ternyala! Sekalipun Gareth berusaha menyelamatkan diri dari bilik itu, akan tetapi api menjilat dan membakarnya. Gareth diusung ke hospital setelah menunggu beberapa minit. Pada waktu itu, sebuah kereta yang dipandu seorang doktor swasta melalui depan rumah mereka menolongnya. Sekalipun serombongan kakitangan hospital yang termoden di kawasan pantai telah berusaha sedaya upaya, Gareth tetap pulang ke sisi Tuhan pada 4 hb Ogos. Kemudian, isterinya pulang ke negara England untuk melahirkan anak sulung mereka. Dia disambut dengan penuh kasih sayang oleh sanak saudaranya. Tuhan telah memberi Gareth dan Glenda satu beban istimewa untuk menginjili orang Iban.

Beriringan peristiwa ini, hati keluarga Reasbeck juga terbeban berat tetapi mereka terpaksa meninggalkan tempat itu apabila salah seorang anak mereka memerlukan rawatan yang serius namun masalah mereka diatasi dengan baik kerana mereka sudah kukuh dalam pelayanan mereka di Miri.

Tidak lama kemudian, seorang pemuda Kayan yang sedang dilatih telah

mengunjungi sekumpulan orang Iban yang bekerja di skim pembangunan tanah. Mereka telah membina sebuah gereja dan meminta agar mereka diajari. Ketika pemuda itu sedang berkhotbah, dia menerima berita bahawa isterinya sudah dimasukkan ke dalam hospital. Hari berikutnya, isterinya melahirkan seorang bayi yang tidak bermaya dan nyawa isterinya terancam pada saat itu. Pemuda ini berpendapat bahawa harga pengorbanan seperti ini harus dibayar kalau seseorang mahu menginjili suku Iban. Ajaibnya, walaupun diuji berat, dia tidak berpaling dari bajaknya.

Pada waktu yang sama, mubaligh-mubaligh dan gembala sidang lain telah pergi ke Iban yang lain dan mereka menghadapi pelbagai cabaran.

Kebangunan rohani tidak tercurah ke atas orang Iban. Di satu daerah, berkat yang dicicipi suku-suku lain seakan-akan tercurah atas mereka juga, akan tetapi tidak ada pekerja terlatih yang dapat membimbing mereka selanjutnya. Seorang kaum awam yang berusaha menolong mereka berkata mereka seperti askar-askar yang tidak dilengkapi. Kebangunan rohani itu lama kelamaan tersurut dan hanya tertinggal luka-luka yang tidak memuliakan nama Tuhan.

Masa depan apakah yang tersedia untuk orang Iban?

Pengalaman Menjangkau Orang Iban

Dalam rangka kunjungan saya ke Borneo pada tahun 1977, saya mempunyai kesempatan menyertai rombongan penginjilan Iban sewaktu berada di Kuching. Nama-nama mereka yang disebut telah saya tukar dalam buku ini kerana mereka masih menjadi wakil di beberapa buah bandar.

Rombongan kami terdiri daripada tujuh orang. Lima orang menumpang dalam kereta baru Martin dan dua orang lagi membonceng motosikal baru George. Mereka berdua mengetahui bahawa perjalanan sepanjang tiga setengah batu sebelum tiba di lebuh raya sungguh berbatuan namun mereka rela menggunakan kereta mereka.

Martin seorang Iban yang bertaubat sewaktu dia mengaji di Universiti luar negeri, memegang pekerjaan yang bergaji lumayan. Isterinya seorang mahasiswa dari universiti luar negeri juga. Anne seorang setiausaha Iban yang berkelulusan tinggi juga menyertai kami. Rombongan lain

yang pergi dengan kereta terdiri daripada seorang mubaligh yang sudah fasih berbahasa Kayan dan sedang belajar bahasa Iban untuk menolong penginjalan. Kami diikuti oleh George, seorang Bidayu, dan teman Ibannya. George telah mengenal Tuhan melalui kesaksian Kedu yang telah menjadi Kristian melalui seorang kawan Lun Bawang.

Sewaktu kami memandu di jalanraya dua lereng dari Kuching, hujan tropikal membasahi penunggang motosikal sehingga mereka basah kuyup.

“Kereta lebih baik,” kata kami namun ternyata ujaran kami salah.

Kami terkejut membaca “tidak ada jalan” pada papan tanda setengah batu dari kampung. “Jalanraya ini tidak boleh digunakan sehingga batunya diletakkan.” Perjalanan yang selanjutnya yang sepanjang empat ratus ela berbecak sedalam dua kaki. Kami terpaksa menolak motorsikal kami. Setelah kami menolak motorsikal itu sejauh empat ratus ela, beberapa orang dibonceng sementara yang lain terpaksa berjalan kaki. Sewaktu kami berbelok, kami ternampak sebuah gereja kecil terpampang di sebuah bukit kecil berdekatan rumah panjang. Gereja itu dibuat daripada tiang sederhana, berpapan dan beratap zink, tidak bermeja, dan lantai kasarnya beralaskan tikar sahaja.

Waktu sangat kesuntukan kerana kami terlambat tiba tetapi ini tidak menghalangi kami menjalin kemesraan yang bersantai-santai. Di rumah panjang ini, kayu balaknya hitam pekat seperti arang akibat tercemar abuk dapur terbuka dan tikar yang terbentang menutup kayu buluh. Tetamu hanya bersantai dan bersembang-sembang dan tidak ada yang menanyakan kebaktian sehingga setiap orang sudah minum.

Jamuan itu sungguh meriah. Orang Iban yang pernah mengamalkan pantang larang dan selalu tercengkam ketakutan kerana kepercayaan karut kini mengalami kehidupan baru. Mereka sedang membangun rumah baru dan mengumpulkan perabot baru. Kerusi plastik merah cerah yang kami duduk untuk minuman kami kelihatan tidak secocok bilik yang kotor dan berjaringan laba-laba yang berarang. Anda mungkin berfikir tetamu kota kelihatan tidak sesuai ke situ namun mereka kelihatan selesa dan tidak ada tanda keangkuhan atau ketidakselesaian.

Setelah adab berbudi bahasa dan bersopan santun diperhatikan, kami

memasuki ke gereja itu. Martin memberi ucapan pembukaan yang mudah lalu kami mengadakan upacara Perjamuan Kudus untuk memperingati Tuhan Yesus. Bahan-bahan yang digunakan ialah semangkuk nasi dan segelas minuman jus buah-buahan.

Kemudian, kebaktian baptisan dilancarkan. Martin mencadangkan agar kami tidak terlalu mengikut upacara ketat demi menyelamatkan waktu. Gereja di sini tidak ada kemudahan baptisan seperti bilik mandi, bilik salinan ataupun kolam baptisan biarpun berdekatan ibukota Sarawak. Kami turun ke bukit yang terjal lalu masuk ke kolam yang keruh.

Senjakala menjelang, cuaca dingin semakin menusuk kami dan nyamuk berdengungan, namun salah seorang calon masuk ke dalam air keruh. Di sana, Martin berdiri menyambut mereka.

Selepas kami mendaki kembali ke bukit, kami makan malam lalu mengadakan kebaktian di rumah panjang sebelum berehat. Tanpa mengenal lelah, Martin sudah berkhutbah di Kuching pada keesokannya. Kami merentasi perjalanan tiga batu yang berbatuan sewaktu kami pulang bersama Martin dan isterinya. Perjalanan ini sungguh gelap apalagi kami tidak bersuluh. Tambahan pula, hujan lebat selama lima belas minit telah menyulitkan perjalanan kami namun kami tidak dapat bersungut-sungut kerana Tuhan telah menghentikan hujan selama sepuluh hari. Kami menyelenggarakan kempen penginjilan di gereja Kuching dan di sini kami memerlukan cuaca cerah sekalipun gereja ini telah dilebarkan, ruangnya tidak cukup menampung semua yang datang mendengar Berita Baik.

Kami basah kuyup dan berlumpur ketika pulang. Selepas ini, Martin dan isterinya pulang ke rumah mereka yang indah dan selesa untuk bermandi dan menghirup kopi panas. Namun begitu, hari berikutnya iaitu hari Ahad, dia sudah bersiap sedia untuk berkhutbah.

Setelah kesibukan dengan kempen penginjilan selama seminggu, kami hanya dapat ke rumah panjang orang Iban pada akhir minggu kerana anggota penginjilan kami sibuk dengan pekerjaan masing-masing.

Tuhan tidak meninggalkan suku Iban mahupun suku-suku lain tanpa pemimpin-pemimpin dan guru-guru yang berkebolehan.

Yang pasti, fajar telah menyingsing! Ufuk baru sedang membuka ambang kesempatan bagi umat Tuhan di Sabah dan Sarawak!



*Ray Cunningham meninggal dunia pada
Julai, 2026. Dia berumur 103 tahun.*



*Shirley Lees dan Dr. Bill Lee kini menetap di London. Shirley, penulis buku ini,
pernah melayani selama 14 tahun dari 1952 - 1966 bersama suaminya.
Dia juga menterjemah Perjanjian Baru ke dalam Bahasa Tagal dan menulis buku,
"Mabuk Sebelum Fajar Menyingsing." (Drunk Before Dawn)*